05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROTES SOSIAL YANG DIGAMBARKAN DALAM CERPEN TAMIL TERBITAN AKHBAR *TAMIL NESAN*

RAVICHANDRAN A/L SUBRAMANIAM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT BAGI MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAN TAMIL) (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti unsur protes sosial yang terdapat dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* dalam tempoh 2005-2010. Kajian ini mengenengahkan isu-isu sosial yang menjadi penghalang kepada pembangunan masyarakat serta cabaran yang dilalui ketika itu dalam mendepani arus perdana pembangunan negara. Kaedah kualitatif, iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks serta teori sosiologi sastera. Kajian meliputi 40 buah cerpen terpilih dari akhbar *Tamil Nesan*, dapatan kajian menunjukkan bahawa para cerpenis telah menggunakan kepincangan masyarakat yang dapat dikategorikan kepada 15 tema sebagai protes sosial rakyat. Keadaan daif dan kepincangan yang wujud dalam masyarakat ditonjolkan melalui tema seperti penceraian, penyalahgunaan dadah, tanggungjawab anak, kehidupan yang tidak tentu hala, maruah keluarga, tali persaudaraan, kemandulan, pengorbanan isteri, feminisme, kecurangan suami atau isteri, disiplin pelajar, kasta, keganasan remaja dan pembuangan bayi. Isu-isu ekonomi seperti persaingan dan cabaran untuk meningkatkan taraf hidup agar dapat keluar dari kepompong kemiskinan, masalah politik serta isu-isu pendidikan yang dialami masyarakat India membuktikan protes sosial terdapat dalam cerpen-cerpen Tamil pada ketika itu. Secara keseluruhannya, cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* mencerminkan realiti kehidupan yang dilalui oleh masyarakat India di negara ini. Pengkaji kajian ini dapat diteruskan dan dijadikan panduan untuk kajian selanjutnya berhubung dengan masalah sosial masyarakat India di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SOCIAL PROTEST PORTRAYED IN THE SHORT STORIES PUBLISHED BY *TAMIL NESAN* DAILY.

ABSTRACT

This study intends to analyse short stories published in the *Tamil Nesan* within 2005 to 2010. The first objective of the study is to identify the social protest found in these short stories. Secondly, the objective is to analyse the motive of the social protest, the social politic and education. Thirdly, it is to analyse the society background which caused the social protest portrayed by the writers during that time. This study focuses the social issues which hindered the development of the society and the challenges faced at the time of the nation's development. A qualitative method of library research and text analysis and Sociology of literature theory were used to study the 40 selected short stories from *Tamil Nesan*. The findings show the writers had used social issues in the society which could be categorized into 15 themes as a protest by the people. Poverty and social issues that are present in the society portrayed through themes such as divorce, drug abuse, responsibility towards children, unsteady life, family honour, family relationship, sterility, sacrifice of wives, feminism, infidelity, discipline among school students, cast, teenage violence and abandoned babies. Economic issues such as the competition and the challenges to raise the living standards in order to escape the poverty, political problems and educational issues faced by the Indian community proved that the existence of social protests in the short stories published by *Tamil Nesan* reflects the reality of the Indian Community in this country. The researcher hopes the study can be continued and made use as a guide for further studies in the field of social issues among the Indian community in this country.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN **iii**

PENGHARGAAN **iv**

ABSTRAK **vi**

ABSTRACT **vii**

KANDUNGAN **viii**

SENARAI JADUAL **xi**

SENARAI RAJAH **xii**

SENARAI SINGKATAN **xiii**

TRANSLITERASI **xiv**

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan 1

1.1 Latar Belakang Kajian 3

1.2 Permasalahan Kajian 5

1.3 Kepentingan Kajian 7

1.4 Kaedah Kajian 9

1.5 Teori Kajian 12

1.6 Objektif Kajian 13

1.7 Soalan Kajian 14

1.8 Batasan Kajian 14

1.9 Sumber Kajian 18

1.10 Definisi Konsep 19

1.11 Kesimpulan 21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

1.0 Pengenalan 22

2.1 Kajian-kajian Terdahulu 23

2.2 Kesimpulan 41

BAB 3 : METHODOLOGI KAJIAN

2.0 Pendahuluan 42

3.1 Reka Bentuk Kajian 42

3.2 Kerangka Kajian 44

3.3 Kerangka Teori 45

3.3.1 Aliran Fungsi Model Pencerminan 55

3.4 Kesimpulan 56

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan 57

4.1 Protes sosial Dalam Cerpen

Terbitan Akhbar Tamil Nesan 58

4.2 Protes Sosial Berkaitan Sosial 59

4.2.1 Isu Penceraian 60

4.2.2 Isu Penyalahgunaan Dadah 67

4.2.3 Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa 75

4.2.4 Isu Kehidupan Tidak Menentu Hala 82

4.2.5 Menjaga Maruah Keluarga 86

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6	Isu Kepentingan Tali Persaudaraan	89
4.2.7	Kemandulan	93
4.2.8	Pengorbanan Isteri	96
4.2.9	Isu Feminisme	100
4.2.10	Isu Kecurangan Suami Isteri	109
4.2.11	Isu Disiplin Pelajar	117
4.2.12	Isu Kasta	124
4.2.13	Isu Keganasan Remaja	127
4.2.14	Isu Pembuangan Bayi	131
4.3	Protes sosial Berkaitan Ekonomi	133
4.3.1	Tekad untuk maju	134
4.3.2	Keresahan Hati Si Pemiutang	137
4.3.3	Kemiskinan	141
4.4	Protes sosial Berkaitan Faktor Politik.	142
4.4.1	Sumbangan Pendidikan MIC	144
4.5	Isu Pendidikan	147
4.6	Kesimpulan	157

BAB 5 : PENUTUP

5.0	Pendahuluan	159
5.1	Penemuan	160
5.1.1	Sosial	160
5.1.2	Ekonomi	165
5.1.3	Politik	166

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.4 Pendidikan 167

5.1.5 Analisis Motif 171

5.1.6 Analisis Protes Sosial 175

5.2 Cadangan Kajian Selanjutnya 178

5.3 Kesimpulan 180

RUJUKAN 182

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Cerpen-cerpen yang dipilih untuk kajian ini.	15
4.1	Statistik Penceraian 2010-2013	65
4.2	Statistik Penagih Dadah Di Malaysia Pada Tahun 2012	74
4.3	Ahli Kongsi Gelap Di Malaysia Mengikut Kaum	121
4.4	Peratus Pelajar Mengikut Kaum Yang Mendapat Tempat di 20 IPTA pada sesi 2011/2012.	154
5.1	Jumlah Isu-Isu Sosial Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Tamil Nesan.*	164
5.2	Jumlah Isu-Isu Ekonomi Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Tamil Nesan.*	165
5.3	Jumlah Isu-Isu politik Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Tamil Nesan.*	167
5.4	Jumlah Isu-Isu Pendidikan Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Tamil Nesan.*	171
5.5	Analisis Motif Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Tamil Nesan.*	173
5.6	Analisis Protes Sosial Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Tamil Nesan.*	176

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian	44
3.2	Kerangka Teori	45
3.3	Aliran Fungsi Model Pencerminan	55

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

IPTI JB	-	Institut Perguruan Temenggung Ibrahim Johor Bahru
MIC	-	*Malaysian Indian Congress*
HIV	-	*Huma Immunodefficiency Virus*
hlm	-	Halaman
USM	-	Universiti Sains Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
UMNO	-	*United Malays National Organisation*
PEMANDU	-	*Perfomance Management And Delivery Unit*
SEED	-	Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India
MIED	-	*Maju Institute Of Educational Development*
Universiti AIMST	-	*Universiti The Asian Institute Of Medicine,Science And Technology*
MCA	-	*Malaysian Chinese Association*
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
IPTA	-	Institut Pelajaran Tinggi Awam
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

VOKAL / உயிரெழுத்துகள்:

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	ā	ஏ	-	ē
இ	-	I	ஐ	-	ai
ஈ	-	ī	ஒ	-	o
உ	-	u	ஓ	-	ō
ஊ	-	ū	ஔ	-	au

ஆய்த எழுத்து :

ஃ - k̲

KONSONAN / மெய்யெழுத்துகள் :

க்	-	k	ம்	-	m
ங்	-	n	ய்	-	y
ச்	-	c	ர்	-	r
ஞ்	-	ñ	ல்	-	l
ட்	-	t	வ்	-	v
ண்	-	ṇ	ழ்	-	l̲
த்	-	t	ள்	-	ḷ
ந்	-	n	ற்	-	ṟ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ப் - p ன் - n

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Cerpen merupakan cerminan sesuatu masyarakat. Cerpen mencerminkan protes sosial yang berlaku dalam kalangan sesebuah masyarakat mahupun dalam sesebuah keluarga. Cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* ini bertemakan protes sosial yang berhubung kait dengan institusi keluarga, pendidikan, taraf kehidupan, ekonomi, agama, wanita, warga tua, kesihatan, kepercayaan, skim cepat kaya, skim pinjaman haram, semangat cintakan bahasa ibunda, politik, semangat patriotik dan sebagainya.

Pendek kata, cerpen dapat mencerminkan pemikiran dan budaya sesuatu masyarakat. Bahasa pula merupakan alat perantaraan cerpen yang menyampaikan mesej kepada masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa protes sosial saling bergantung dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persembahan cerpen para penulis. Oleh yang demikian, para cerpenis cuba mencungkil isu-isu yang bertemakan sosial masyarakat dan pendekatan ini akan membentuk jiwa seseorang untuk diguna pakai dalam kehidupan hariannya.

Kajian ini akan merangkumi cerpen yang diterbitkan oleh akhbar *Tamil Nesan* di Malaysia. Akhbar *Tamil Nesan* menyiarkan cerpen-cerpen yang mengandungi protes sosial bagi menarik perhatian para pembaca dalam kalangan masyarakat India di Malaysia yang mempunyai sejarah perkembangan bahasa Tamil di negara ini. Secara tidak langsung akhbar ini menyarankan pihak-pihak tertentu untuk menghulurkan bantuan dan perhatian kepada masyarakat India demi mengurangkan protes sosial yang dihadapi oleh mereka.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Maka wujudlah para cerpenis yang sering menyentuh protes sosial dalam kalangan masyarakat India. Cerpenis cuba mencapai matlamat dan objektif penulisan cerpen genre. Objektifnya ialah mewujudkan kesedaran dan semangat masyarakat India di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Latar Belakang Kajian

Sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia telah bermula sejak awal abad ke 20, iaitu penghijrahan masyarakat India dari India Selatan dan Sri Lanka dan mula bertapak di Malaysia yang ketika itu dikenali sebagai Tanah Melayu. (M. Krishanan, 2007, hlm. 231)

Imigran masyarakat India berasal dari Chennai (Madras) dan Nagapattinam. Manakala masyarakat India dari Sri Lanka pula berasal dari kawasan pantai barat negara itu. Faktor kemiskinan dan kebuluran telah menyebabkan mereka berhijrah ke Tanah Melayu pada ketika itu untuk mendapatkan pekerjaan bagi menyara hidup. (Arasaratnam.S, 1966, hlm. 55)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat permulaan, masyarakat India ditempatkan di ladang-ladang tebu dan kopi di kawasan-kawasan utara dan selatan Tanah Melayu. Akan tetapi kejatuhan harga kopi dan tebu telah menyebabkan sebilangan daripada mereka balik ke India semula.

Bagi mereka yang terus menetap di Tanah Melayu telah menerima durian runtuh apabila pengusahaan getah secara besar-besaran mula dijalankan di Tanah Melayu. Pihak pemerintah Inggeris telah mengambil beberapa langkah demi membantu masyarakat India di Tanah Melayu dengan mengambil mereka bekerja di ladang-ladang getah di seluruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

negara. Masyarakat India dibawa masuk oleh pihak pemerintah Inggeris dan ramai antara mereka berlatarbelakangkan pendidikan Inggeris dan Tamil.

Golongan masyarakat India yang berpendidikan Tamil telah menjadi pencetus kepada perkembangan dan kemajuan penulisan cerpen Tamil di negara ini justeru , akhbar-akhbar harian Tamil juga diterbitkan. Golongan ini telah membantu perkembangan kesusasteraan Tamil dalam bidang cerpen, novel, sajak, rencana dan sebagainya.

Perubahan pemikiran yang berlaku dalam pembentukan masyarakat India dan penerbitan akhbar-akhbar Tamil telah menjadi faktor dorongan bagi kelahiran penulis-penulis veteran sehingga terbitnya hasil karya-karya bercorak sosial yang mencerminkan kehidupan masyarakat India di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Taraf kehidupan masyarakat India, taraf pendidikan, kepentingan keagamaan, taraf sosio-ekonomi, taraf sosial, kegiatan para belia dan beliawanis, sumbangan parti politik dan sukarelawan, hubungan kekeluargaan, peranan ahli keluarga, sambutan perayaan, sumbangan masyarakat India terhadap pembangunan negara Malaysia, perpaduan kaum, kepentingan sains dan teknologi, bidang perubatan dan sebagainya telah menjadi pilihan tema karya-karya cerpenis. (M. Krishanan, 2007, hlm. 58)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara pengkarya yang terkenal di Malaysia adalah Ca.Anbananhthan, C.Vadivelu, R.Karthigesu, N.Parthacarathi, Jevananhtham, Bir Mohammad, Shanmuka Siva, N.Makeswary, S.P.Bama, Kalyani Maniam, M.Ramaiya:, Mu.Anbuchelvan, Thulasi Annamalai, Bangsar A.Annamalai, Ammani, Jasin Thevarajan, K.Murugan, S.Vadiveloo dan lain-lain lagi. Penulis-penulis cerpen Tamil di Malaysia telah memberi sumbangan yang amat banyak dalam bidang cerpen Tamil di Malaysia. (M. Krishanan, 2007, hlm. 55)

Cerpen-cerpen yang terkenal di Malaysia pula ialah *Maraval:ik Kila-ngu, Taukeh Ika:n, Cangkamam dan Amavacai, Catu Ringgit* dan lain-lain lagi. Cerpen Tamil pertama Malaysia dihasilkan oleh V.Cinniah Pillai. Karya antologi cerpen beliau iaitu *Navaraca kathai manjchari (Ivai Inia Katpithak Kathaikal:)* merupakan cerpen Tamil pertama di negara ini (Subramaniam,N.1980). Satu kajian yang terperinci diperlukan untuk mengkaji isu-isu yang digunakan oleh para penulis cerpen-cerpen Tamil di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian protes sosial hasil karya para penulis Tamil di Malaysia merupakan satu kajian yang amat bermakna bagi masyarakat India di negara ini. Hal ini demikian kerana segala masalah masyarakat India di negara ini dapat dikupas dengan lebih mendalam dan teliti oleh para cerpenis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memaparkan isu-isu sosial yang menjadi punca penghalang pembangunan masyarakat India kerana masyarakat India telah dan sedang menghadapi pelbagai masalah sosial dalam mendepani cabaran arus pembangunan negara. Pengkaji juga ingin mengkaji sejauh mana protes sosial ini akan membantu para pembaca mengambil tahu keadaan masyarakat India pada masa kini.

Akhbar Tamil jelas memaparkan kehidupan masyarakat India dan masalah sosial yang dihadapinya melalui penulisan cerpen. Justeru, kajian ini perlu dilakukan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah sosial yang dihadapi dan seterusnya dapat mengenal pasti langkah-langkah yang sepatutnya boleh diambil bagi mengatasi masalah-masalah sosial ini.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Akhbar *Tamil Nesan* berusaha untuk menyiarkan cerpen-cerpen yang menceritakan protes sosial masyarakat, tema, watak dan perwatakan serta corak dan pemikiran masyarakat India di negara ini. Hasil penulisan ini mengimbas kembali kehidupan sanak-saudara masyarakat India pada ketika itu. Disamping itu, masalah-masalah yang telah dihadapi oleh masyarakat India di negara ini juga turut menjadi intipati cerpen-cerpen terbitan akhbar tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* juga menjadi media penyebar maklumat dan komunikasi serta menjadi panduan kehidupan masyarakat India di negara ini. Peranan akhbar-akhbar ini membentuk satu ideologi dalam kalangan para pembaca. Dengan ini, para pembaca juga akan sentiasa peka terhadap isu-isu yang berlaku di sekitar mereka dan cuba bertindak mengikut perubahan dan keadaan semasa.

Sebagai kesimpulan, cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* banyak menyumbang ke arah pemikiran dan pembangunan masyarakat India di negara ini. Oleh yang demikian, amatlah wajar cerpen-cerpen tersebut dikaji dari sudut protes sosial yang dihadapi masyarakat India pada masa kini. Kajian ini perlu dijadikan dokumen sejarah masyarakat India di negara ini untuk panduan generasi akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Kepentingan Kajian

Tidak dinafikan bahawa setiap kajian mempunyai kepentingannya tersendiri. Begitu juga, dengan kajian ini. Pengkaji yang mengkaji masalah sosial dalam cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam akhbar-akhbar Tamil di Malaysia turut mempunyai kepentingan yang akan memberi impak kepada pengkaji dan juga pembaca.

Pengkaji berpendapat bahawa kajian terhadap cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam akhbar-akhbar Tamil di Malaysia sangat penting. Tambahan pula, kajian lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjurus kepada aspek sosial yang agak menonjol dan lantang dalam mengkritik isu-isu sosial, ekonomi, politik dan pendidikan di negara ini. Sebagai contohnya, cerpen yang bertajuk Calaṉam (ketidak tenteraman hati) memaparkan protes sosial dalam kalangan masyarakat India , manakala cerpen menceritakan tentang isu sosial dan Kaṭan Paṭṭār Neñcam Pōl (Pemiutang) menceritakan isu ekonomi manakala Cakara Nākāli (Kerusi Beroda) pula membicarakan isu politik.

Kajian ini bertujuan untuk melahirkan kesedaran dalam kalangan masyarakat India tentang ilmu sosiologi. Pengkaji dan para pembaca akan dapat menghayati dan menaakul masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India yang digambarkan melalui cerpen-cerpen tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian ini juga memberi pengajaran kepada para pembaca tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang kini mudah dilupakan oleh golongan remaja dan belia yang dibuai keseronokan dan hanyut dalam kehidupan modenisasi.

Seterusnya, kajian ini dapat memperkaya kajian-kajian berkaitan sosiologi sastera dalam bahasa Tamil yang masih berkurangan. Pengkaji cuba mengupas penggunaan aspek sosiologi dan mengambil kira isu-isu sosial yang terpapar dalam cerpen-cerpen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menjadi pilihan pengkaji untuk dianalisis bertujuan untuk mendokumentasikan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Pengkaji berharap agar menjadi bahan rujukan dan dokumen sejarah yang memerihalkan kehidupan masyarakat India di negara ini.

Kajian tentang cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan* ini akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan di samping mencipta dan menampilkan cerpen-cerpen yang menggambarkan masalah kehidupan masyarakat India di negara ini. Secara tidak langsung kajian ini akan memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan dan bahasa Tamil untuk mengenali akhbar *Tamil Nesan* dan menjadikan akhbar ini sebagai sumber bacaan utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mencadangkan langkah-langkah yang harus diambil supaya masalah sosial yang dihadapi masyarakat India dapat diselesaikan. Saranan dan cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini boleh dijadikan panduan dan cara penyelesaian masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia.

1.4 Kaedah Kajian

Penyelidikan ini pada dasarnya satu kajian analisis deskriptif. Kaedah ini digunakan untuk memberi gambaran yang menyeluruh mengenai kehidupan sosial masyarakat India di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini telah menggabungkan dua kaedah secara bersepadu iaitu kaedah analisis teks dan kaedah kajian kepustakaan.

1.4.1 Kaedah Kajian Kepustakaan

Sesebuah kajian ilmiah biasanya melibatkan dua cara penyelidikan sama ada kajian perpustakaan ataupun kajian lapangan. Oleh sebab kajian ini dibuat berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan dan yang masih dalam bentuk manuskrip dan untuk memastikan kajian yang dibuat berjalan dengan lancar dan bersistematik, maka kaedah perpustakaan dirasakan amat sesuai digunakan bagi tujuan penyelidikan ini. Antara bahan yang akan diperoleh adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis, majalah, bahan internet dan bahan-bahan rujukan daripada sumber lain. Kajian perpustakaan ini dijalankan untuk membuat rujukan tentang definisi istilah yang terdapat dalam tajuk yang dikaji dan mencari kajian masa lampau oleh tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan melalui laman web. Begitu juga dengan penggunaan buku, pengkaji akan menggunakan pelbagai jenis buku dari tahun-tahun penerbitan yang terdahulu hinggalah sekarang. Pengkaji juga tidak tidak terlepas daripada merujuk latihan ilmiah oleh pengkaji-pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang lepas. Rujukan bahan-bahan tersebut banyak membantu pengkaji dari segi ilmu dan sebagai panduan dalam menyediakan latihan ilmiah.

1.4.2. Kaedah Analisis Teks

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis teks yang meliputi analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengupas protes sosial yang terpapar dalam cerpen. Olek sebab kajian ini mengenai teks cerpen yang sudah diterbitkan, maka kajian ini haruslah dilakukan berdasarkan sumber asal iaitu cerpen akhbar *Tamil Nesan*. Oleh itu, pengkaji akan meneliti cerpen-cerpen akhbar-akhbar *Tamil Nesan* berdasarkan objektif kajian.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Pengkaji telah membaca dan meneliti sebanyak 40 buah cerpen dari akhbar *Tamil Nesan.* Dalam proses pembacaan data, pengkaji telah berusaha untuk mengenal pasti protes sosial dan protes sosial yang terkandung dalam setiap cerpen. Selain itu, semasa pembacaan, pengkaji juga berusaha mengenalpasti tema setiap cerpen untuk memastikan objektif pengarang menggunakan protes sosial dalam cerpen-cerpen tersebut.

Pemilihan data dibuat berdasarkan tiga objektif utama kajian iaitu mengenal pasti protes sosial, tema dan protes sosial yang digambarkan dalam cerpen. Daripada 300 buah yang diteliti hanya 40 cerpen sahaja yang dipilih bagi tujuan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Protes sosial yang dikenal pasti dalam 40 buah cerpen dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu protes sosial yang berkaitan dengan sosial, ekonomi, politik dan pendidikan.

1.5 Teori Kajian

Teori didefinisikan sebagai satu skema, sistem idea atau pernyataan yang dipegang sebagai penjelasan tentang suatu kumpulan fakta atau fenomena. Dalam erti kata lain yang lebih luas, teori dibentuk melalui penerokaan ke atas sesuatu fenomena dengan mengenal pasti dan meneliti perhubungan antara konsep sekitar fenomena (Othman Lebar; 2009)

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Analisis protes sosial dalam cerpen akhbar-akhbar Tamil Malaysia merupakan kajian berkaitan dengan kemasyarakatan. Hal ini menunjukkan bahawa kajian ini memerlukan teori sosiologi untuk membantu menghadapi dan memahami isu-isu dalam penyelidikan protes sosial. Sesungguhnya teori sosial adalah penting dalam membolehkan kita menginterpretasi data untuk membincangkan protes sosial.

Cerpen-cerpen yang dipilih, dianalisis berdasarkan pendekatan sosiologi sastera dengan menggunakan Model Pencerminan Georg Lukacs. Pemilihan teori ini dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atas dasar kesedaran yang mendasari keperluan objektif kajian dan kesesuaiannya dengan bahan kajian dalam penyelidikan.

Pengkaji meneliti cerpen-cerpen akhbar *Tamil Nesan* secara intrinsik yang menggambarkan protes sosial dengan menggunakan pendekatan.

1.6 Objektif Kajian

1.6.1 Mengenal pasti protes sosial yang terkandung dalam cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan*.

1.6.2 Menganalisis motif penggunaan protes sosial dalam cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan*.

1.6.3 Menganalisis protes sosial yang mencerminkan latar masyarakat sebagaimana ditonjolkan oleh pengarang dalam cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut.

1.7.1 Apakah protes sosial yang terkandung dalam cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan*?

1.7.2 Apakah motif penggunaan protes sosial dalam cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan*?

1.7.3 Apakah protes sosial yang dicerminkan latar masyarakat oleh pengarang dalam cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan*?

1.8 Batasan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Batasan kajian bertujuan agar masalah yang dibahas tidak keluar dari jalur pembahasannya dan akan memberi ruang lingkup yang jelas dan tepat kepada pengkaji supaya tidak terpesong daripada masalah kajian. Dalam kajian ini, pendekatan ekstrinsik sosiologi sastera digunakan iaitu pendekatan terhadap karya sastera yang mempertimbangkan aspek-aspek kemasyarakatan. Kajian ini difokuskan kepada protes sosial yang mencerminkan corak kehidupan masyarakat India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dibataskan kepada cerpen Tamil Malaysia yang diterbitkan oleh akhbar *Tamil Nesan.* Sebanyak 40 buah cerpen digunakan dalam kajian ini dalam tempoh 6 tahun daripada tahun 2005 hingga 2010 yang diterbitkan oleh akhbar tersebut. Paparannya adalah seperti jadual 1 berikut.

Jadual 1.1
Senarai Cerpen Yang Dipilih Untuk Kajian Ini.

Bil.	Tarikh	Tajuk Dalam Bahasa Tamil	Tajuk Dalam Bahasa Melayu	Aspek	Isu
1	12.1.2005	*Kīṛal*	*Cakaran*	Sosial	Disiplin Pelajar
2	1.4.2005	*Nūlām Paṭai*	*Buku*	Sosial	Penceraian
3	6.6.2005	*Tēṭum Kaṇkaḷ*	*Mata Mencari*	Sosial	Kasih Sayang
4	1.1.2006	*Eḷumpukkūṭu*	*Tulang Badan*	Sosial	Kasta
5	1.1.2006	*Al-katal*	*Laut Dalam*	Sosial	Kemiskinan
6	4.2.2006	*Vacantam*	*Musim Bunga*	Sosial	Penyalahgunaan Dadah
7	5. 2.2006	*Mankaiyark karasi*	*Nama Wanita*	Politik	Sumbangan Pendidikan MIC
8	25.2.2006	*Kaṭan Paṭṭār Neñcam Pōl*	*Keresahan Pemiutang*	Ekonomi	Keresahan Hati Si Penghutang
9	18.3.2006	*Mella Tiṛantatu Katavu*	*Pintu Buka Secara Perlahan*	Sosial	Feminisme
10	28.05.2006	*Puṉitamāṉaval*	*Perempuan Suci*	Sosial	Persaudaraan
11	18.06.2006	*Ilaṭciyap Peṇ*	*Wanita Bercita-cita Tinggi*	Politik	Pendidikan
12	25.06.2006	*Tāykkup Piṉ Tāramā*	*Isteri Selepas Ibu?*	Sosial	Kecurangan Suami isteri
13	07.01.2007	*Paṉpum Payaṉum Atu*	*Sikap Baik*	Sosial	Kemandulan
14	17.01.2007	*Eḷutāta Oppanṭam*	*Perjanjian Tidak Bertulis*	Sosial	Penyalahgunaan Dadah
15	04.02.2007	*Tantaiyar Būmi*	*Bumi Ayah*	Sosial	Kasih Sayang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

16	15.04.2007	*Calaṉam*	*Kemelut*	Sosial	Kehidupan Tidak Menentu Hala Tuju
17	20.05.2007	*Pāḷ Viṭi*	*Lorong dihina*	Sosial	Kehidupan Tidak Menentu Hala Tuju
18	03.06.2007	*Aṇṇaṉukkut Teriyumā*	*Saudara Tahukah?*	Sosial	Menjaga Maruah Keluarga
19	17.06.2007	*Eṭirpārātatu*	*Tanpa Diduga*	Sosial	Persaudaraan
20	15.06.2008	*Puyalukkup Piṉ*	*Selepas Ribut*	Sosial	Feminisme
21	11.02.2009	*Uḷḷum Veḷiyum*	*Dalam Dan Luar*	Sosial	Disiplin Pelajar
22	29.3.2009	*Piṭivātam*		Sosial	Penceraian
23	5.7.2009	*Cakkara Nāṛkāli*	*Kerusi Beroda*	Politik	Pendidikan
24	26.7.2009	*Ikkarai Paccai*	*Kehijauan Di tebing sini*	Politik	Pendidikan
25	16.8.2009	*Maṉnipu*	*Maaf*	Sosial	Penyalahgunaan Dadah
26	23.8.2009	*Antimat Tēṭalkaḷ*	*Saat Terakhir*	Sosial	Kasih Sayang
27	30.08.2009	*Pārtta Kaṇkaḷ Iraṇṭu*	*Dua Orang Telah Melihat*	Sosial	Kecuranga Suami Isteri
28	29.11.2009	*Tuṇaivi*	*Isteri*	Sosial	Pengorbanan Isteri
29	27.12.2009	*Pāṭṭi*	*Nenek*	Sosial	Keganasan Remaja
30	14.02.2010	*Maṇamāṉavaḷ ā Avaḷ*	*Sudah Dia Berkahwin?*	Sosial	Keganasan Remaja
31	21.02.2010	*Ōṭai Oṉṛu Natiyākiṛatu*	*Alor Menjadi Sungai*	Politik	Sumbangan Pendidikan MIC
32	09.05.2010	*Katavai Mūṭu Kāṛṛu Varātu*	*Tutup Pintu Angin Tak Masuk*	Sosial	Feminisme
33	11.7.2010	*Maṉamāṛṛam*	*Perubahan Hati*	Sosial	Kecurangan Suami Isteri
34	18.7.2010	*Pācamum Nēcamum*	*Kasih Sayang*	Sosial	Perasaan Cinta
35	25.7.2010	*Iravuc Chūriyan*	*Matahari Malam*	Sosial	Feminisme
36	5.9.2010	*Putitai Pūtta Uṛavu*	*Hubungan Baru*	Sosial	Feminisme
37	12.9.2010	*Puriyāta Piriyam Piriyumpōtu Pūriyum*	*Kasih Sayang*	Sosial	Pengorbanan Isteri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

38	10.10.10	*Kolaikkāri*	*Pembunuh*	Sosial	Pembuangan Bayi
39	24.10.2010	*Karai Kāṇa Muṭiyāta Tōṇikaḷ*	*Sampan Yang Tidak Dapat Sampai Ke Tebing*	Sosial	Kecurangan Suami Isteri
40	14.11.2010	*Māṛram*	*Perubahan*	Ekonomi	Tekad Untuk Maju

Sumber : Akhbar *Tamil Nesan*

Cerpen-cerpen yang dipilih untuk diterbitkan dalam akhbar *Tamil Nesan* adalah berdasarkan beberapa ciri yang berikut:

i. Cerpenis: Editor atau pegawai yang ditugaskan di pejabat akhbar akan memeriksa cerpen yang diterima oleh mereka melalui pos ataupun email. Mereka akan memilih sesuatu cerpen sekiranya cerpen itu merupakan hasil karya cerpenis veteran yang terkenal. Sebagai contoh cerpenis yang digelar Ko.Punniyavan, C.Vadiveloo, Bakiam, Saraswathy, Nirmala Ragawan dan lain-lain lagi tentu akan disiarkan dalam akhbar.

ii. Isu: Di samping itu, isu yang diceritakan dalam sesuatu cerpen juga diambil kira untuk dimuatkan dalam akhbar. Isu-isu hangat akan diberi keutamaan. Antaranya ialah isu rumah tangga. Oleh itu, cerpen yang membincangkan isu-isu yang penting yang masih berlaku dalam sesebuah keluarga atau masyarakat akan diberi perhatian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Minat Pembaca: Minat pembaca juga diberi keutamaan dalam pemilihan cerpen untuk dimuatkan dalam surat khabar. Para pembaca kini sangat minat terhadap cerpen yang bertema cinta, masalah keluarga dan sebagainya.

iv. Tanggungjawab Akhbar: Walaupun penerbitan akhbar merupakan satu usaha perniagaan namun pihak berkenaan mempunyai tanggungjawab sendiri terhadap masyarakat dan bahasa ibundanya. Oleh itu, mereka memberi peluang kepada para penulis baharu dan cerpen-cerpen mereka tidak diambil kira dari segi tema, mutu, pengalaman dan sebagainya.

Oleh itu, tentunya cerpen-cerpen yang dipilih dalam akhbar *Tamil Nesan* pasti akan mematuhi ciri-ciri di atas. (*Sathya, Tamil Nesan*, 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Sumber Kajian

Kajian ini dihasilkan berdasarkan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ini adalah daripada petikan cerpen yang dipilih dari akhbar *Tamil Nesan.* Manakala, penggunaan sumber sekunder pula berdasarkan kepada bahan kritikan dan artikel serta tesis-tesis sejarah perkembangan sastera Tamil Malaysia dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Konsep

Dalam kajian ini terdapat perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh para pembaca. Maka pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep bagi memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut. Perkara memberi istilah konsep ini berdasarkan tajuk kajian iaitu *Protes sosial Dalam Cerpen Akhbar-akhbar Tamil Malaysia*. Penghuraian definisi konsep yang digunakan oleh pengkaji adalah untuk memudahkan kajian kepada pernyataan masalah ke atas tajuk kajian yang telah dipilih.

1.10.1 Protes Sosial

Protes sosial adalah merujuk kepada perkara-perkara atau masalah-masalah yang mengelilingi sesebuah masyarakat. Protes sosial haruslah berkaitan dengan peredaran masa kini atau perkembangan semasa. Protes sosial ini boleh menjadi batu lonjatan atau penghalang kepada sesuatu masyarakat. Antara contohnya adalah masalah rumah tangga, masalah ketagihan minuman arak, masalah rumah setinggan, masalah politik, masalah alam sekitar, masalah remaja dan belia dan pendidikan (Sekolah Tamil) serta masalah ekonomi. (M.Ramaiyah,1976)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2 Cerpen

Cerpen atau cerita pendek yang kita kenali ini bukanlah sesuatu yang baru. Sebaliknya, bentuk ini adalah lanjutan dan peluasan daripada tradisi cerita dalam bentuk *Ceyyul*: yang sudah menjadi tradisi dalam masyarakat Tamil. Pada asasnya kita boleh perhatikan teknik cerita pendek dalam Ceyyul: Zaman Canggam. Karya Sastera *'Kalitokai'* ada mengandungi unsur-unsur cerita pendek dalam memerihalkan kehidupan luaran dan dalaman (fizikal-mental) *(Akam dan Putam)* masyarakat Tamil (Akilan, 2002). Tradisi ini merentasi masa dan perubahan yang drastik melalui sejarah dan masyarakat Tamil berubah sehingga membentuk tradisi seni bercerita yang baharu iaitu cerpen.

1.10.3 Akhbar *Tamil Nesan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhbar *Tamil Nesan* merupakan sebuah akhbar yang diterbitkan sejak tahun 1924. Akhbar ini bukan sahaja berperanan untuk menyiarkan berita malah, akhbbar ini menjadi medium penyebar kesusasteraan Tamil di Malaysia. Terbitan akhbar ini pada awal minggu turut diselipkan dengan pelbagai karya sastera seperti karya cerpen dan sajak. Secara tidak langsung, akhbar *Tamil Nesan* telah memainkan peranan penting dalam penyebaran karya sastera khusus buat pembaca yang peminat karya kesusasteraan Tamil. (M.Ramaiyah,1976)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Kesimpulan

Kajian ‘Protes Sosial Dalam Cerpen Akhbar *Tamil Nesan* di Malaysia’ merupakan satu kajian sosiologi sastera. Kajian ini memberi fokus kepada kehidupan sosial masyarakat India di Malaysia. Untuk memastikan kajian ini tidak terpesong daripada landasan objektifnya, perkara-perkara asas kepada sesuatu kajian seperti objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan sebagainya harus dibincang dengan terperinci dalam bab ini. Rangka kajian yang bersistematik juga telah dibuat untuk mencapai hasil kajian yang dihasratkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Pengkaji membuat analisis terhadap beberapa orang pengkaji terdahulu yang telah menjalankan kajian berkaitan dengan cerpen dan protes sosial. Tujuan tinjauan literatur ini dijalankan adalah untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kajian-kajian lepas yang mempunyai hubung kait dengan bidang yang dikaji.

Kajian-kajian terdahulu yang ditinjau kebanyakkanya hanya berbincang tentang tema dan persoalan cerpen serta sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Pengkaji membuat kajian umum tentang latar, tema, plot sesebuah cerpen Tamil. Namun demikian, hanya ada beberapa kajian sahaja yang menumpukan kepada kehidupan masyarakat India di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Kajian-Kajian Terdahulu

Cerpen boleh dikatakan sebagai satu bidang yang menarik minat para penulis di Malaysia untuk turut bergiat cergas. Hal ini mungkin kerana disebabkan oleh masa yang diperlukan adalah lebih singkat, bentuk atau format yang dikhaskan mudah dan ringkas.

Sehingga kini kajian-kajian mengenai cerpen Tamil Malaysia yang pernah dilakukan hanya menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Di samping itu, ada juga golongan sarjana yang telah membuat kajian umum terhadap latar, tema dan plot sebuah cerpen Tamil untuk tujuan tersebut. Usaha mendalam untuk membicarakan bentuk dan struktur cerpen-cerpen yang dihasilkan dalam sudut suatu jangka masa yang tertentu tidak pernah diberi perhatian. (Baskaran, N.1995)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaubagaimanapun, daripada tinjauan dan kajian didapati beberapa tokoh sarjana telah menunjukkan inisiatif mereka dalam mengkaji beberapa aspek dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia.

Saravanan A/L Veeramuthu dalam tesis Ph.D (2010) yang bertajuk *Citra Identiti Budaya Masyarakat India: Satu pembicaraan Cerpen Melayu karya cerpenis India* menyatakan bahawa karya ini mengupas citra identiti kebudayaan masyarakat India dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dunia penulisan kesusasteraan Melayu serta mengenal pasti usaha-usaha yang dilakukan oleh cerpenis-cerpenis India dalam kesusasteraan Malaysia. Citra identiti ini dilihat dengan menggunakan dua modul iaitu Modul Pembentukan identiti Phinney dan Modul Tahap Akulturasi Sue dan Sue. Terdapat empat skop identiti yang dibincangkan iaitu identiti luaran, identiti lahiriah (pakaian dan makanan), identiti dalaman (bangsa, kasta, agama dan kepercayaan, unsur mitos, adat dan amalan serta perkahwinan) dan identiti nilai (ekonomi, gender dan isu-isu sosial). (Perpustakaan Universiti Malaya)

Selain itu, Sagar A/L Narayanan melalui tesis Ph.D (2009), yang bertajuk *Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India dalam Novel Tamil Malaysia - 1957 sehingga 1987* pula menyatakan bahawa kajian ini menghuraikan secara terperinci isu-isu dan persoalan semasa yang diutarakan dalam novel-novel. Kajian ini juga membincangkan secara dalam aspek dan corak pemikiran masyarakat India yang wujud dalam novel, protes sosial, perjuangan, cabaran kehidupan di ladang-ladang. Tesis ini merupakan bahan yang berbeza tetapi mempunyai teori yang sama dengan kajian pengkaji.

Ravindran A/L Maraya dari Universiti Malaya melalui tesis sarjana yang bertajuk *Penggambaran Citra Wanita Dalam Cerpen Tamil Malaysia, 1970-2010: Satu Kajian Berasaskan Teori Arketaipal* pada 2012, meluahkan perasaan bahawa cerpen Tamil yang dihasilkan di Malaysia kini telah pun menerima pengaruh daripada pelbagai pemikiran yang kian baru. Cerpen yang dihasilkan sentiasa didukung oleh beberapa struktur penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

agar hasil karya itu dapat disampaikan kepada pembaca dengan sempurna. Dalam meneliti hakikat ini, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menilai cerpen-cerpen Tamil Malaysia agar dapat menggambarkan citra wanita melalui penulisan cerpen. Pendekatan Teori Arketaipal digunakan sebagai dasar menilai hasil karya cerpenis tempatan. Dengan menggunakan Teori Arketaipal kita dapat mengkaji sejauh manakah cerpenis tempatan mengaplikasikan perwatakan watak-watak utama wanita dari kesusasteraan Tamil dalam penghasilan sebuah cerpen yang bermutu. Lantaran itu, kajian ini ingin memastikan sejauh manakah penggambaran citra wanita memainkan peranan dalam kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dari segi karya-karya purana, epik, dewa-dewi serta dari segi cerita sastera rakyat dan pergerakan watak era moden. Kaedah analitikal dan diskriptif digunakan dengan lebih jitu supaya dapat mengkaji unsur-unsur pemikiran wanita dan perkembangannya dalam kalangan penulis tempatan. Pandangan ini memberi satu pendedahan baharu dari segi pemikiran wanita dalam perkembangan diri mereka dari zaman kanak-kanak hingga akhir hayat dalam konteks mendukung terhadap konsep induk dalam diri manusia. Berikutan itu, penulisan cerpen yang berkembang mengikut peredaran masa dapat juga memberikan satu kajian yang tepat dalam mengkaji kepelbagaian watak Arketaipal dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Cara ini dapat menganalisis secara keseluruhannya perwatakan wanita-wanita zaman sekarang yang bersifat Arkeitaipal dalam masyarakat Tamil serta pengaruh pendekatan Arkeitaipal dalam kehidupan mereka dan secara langsungnya dapat membuktikan bahawa adanya perubahan terhadap citra wanita dalam cerpen Tamil Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian peringkat sarjana oleh Bakkiyaletchumi, PK. (2012) dari Universiti Tamil Tanjavoor yang bertajuk *'Balamuruganin Sitrukataikal: Val-i Malaysia Tamil-arkal:in Val-kai'* membincangkan kehidupan masyarakat Tamil Malaysia melalui cerpen-cerpen K.Balamurugan. Pengkaji mendapati cerpen-cerpen K.Balamurugan amat unik dan berbeza daripada penulis-penulis Tamil Malaysia yang lain. Hal ini kerana tema dan teknik penceritaan yang bukan lazim digunakan oleh cerpenis ini. Teori sastera pascamoden mendasari kebanyakkan cerpen-cerpen beliau. Unsur-unsur seperti *'Deconstruction, Hyperreality, postcolonialisme, late capitalisme* dan sebagainya digunakan dengan meluas dalam cerpen-cerpen beliau. Pengkaji mendapati isu-isu sosial semasa iaitu isu-isu kemasyarakatan yang baik dan buruk dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia dibincangkan dengan luas dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Kehidupan masyarakat yang sengsara akibat pelbagai bentuk penindasan digambarkan dalam cerpen-cerpen K.Balamurugan. Antara persoalan yang sering menjadi pilihan penulis adalah kesengsaraan hidup masyarakat miskin, penindasan dalam sistem kapitalisme, masalah pendidikan sekolah Tamil, kepercayaan karut dan sebagainya. Kajian ini hanya membincangkan isu-isu sosial dalam ruang lingkup yang kecil, iaitu hanya isu-isu sosial yang kurang popular dibincangkan.

Di samping itu, Kalaivani A/P Palaney dalam tesis sarjana (2011), yang bertajuk *Kajian Protes Sosial Dalam Cerpen Tamil Terbitan Akhbar Malaysia Nanban* dalam jangka masa 2000-2003, telah membincangkan isu-isu sosial yang dibincangkan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cerpen-cerpen. Tambahan pula, tema cerpen, isu-isu dalam keluarga, isu-isu wanita, perkahwinan, masalah warga tua dan sebagainya dibincangkan. Tesis ini pula, merupakan kandungan bahan yang berbeza tetapi membicarakan tema yang sama. Tambahan pula, tesis ini hanya mengkaji cerpen dari akhbar Tamil Malaysia Nanban.

Tidak ketinggalan juga, Kumarasamy A/L Thannimalai melalui tesis sarjana (2011), turut membincangkan *Isu-isu Sosial Yang Digambarkan oleh Novel-novel Tamil Malaysia Sekitar 1990-an* pula menyatakan bahawa tujuan kajian adalah untuk meninjau sejarah isu-isu sosial etnik Tamil Malaysia telah dibincangkan dalam novel-novel Tamil oleh penulis tempatan.

Dalam pada itu, Segaran A/L Muthapan melalui tesis sarjana yang bertajuk *Kajian Tema Karya-karya V.Munian* pada 2011 dari Universiti Malaya telah mengkaji isu-isu sosial, isu-isu budaya, pemikiran masyarakat dan corak kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia. Bagi melengkapkan tesis ini beliau menggunakan teori sosiologi dengan menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan analisis kritikan sastera sebagai metodologi kajian. Menurut beliau, cerpen-cerpen V.Munian yang meliputi aspek sosial, budaya, pemikiran dan corak kehidupan masyarakat Malaysia melambangkan gagasan yang perlu diteliti untuk membentuk masyarakat madani yang masih terikat kukuh dan berpegang teguh dengan nilai, kasih sayang dan adat masyarakat India walaupun dimamah perubahan zaman. Dalam pada itu, kajian ini mengupas tema-tema dan isu-isu yang timbul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam masyarakat India khususnya kaum Tamil di Malaysia. Hasil analisis membuktikan unsur-unsur sosial seperti tradisi, bahasa, budaya, sejarah, nilai, pengalaman, ideologi dan fahaman membantu pemikiran V.Munian dalam memperkaya hasil kesusasteraan Tamil terutamanya genre cerpen Tamil di Malaysia.

Disamping itu, Jayanthi A/P Palanandy dari Universiti Malaya melalui tesis sarjana yang bertajuk *Pemindahan Leksis Bahasa Inggeris Dalam Cerpen Tamil* pada 2011 menyatakan bahawa kajian memfokuskan pada pinjaman leksis Bahasa Inggeris ke dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji sejauh mana dan bagaimana pinjaman leksis Bahasa Inggeris berlaku dalam karya sastera Tamil di Malaysia khususnya dalam cerpen Tamil. Pinjaman ini dikaji dari segi jenisnya dan juga pola-pola pembentukan leksis apabila proses pinjaman itu berlaku. Di samping itu, dapat meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk menggunakan leksis Bahasa Inggeris dalam karya-karya tersebut dengan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Tambahan pula, dapatan kajian membuktikan bahawa jenis pinjaman leksis Bahasa Inggeris yang paling kerap berlaku dalam cerpen Tamil adalah melalui proses pengimportan dan pinjaman tulin dan pinjaman kacukan.

Seterusnya, Jesuthas A/L Nyanapragasam melalui tesis sarjana (2010), *Cerpen-cerpen karya M.Shanmugasiva Satu Kajian Tema Dan Struktur* telah menyatakan bahawa cerpen cerpen bercorak eksperimental. Liku-liku kehidupan masyarakat India di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui cerpen-cerpen penulis dapat diketahui cara pemikiran secara kritis mempengaruhi penciptaan sesebuah cerpen, prinsip-prinsip yang dominan dan pengaruh unsur luaran dalam menentukan corak pemikiran serta teknik penceritaan yang pelbagai dalam karya. Kajian ini yang menggunakan teori Analitikel juga mengupas penggunaan bahasa semasa penulis membincangkan tema dan isu-isu dalam membentuk masyarakat India yang berketerampilan dan maju. Hasil karyanya mempunyai unsur-unsur luaran seperti tradisi, sosial, budaya, sejarah, falsafah, pengalaman dan idologi tetap berdialog dengan unsur-unsur dalam diri pengarang ketika proses penciptaan cerpen.

Selain itu, Kunaseelan A/L Subramaniam melalui tesis sarjana (2010), yang bertajuk *Tema dan Persoalan Dalam Cerpen M.A.Ilanchelvan* membicarakan tema dan persoalan. Selain mengkaji tema dan persoalan, kajian ini mendedahkan isu-isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia dari tahun 1960 hingga 1980 melalui cerpen-cerpen M.A.Ilanchelvan. Walaupun kajian ini membincangkan isu-isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat India tetapi tidak menyeluruh dan tumpuan yang lebih hanya diberikan kepada tema dan persoalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Annadurai A/L Murugiah melalui tesis sarjana (2010), yang bertajuk *Cerpen-cerpen Pe:ravaik Kathaikal (1986-2000) : Satu Kajian Tema*, mengkaji tema-tema popular dalam antologi cerpen *Pe:ravaik Kathaikal* dari tahun 1986 hingga 2000. Beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memfokuskan kajiannya terhadap cerpen-cerpen yang memenangi hadiah sastera Tamil anjuran Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya. Kajian ini membincangkan tema sebagai unsur mencerminkan peristiwa, pergolakan atau kepincangan dalam masyarakat India di Malaysia. Walaupun kajian beliau menyentuh isu-isu sosial tetapi ianya tidak difokuskan secara menyeluruh.

Di samping itu, Anandai A/P Subramaniam dari Universiti Malaya dalam tesis sarjana yang bertajuk *Institusi Perkahwinan, Keluarga dan Pendidikan Dalam Masyarakat Tamil : Satu Pembicaraan Berdasarkan Perspektif Pepatah Tamil*, pada 2010 telah mengetengahkan sejauh mana pepatah Tamil mencerminkan budaya, corak hidup dan pemikiran masyarakat Tamil. Unsur-unsur ini dikaji dari perspektif pepatah Tamil dengan memfokuskan kepada tiga institusi sosial yang utama iaitu, institusi perkahwinan, keluarga dan pendidikan. Tambah beliau, kajian ini memberikan suatu gambaran yang jelas tentang peranan pepatah Tamil dalam mencerminkan ciri-ciri budaya dan amalan hidup masyarakat Tamil. Hasil kajian juga menunjukkan pelbagai sistem nilai, falsafah, pengajaran dan ketinggian ilmu pengetahuan yang merentasi kehidupan masyarakat Tamil dalam ketiga-tiga kategori institusi dengan menggunakan kaedah penyelididkan, kualitatif yang menjuruskan kepada penyelidikan kepustakaan.

Di samping itu, Ammini A/P Ayau dari Universiti Malaya dalam tesis sarjana yang bertajuk *Kajian Tema Cerpen Karya Penulis-penulis Tamil Negeri Johor (1950-*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2010) pada 2010, menyatakan bahawa kajian ini dilakukan secara mendalam untuk melihat akan mesej yang ingin disampaikan kepada warga pembaca. Metodologi kajian yang digunakan ialah teori Mimetik yang merupakan cara untuk menggambarkan kehidupan sesebuah masyarakat. Kajian ini berupa kritikan terhadap penulisan cerpen Tamil Johor. Tema yang paling ketara dalam karya penulis-penulis Johor ialah isu-isu kekeluargaan, keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat India dan tema keprihatinan. Secara keseluruhannya, boleh dirumuskan bahawa pelbagai tema yang digunakan telah memperlihatkan isi hati para penulis yang ingin disampaikan kepada golongan pembaca menerusi cerpen-cerpen. Penyelidikan ini memberi peluang kepada masyarakat Malaysia untuk memahami masyarakat India Johor serta perkembangan cerpen Tamil di Johor sejak tahun 1950-an hingga kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2010 S.Bawani dari Universiti Tamil Tanjavoor dalam melengkapkan pengajian sarjana telah membuat kajian terhadap cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Kajian beliau bertajuk *'Pal-a Etthikal Anbarasanin Sirukathai Padaippu Thiran'*. Beliau memberi fokus kepada tiga perkara penting dalam mengkaji cerpen-cerpen Pala Ettikal Anbarasan. Bahagian pertama kajian beliau memberi fokus kepada menggalurgariskan sejarah perkembangan cerpen Tamil Malaysia. Perkara kedua pula membincangkan kandungan cerpen-cerpen tersebut dengan memberi penekanan kepada tema dan persoalan. Selain itu aspek struktur (strukturalisme) dalam cerpen juga dikaji oleh beliau. Strukturalisme dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

difahami sebagai teori yang menitikberatkan perkara-perkara dalaman (kandungan) yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Dalam kajian ini pengkaji memberi fokus kepada tema, plot, perwatakkan, bahasa, latar dan sudut pandangan. Pengkaji berjaya memperincikan perbahasan untuk mencari makna teks dengan memperkaitkan satu aspek dengan aspek lain, melihat transformasi isi yang menerbitkan isi atau makna yang lain secara sinkronik.

Mohd Sahib melalui tesis sarjana (2009), *Pemaparan isu-isu sosial dalam puis-puisi Tamil Malaysia selepas kemerdekaan* pula menyatakan berdasarkan teks antologi puisi *Malaysia Tamil Kavithaik Kalanjiam* yang diusahakan oleh Murasu Nedumaran. Antologi ini memuatkan puisi-puisi terpilih yang dicipta sejak tahun 1887 sehingga 1987. Sebagai latar belakang kajian sejarah perkembangan puisi Tamil Malaysia ditinjau. Diikuti dengan pendedahan isu-isu sosial yang dikenal pasti daripada puisi-puisi yang digunakan sumber asas kajian ini. Kajian ini dapat disempurnakan melalui Pendekatan Interpretasi Kesusasteraan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Balu A/L Subramaniam melalui tesis sarjana (2008), yang bertajuk *Cerpen Karya Puspaleelavathy (Paavai): Satu Kajian Tema* mendapati tema-tema yang dikemukakan oleh cerpenis agak berlainan. Dengan mengunakan kaedah analisis dan deskriptif kajiannya mendapati warisan gambaran masyarakat melalui cerpen mereka telah menjadi suatu tradisi karyawan sehingga hari ini. Dengan itu, Paavai yang mempunyai perasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan inginkan perubahan dalam sistem sosial masyarakat India, maka hampir kesemua karya yang dihasilkan oleh beliau tetap menyentuh aspek sosial.

Kalai Venthan (2008) dari Universiti Tamil Tanjavoor dalam tesis sarjana yang bertajuk *'Va: Munianin Sirukathai Padaippu Thiran'* membuat kajian terhadap cerpen-cerpen cerpenis Va. Munian. Seperti kajian di atas, Kajian ini juga memberi penekanan kepada sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Kajian ini berjaya mengupas tema-tema dan isu-isu yang timbul dalam masyarakat India khususnya kaum Tamil di Malaysia. Hasil analisis membuktikan unsur-unsur sosial seperti tradisi, bahasa, budaya, sejarah, nilai, pengalaman, ideologi dan fahaman membantu pemikiran V.Munian dalam memperkaya hasil kesusasteraan Tamil terutamanya genre cerpen Tamil di Malaysia. Cerpen-cerpen penulis ini dapat meningkatkan lagi martabat Kesusasteraan Tamil di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Ramesh Kumar (2008) dari universiti yang sama dalam tesis sarjana yang bertajuk *'Ko: Punniava:nin Sirukathai Thiran'* membuat kajian terhadap cerpen-cerpen cerpenis Ko. Punniava:n. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji berfokus kepada tiga aspek iaitu sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia, tema dan persoalan serta kajian struktur cerpen. Hasil tinjauan mendapati cerpen Tamil mula berkembang di Malaysia pada tahun 1930-an. Tema-tema yang digunakan oleh penulis pada ketika itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak membincangkan masalah yang dihadapi masyarakat Tamil di Tamil Nadu, India. Pengkaji juga mengkaji struktur cerpen seperti plot, tajuk, watak dan perwatakan dan sebagainya. Pengkaji menyatakan Ko.Punniavaan merupakan cerpenis yang bersifat eksperimental. Hal ini kerana, beliau sentiasa mencuba sesuatu yang baharu dalam menulis cerpen.

Umadevi A/P Prabaharan melalui tesis sarjana (2007), yang bertajuk *Protes sosial Dalam Cerpen Malaysia Dari Tahun 1990-2006* membicarakan masalah sosial yang dipaparkan dalam cerpen Tamil dari tahun 1990 hingga 2006. Cerpen-cerpen yang disiarkan dalam akhbar Tamil Malaysia menjadi objek kajian beliau. Kajian beliau berfokus kepada tahap pemaparan protes sosial masyarakat India dan tanggapan serta sikap penulis dalam penyampaian masalah sosial melalui teori mimetik dan teori ekspresif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, Veeramohan A/L Veeraputharan melalui tesis sarjana (2007), yang bertajuk *Pemaparan Unsur Ramayana Dan Mahabharata dalam Cerpen Tamil Malaysia (1957-1987).* Kajian ini meninjau kesesuaian dan keberkesanan penggunaan unsur *Ramayana dan Mahabharata* dalam cerpen tempatan sepanjang tempoh tiga puluh tahun. Kajian ini berfokus kepada aspek nilai kehidupan dan falsafah kehidupan manusia zaman ‘Ra:mayana:’ dan ‘Maha:bharata’ dikaji dalam cerpen -cerpen Tamil Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maniyarasan A/L Muniandy (2007) dari Universiti Malaya dalam tesis sarjana yang bertajuk *Kata Pinjaman Bahasa Melayu Dalam Bahasa Tamil Di Malaysia: Satu Kajian Semantik Dalam Antologi Cerpen (pe:ra waik kata kaL: 1986-2004)*, telah mengkaji kata-kata pinjaman Bahasa Melayu yang terkandung dalam kesemua cerpen Tamil disenaraikan mengikut kategorinya. Kesemua kata pinjaman Bahasa Melayu tersebut dikategorikan sebagai kata pinjaman Assimilasi Penuh, kata pinjaman Separuh Assimilasi dan kata pinjaman Tanpa Assimilasi. Kemudian, kata pinjaman yang disenaraikan itu dianalisis mengikut teori Komponen Makna yang dipelopori oleh Nida. Selepas diteliti dengan teori tersebut, didapati bahawa banyak kata pinjaman Bahasa Melayu tersebut tidak mengalami sebarang perubahan makna. Masyarakat penutur Bahasa Melayu mengekalkan makna asal sesuatu perkataan tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kata pinjaman Bahasa Melayu mengalami perubahan makna, iaitu peluasan makna dan penyempitan makna. Tambah beliau, menerusi kajian ini, pengkaji akan membuktikan bahawa pengaruh semantik Bahasa Melayu sudah mula menjelma dalam bidang penulisan kreatif Bahasa Tamil di Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa peminjaman kata dari bahasa asing ke dalam Bahasa Tamil sudah berlaku sejak beberapa abad yang lalu seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Sanskrit.

Premavathi A/P Nallapan dari Universiti Malaya dalam tesis sarjana yang bertajuk *Stereotaip Watak Wanita Dalam Cerpen Bahasa Tamil* pada 2004 menyatakan bahawa sekatan terhadap kebebasan wanita dalam masyarakat berfahaman stereotaip dilihat dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sudut pandangan cerpenis lelaki dan wanita. Perbandingan dibuat untuk menentukan darjah kecenderungan gender cerpenis terhadap faktor stereotaip secara kolektif dan secara berasingan. Penyelidik juga berhasrat untuk meneliti sejauh mana keberkesanan cerpenis dalam menghasilkan karya yang lebih bercirikan 'bebas stereotaip'. Hasil kajian memberikan bukti yang cukup untuk kita menilai semula elemen stereotaip yang wujud hasil sentimen stereotaip budaya Tamil yang tidak dapat disesuaikan dengan masa kini. Cerpenis yang menjadi ahli masyarakat itu masih terikut dengan norma masyarakat itu. Corak pemikiran dan bukannya gender seseorang cerpenis yang memainkan peranan dalam kecenderungan hasil karya mereka terhadap penerimaan gejala stereotaip. Cerpenis boleh menjadi instrumen untuk merintis jalan ke arah nyalaan sentimen anti stereotaip yang mampu menghancurkan stereotaip negatif yang wujud pada masa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, Abdulroya Panaemalae (2004) dalam kajian bertajuk *Analisis Imej Melayu dalam Cerpen Malaysia Dan Thailand dari Tahun 1970 Hingga 1985* membuat analisis perbandingan kepada imej-imej watak Melayu dalam cerpen Malaysia dan Thailand dari lingkungan tahun 1970-1985. Melalui kajian ini sarjana berpendapat bahawa cerpen adalah dokumen sosiobudaya sesebuah masyarakat. Dalam kajian ini dapat ditemui ciri-ciri kelainan dan persamaan golongan Melayu di kedua buah negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya R.Thayala Shankker (2004) dari Universiti Tamil Tanjavoor dalam tesis sarjana yang bertajuk *'Ta:imaikku Oru Thavam : Satu Kajian Feminisme'* mengkaji kesengsaraan hidup yang dihadapi oleh golongan wanita. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan teori fiminisme. Kaedah kajian analisis diskriptif dan kaedah kritikan sastera digunakan oleh pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Beliau telah menyentuh persoalan-persoalan yang wujud di dalam cerpen-cerpen tersebut. Di antara persoalan yang diketengahkan ialah kegigihan wanita, kebebasan wanita, kemiskinan dan penderitaan, cinta dan kasih sayang. Justeru dapat disimpulkan bahawa pengkaji ini lebih menitikberatkan persoalan yang timbul di dalam cerpen-cerpen antologi '*Ta:imaikku Oru Thavam'.*

Di samping itu, daripada tinjauan dan kajian didapati beberapa tokoh sarjana tempatan telah menunjukkan inisiatif mereka dalam mengkaji beberapa aspek dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Antara mereka seperti Dhandayutham, R., boleh dianggap sebagai pelopor kajian cerpen Tamil Malaysia. Kajian-kajian beliau adalah berfokuskan kepada sejarah permulaan dan perkembangan cerpen Tamil di Malaysia *(The Devolopment of Tamil Short story in Malaysia : Tamil Oli-vol.10,1972/1973)* yang diterbitkan oleh Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (Perpustakaan Universiti Malaya)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Krishanan A/L Maniam dari Universiti Malaya melalui tesis sarjana yang bertajuk *Cerpen Tamil Dan Melayu (1957-1970): Satu Kajian Perbandingan Tema Dan Struktur* pada 1989 mengutarakan bahawa pembahagian dibuat di antara cerpen Tamil dan Melayu kerana kedua bidang ini lahir pada zaman yang agak sama. Walaupun pada peringkat awal, keduanya mengalami pengaruh luaran dari Indonesia dan India, namun kedua aliran cerpen ini berjaya menonjolkan identiti yang tersendiri dan membentuk satu warisan sejarah yang asli pada akhirnya. (M.Krishanan, 2007, hlm.233)

Namun demikian, terdapat juga tema-tema yang berlainan peristiwa yang berasingan seperti semangat kebangsaan Malaya dan masalah perpecahan ladang oleh masyarakat Tamil. Kajian mengenai tema-tema yang dikemukakan oleh kedua-dua golongan penulis Melayu dan Tamil memperlihatkan pellbagai tema yang merangkumi aspek-aspek tertentu. Walaupun terdapat beberapa tema yang seakan-akan sama dibawa oleh penulis-penulis ini, tetapi persembahan lebih tertumpu kepada citarasa masyarakat masing-masing. Perkara-perkara yang unik kepada masyarakat Melayu dan Tamil juga dibincangkan dalam karya-karya ini. Pendek kata, tema-tema yang dipersembahkan meninjau aspek-aspek sosial dalam masyarakat pada keseluruhannya.

Seorang lagi sarjana yang bernama Subramaniam. N, (1978) telah membuat kajian kritikal terhadap cerpen Tamil di Malaysia. Dengan ini jelaslah bahawa sarjana-sarjana tempatan lebih cenderung dalam mengkaji aspek-aspek sejarah dan tema cerpen Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia sedangkan bentuk dan struktur sesebuah cerpen yang dihasilkan dalam suatu jangka masa yang tertentu mempunyai banyak mesej yang perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Selain itu, Letchumi Meenatchisundram (1991) dalam bukunya *Ilakiya Arumbugal* menulis beberapa artikel yang berkaitan dengan penulis-penulis Tamil Malaysia serta hasil karya kreatif mereka. Beliau telah meneliti sejarah perkembangan cerpen dan novel Malaysia. Suatu artikel mengenai sastera pengembaraan yang mana sastera yang sangat kurang mendapat perhatian dalam kalangan sasterawan Tamil.

Selain itu, pengkaji juga membuat tinjauan terhadap kajian genre sastera lain yang ada membincangkan masalah-masalah sosial. Hasil tinjauan pengkaji mendapati kebanyakan kajian terdahulu berkaitan dengan cerpen Tamil Malaysia membincangkan tema dan struktur. Hanya beberapa kajian cerpen sahaja yang membincangkan protes sosial masyarakat India di Malaysia. Walaupun ada kajian-kajian cerpen berkaitan protes sosial masyarakat India di Malaysia tetapi tidak menyeluruh dan bukan kajian utama.

Sehingga kini kajian-kajian mengenai cerpen Tamil Malaysia yang pernah dikatakan hanya menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Di samping itu, ada juga golongan sarjana yang telah membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian umum terhadap latar, tema dan plot sebuah cerpen Tamil untuk tujuan tersebut. Usaha mendalam untuk membicarakan bentuk dan struktur cerpen-cerpen yang dihasilkan dalam suatu jangka masa yang tertentu kurang diberi perhatian.

Sehingga kini kajian-kajian mengenai cerpen Tamil Malaysia yang pernah dikatakan hanya menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Di samping itu, ada juga golongan sarjana yang telah membuat kajian umum terhadap latar, tema dan plot sebuah cerpen Tamil untuk tujuan tersebut. Usaha mendalam untuk membicarakan bentuk dan struktur cerpen-cerpen yang dihasilkan dalam suatu jangka masa yang tertentu kurang diberi perhatian.

Setelah meninjau kajian-kajian tersebut, pengkaji mendapati banyak lompang dan ruang untuk pengkaji menjalankan kajian ini dengan lebih sempurna. Oleh itu, pengkaji mendapati adalah wajar menjalankan kajian ini untuk membincangkan masalah protes sosial masyarakat India secara menyeluruh. Selain itu, belum ada kajian yang dilakukan terhadap cerpen-cerpen siaran akhbar *Tamil Nesan* dalam jangkasa masa enam tahun dari 2005 hingga 2010. Justeru kajian ini dibuat bagi meneroka protes sosial dalam cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan*.

Rasional-rasional inilah yang mendorong pengkaji menjalankan penyelidikan dalam tajuk *Protes Sosial Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Tamil Nesan.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan pelbagai kajian mengenai cerpen dan protes sosial dalam sastera. Skop kajian yang pelbagai seperti plot, tema, struktur, feminisme, intertekstualiti, isu-isu sosial dan sejarah perkembangan dalam cerpen dapat dibincangkan. Pendapat pelbagai sarjana juga diketengahkan. Berpandukan pendapat dan panduan ini, pengkaji ingin menerokai secara lebih mendalam mengenai protes sosial yang dihadapi oleh masyarakat India yang diketengahkan dalam cerpen-cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini menerangkan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis protes sosial yang terdapat dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan.* Aspek-aspek penekanan dalam kaedah kajian ini ialah reka bentuk, kaedah pengumpulan data serta teori kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis protes sosial berdasarkan objektif-objektif kajian. Kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerical. Kebanyakan kajian dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang ini memberikan keterangan, interpretasi atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa sahaja tindakan protes sosial. Oleh itu, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil.


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Dalam mengkaji kumpulan cerpen akhbar *Tamil Nesan* pengkaji menggunakan kaedah penelitian kualitatif deskritif iaitu menganalisis bentuk deskritif, tidak berupa angka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Kerangka Kajian




Rajah 3.1: Kerangka Kajian (Dirangka Berdasarkan Teori Sosiologi Sastera Georg Lukacs 1976)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1 Kerangka Teori



Rajah 3.2 : Kerangka Teori Dirangka berdasarkan Teori Sosiologi Sastera Model Percerminan Georg Lukacs 1976

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan ini berupaya meneliti unsur dalaman karya yang secara langsung menjalin pandangan penulis tentang pemikiran, perasaan dan tingkah laku anggota masyarakat. Walau bagaimanapun, setiap karya yang dihasilkan oleh penulis atau pengarang mempunyai kaitan dengan kehidupan manusia dan hubungannya dengan alam persekitaraan.

Karya sastera harus difahami sebagai satu keseluruhan yang bermakna kerana unsur-unsur yang membentuk sesebuah teks itu mengandungi erti memberi gambaran lengkap tentang kemanusiaan dan kemasyarakatan (Sapardi Djoko Damono,1978;40).

Pengkaji analisis protes sosial yang pembicaraannya berfokuskan kepada masalah ekonomi, masalah berkaitan tradisi dan masalah berkaitan dengan moral. Aspek-aspek ini diteliti sewajar mungkin melalui karya untuk melihat hubungannya dengan realiti dalam masyarakat.

Dalam usaha untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan sosiologi sastera dengan melihat hubungan sastera dan pengarang yang menyentuh soal kemanusiaan dan kemasyarakatan. Sosiologi sastera bertolak daripada keyakinan bahawa sastera tidak boleh terpisah dengan masyarakat. Sastera tidak tercipta dalam kekosongan, ini bukan sahaja kecil seseorang pengarang tetapi yang lebih penting ialah hakikat bahawa pengarang juga terikat dengan ruang dan waktu serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertanggungjawab terhadap masyarakatnya. Pengarang cuba memahami lingkungan protes sosial dan mengkaji tindak balas dengan alam persekitarannya (Wilbor Scott, 1972:123).

Pendekatan sosiologi yang berkembang pada abad ke 19 telah mendapat sambutan daripada para peneliti dan pengkritik sastera. Pelbagai penyelidikan telah dijalankan, misalnya Alan Swingewood menjelaskan perbicaraan sastera sewajarnya dengan melihat lingkungan sosial untuk menghasilkan karya pada suatu masa dan masyarakat tertentu. R. Escarpit pula melihat penghasilan karya sastera dihubungkan dengan kedudukan sosial seseorang pengarang. Sementara Leo Lowenthal meneliti penerimaan masyarakat atau khalayak terhadap karya yang dihasilkan oleh pengarang tertentu dan Jung Duvignaud mengkaji perkembangan seni termasuk sastera yang dihubungkan dengan perkembangan sosial (Umar Junus, 1986: 1-3). Dalam penelitiannya, Lucien Goldman pula mendapati bahawa sesetengah kelompok sosial mempunyai bentuk ideologi yang dikenali 'pandangan dunia' *(world view).* Kajian ini merangkumi soal pemikiran, perasaan dan tingkah laku dalam masyarakat bagi mengungkapkan realiti yang sudah sedia wujud sebelum kewujudan karya sastera (David Forgacs, 1988:204).

Menurut Ali Ahmad (1994), melalui sejarah kesusasteraan terbentuk gambaran yang bernilai dan kritis terhadap pergolakan perasaan masyarakat yang terpancar dalam pelbagai bentuk karya. Sastera merupakan ekspresi tertinggi masyarakat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan, keagamaan, kesenian dan kehidupan sesuatu bangsa.

Pemikiran awal sosiologi sastera bergantung kepada tradisi estetik atau keindahan. Bermula zaman Aristotle hingga abad ke 19 sastera dilihat sebagai seni pengajukan atau peniruan. Pandangan ini telah mempengaruhi pemikiran sosiologi sejak sekian lama yang mempercayai bahawa realiti di luar karya mendahului gagasan dalam fikiran atau dengan kata lain alam kebendaan yang terpancar dalam pemikiran manusia diubah dalam bentuk penulisan. Teori ini membicarakan pengaruh sosiobudaya terhadap penciptaan karya sastera yang ditumpukan kepada soal kemanusiaan seperti yang dijelaskan oleh Taine, bertolak dari tanggapan bahawa sastera dapat dikesan dari dasar material sesebuah masyarakat iaitu, ras, waktu dan lingkungan yang dihubungkan dengan sifat kejiwaan turun-temurun, perasaan, bentuk tubuh dan sebagainya (Umar Junus, 1986:19).

Dalam kajian ini, pengkaji menerapkan pendekatan sosiologi sastera dengan menggunakan model pencerminan. Teori ini diketengahkan oleh Georg Lukacs (1972:473) seorang peneliti berbangsa Hungary. Teori ini digunakan atas dasar kesedaran untuk meneliti protes sosial dalam karya. Pengkaji mahu membuktikan sama ada teori ini mampu untuk melihat cerpen-cerpen siaran akhbar *Tamil Nesan* yang mencerminkan kehidupan masyarakat dibandingkan dengan realiti sosial pada zamannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Teori Sosiologi Sastera-Model Pencerminan Georg Lukacs

Sosiologi sastera yang dibincangkan ini mula mendapat tempat di Eropah Barat dan melahirkan beberapa aliran dalam bidang kesusasteraan. Sebagai seorang pengkritik dan pemikir sastera yang berwibawa, Lukacs bercita-cita meneruskan tradisi kesusasteraan yang menjadi pegangannya dari abad ke 19. Lukacs mengatakan bahawa struktur atau susunan sesebuah masyarakat dalam bidang ekonomi dinamakan bangunan bawah. Pada dasarnya bahagian bawah akan mempengaruhi dan menetukan kehidupan sosial seperti budaya, politik, pemikiran dan aktiviti dalam masyarakat. Sementara, kegiatan yang lain dinamakan bangunan atas (Jan Van Luvemberg, Mieke Bal dan Willem G.Westsijn, 1984:24-28). Dalam hal ini, terdapat satu hubungan timbul balik antara bangunan atas dan bawah yang kebiasaannya bangunan bawah akan menjadi penentu dalam kehidupan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam dasar materialisme dialetik, Lukacs mengutarakan teori pencerminannya dengan melihat dunia luar itu tidak lain daripada pencerminan kenyataan dalam gagasan, perasaan dan dalam diri manusia yang membentuk kesedaran. Berdasarkan teori ini, Lukacs mengembangkan ideanya mengenai cara sesuatu kenyataan itu harus dilukiskan dalam sastera. Setiap kenyataan itu mempunyai berbagai-bagai tahap atau peringkat yang menjadi tugas seniman atau pengarang untuk menampilkan secara menyeluruh. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang pengarang yang melukiskan kenyataan dan fenomena kehidupan dalam karya harus turut melibatkan diri dalam kehidupan seluruh masyarakatnya.

Lukacs melihat kesusasteraan sebagai lambang masyarakat yang bermaksud. Hasil sesebuah karya sastera akan mencerminkan realiti sosial di luar kesusasteraan itu sendiri. Kebiasaannya kesusasteraan mengambil fenomena sosial yang benar-benar berlaku untuk dijadikan persoalan dalam karya. Oleh itu, kesusasteraan bagi Lukacs ialah pengetahuan tentang realiti yang wujud di luar kesusasteraan. Model ini cukup berpengaruh dan berkembang serta melihat kesusasteraan sebagai mencerminkan realiti di luar. Model ini turut digunakan oleh Lenin, seorang revolusiner Rusia untuk menggambarkan Tolstoy sebagai ‘cermin revolusi Rusia’.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Bagi Lukacs, tema dan permasalahan masyarakat dalam karya menjadi tanggapan, renungan dan pemikiran kepada seseorang novelis besar bukan sekadar suatu kenyataan kosong atau fantasi semata-mata. Lukacs mahukan tema itu harus mengandungi dan mencerminkan sesuatu idea, pemikiran serta permasalahan masyarakat. Segala pengungkapan idea atau pemikiran itu dilakukan bukanlah kerana pengarangnya mempunyai idea sewaktu berkarya, tetapi disebabkan oleh tekanan daripada sesuatu tempat di mana idea atau pemikiran itu muncul secara tiba-tiba.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penelitiannya, Lukacs tidak melihat kesusasteraan sebagai mencerminkan realiti seperti cermin yang membalikkan imej objek yang terletak di depannya, tetapi menegaskan kesusasteraan ialah pengetahuan tentang realiti dan pengetahuan pula bukanlah suatu perkara yang sama seperti membuat persamaan satu lawan satu di antara benda-benda di dalam dunia dan di luar dunia dengan gagasan-gagasan dalam pemikiran. Mengikut Lukacs lagi, realiti mempunyai bentuk yang disifatkan sebagai keseluruhan dialektik dan semua bahagian akan berada dalam keadaan saling bergerak serta bertelingkah antara satu sama lain. Untuk melihat realiti tercermin dalam kesusasteraan, realiti perlu diadun melalui karya penulis yang bersifat kreatif dan memberikan bentuk dalam karya (David Forgacs, 1988:204). Oleh itu, karya yang dibentuk dengan betul dan realiti akan menghasilkan karya sastera yang mencerminkan bentuk dunia realiti.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Seperti yang dijelaskan oleh Lukacs, bahawa realiti mempunyai bentuk. Bentuk bukanlah sesuatu yang bersifat teknikal atau linguistik seperti yang disifatkan oleh para formalis dan strukturalis. Sebaliknya, bentuk ialah suatu bentuk estetik yang diberikan kepada isi atau kandungan, iaiti satu bentuk dimanifestasikan melalui ciri-ciri teknik seperti masa pengisahan dan hubung kait antara watak dengan suasana dalam sesebuah karya (David Forgacs, 1988:205).

Sewaktu Lukacs mengkaji novel Balzac Les Paysans dalam *Studies in european realisme*, beliau melihat satu bentuk yang bererti konfigurasi segi tiga yang melambangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3 kelas sosial. Untuk melihat hubungan watak-watak sebagai bentuk, Lukacs membuat perbezaan yang nyata antara realiti dalam kesusasteraan dengan realiti dunia atau dalam masyarakat. Oleh itu, bentuk ialah isi sesuatu karya kesusasteraan dengan mengambil satu konfigurasi atau bentuk yang bermakna. Selanjutnya, Lukacs menegaskan bahawa bentuk yang betul ialah bentuk yang mencerminkan realiti secara yang paling objektif. Beliau berpendapat novel pada abad ke-19 mempunyai bentuk yang paling betul untuk memaklumkan pengetahuan tentang masyarakat kapitalis yang bertelingkah ketika itu. Realiti yang dapat dan tidak dapat dicerminkan oleh kesusasteraan adalah realiti sosial dan sejarah yang berbentuk dialektik. Beliau menjelaskan realiti sosial bukanlah sesuatu yang kabur dan daripadanya terhasil kesusasteraan.

Dalam aplikasi dialektik, Lukacs menyokong model pencerminannya dengan mengatakan pengkritik yang mendekati karya dengan membuat perbandingan ke depan dan ke belakang adalah unsur dalam karya seperti watak, adegan, atau keperihalan dengan unsur yang nyata atau wujud dalam dunia realiti. Apa yang dicerminkan di dalam karya sama ada yang betul atau tidak ialah keseluruhan bentuk realiti yang objektif, iaitu sesuatu yang kurang nyata. Oleh itu, sesebuah karya yang kelihatan seperti suatu kehidupan tidak semestinya bersifat realistik dan karya yang pada zahirnya menyelewengkan keadaan tidak semestinya tidak realistik. Lukacs menganggap karya sastera merupakan sesuatu keseluruhan yang lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada hakikatnya, persoalan yang diungkapkan dalam karya harus menyentuh tentang sosial dalam masyarakat secara langsung. Ia harus menyentuh hal-hal berkait dengan kehidupan. Justeru, sastera adalah refleksi sosial dan seorang penulis itu akan menyuarakan hasrat dan suara hati kelompok masyarakat (Umur Junus, 1986:21).

Teori Lukacs berasaskan tanggapan bahawa kesusasteraan itu bukan bersifat autonomous kerana pernyataaan tidak boleh terpisah daripada masyarakat. Oleh itu, tugas pembaca dari realiti adalah untuk melihat kedua-dua sejarah iaitu sejarah yang ditonjolkan oleh sastera dan sejarah masyarakat berkenaan. Menurut Lukacs, tugas pengkritik sastera bukan semata-mata menunjukkan realiti dalam sastera itu sama dengan realiti di luar sastera, tetapi juga melihat bagaimana kedua-duanya berbeza. Pengkritik harus meneliti dan prihatin terhadap sifat, ciri atau bentuk kesusasteraan itu dari segi jalinan masa, struktur dan lain-lain.(Mana Sikana, 1997:164-165)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada penghujung abad ke-19 berlaku beberapa penyimpangan dalam realisme di barat yang mencerminkan realiti secara palsu dan memberi gambaran dunia yang terlampau subjektif. Hal ini menyebabkan lahirnya karya-karya yang menyorot unsur-unsur eksistensialisme, surelisme dan absurdisme. Antara sasterawan yang merombak penciptaan karya sastera berbentuk konvensional seperti novel dan teater ialah James Joyce, Andre Gide, Jean-Paul Sartre. Franz Kafka, Albert Camus dan lain-lain lagi (Ramli Isin, 1997:30).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Lukacs pula mengkritik Zola, Proust dan Joyce kerana dalam tulisan mereka menggambarkan dan penekanan yang berlebihan kepada satu aspek realiti dengan mengorbankan aspek realiti yang lain. Mengikut pandangan Lukacs, Zola mencerminkan sebuah dunia yang terdiri daripada banyak butiran tetapi tidak memperlihatkan fakta-fakta berasingan dan seolah-olah fakta itu membentuk suatu keseluruhan realiti. Begitu juga dengan Proust dan Joyce yang terjerumus dalam kesilapan yang sama. Kesilapan kerana memperlihatkan suatu dunia yang terdiri daripada unsur sejagat yang abstrak, seolah-olah memaparkan keseluruhan realiti (David Forgacs, 1988:206)

Para pengkaji terus berusaha untuk menilai bahan kesusasteraan dengan menggarap beberapa teori yang lebih baik dengan mengurangi kelemahan teori yang sedia ada. Kemunculan teori-teori baru yang terkemudian dalam penelitian karya sastera seperti strukturalisme, genetik, semiotik, resepsi, dekonstuksi, intertekstualiti dan sebagainya telah menghangatkan lagi bidang kritikan sastera dalam era pascamoden ini. Pemikiran dan pendekatan yang telah diterapkan mengkhusus dan membicarakan kesusasteraan dengan lebih jelas, tidak seperti dekad-dekad awal dalam perkembangan kritikan sastera. Hasil penemuan ini banyak memberi manfaat terutama kepada para pengkaji sastera yang mahu menumpukan kajian sosial melalui karya dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1 Aliran Fungsi Model Pencerminan



Rajah 3.*3* : Aliran Fungsi Model Pencerminan

Model pencerminan dikenali juga sebagai model peniruan. Model ini melihat kesusasteraan sebagai lambang masyarakat. Ertinya, hasil sesebuah karya kesusasteraan seperti cerpen, novel, sajak dan lain-lain akan mencerminkan realistik sosial di luar kesusasteraan itu sendiri. Carta Aliran di atas menjelaskan fungsi model pencerminan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Kesimpulan

Setelah meneliti teori sosiologi sastera model pencerminan Georg Lukacs, pengkaji mendapati model pencerminan Georg Lukacs digunakan untuk menganalisis masalah sosial dalam cerpen akhbar *Tamil Nesan*. Dalam usaha untuk mencapai objektif kajian ini pengkaji meneliti kajian ini berdasarkan prinsip karya sastera mencerminkan realiti sosial di luar kesusasteraan itu sendiri dan sastera adalah refleksi sosial dan seorang penulis itu akan menyuarakan hasrat dan suara dari kelompok masyarakat karya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab dapatan kajian ini membincangkan mengenai analisis terhadap protes sosial cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Analisis kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama mengenal pasti protes sosial yang terkandung dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* dan bahagian kedua pula mengkaji motif cerpenis mengutarakan protes sosial dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* dengan keadaan kehidupan sebenar masyarakat. Manakala, bahagian ketiga pula membincangkan protes yang dikemukakan oleh cerpenis terhadap protes sosial yang diutarakan.

Penyelidik mengkaji protes sosial yang terdapat dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* mengikut empat bahagian aspek iaitu sosial, ekonomi, politik dan pendidikan. Bahagian pertama dapatan kajian ini terdiri dari cerpen-cerpen bertema protes sosial dari segi sosial, bahagian kedua pula membincang tentang cerpen-cerpen bertema

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

protes sosial dari segi ekonomi dan bahagian yang ketiga pula adalah mengenai cerpen-cerpen dari segi politik serta bahagian yang keempat adalah mengenai protes sosial dari segi pendidikan yang telah dipilih untuk mengkaji protes sosial yang terkandung dalam cerpen-cerpen tersebut.

Dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab ini berdasarkan kepada teori kajian Goerg Lukacs iaitu model pencerminan. Cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* yang dikaji dan dinilai adalah berdasarkan model pencerminan Georg Lukacs (1983). Perbincangan bab akhir akan mengupas kesahihan cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* dalam mengetengahkan protes sosial dalam masyarakat.

4.1 Protes Sosial Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Tamil Nesan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Protes sosial adalah insiden-insiden yang berlaku dalam kalangan sesuatu masyarakat. Protes sosial merupakan hasil daripada proses perkembangan masyarakat. Dalam perkembangan ini banyak perubahan positif yang berlaku. Pada masa yang sama wujud juga aktiviti-aktiviti yang menentang norma masyarakat. Protes sosial berlaku akibat dari interaksi sosial antara individu dengan kelompok atau antara kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2. Protes Sosial Berkaitan Sosial

Istilah sosial merujuk kepada nilai-nilai yang berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan. Harus diakui bahawa manusia merupakan makluk sosial kerana tidak boleh hidup tanpa berhubung dengan manusia yang lain. Mereka harus meminta bantuan orang lain walaupun bantuan itu kecil (Chris,2004).

Menurut Haji Zainal Abidin Safarwan (1995), sosial membawa makna sesuatu mengenai pertubuhan dan hubungan antara manusia dan masyarakat. Manakala, ahli falsafah Macliar dan Bage dipetik dari kajian Baskaran (1995), sosial merujuk kepada kebudayaan, pengurusan, kekuasaan, kerjasama antara satu sama lain dalam persatuan, kebebasan individu, penekanan nilai-nilai murni sosial adalah segala yang berkaitan dengan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkataan sosial juga diklasifikasikan sebagai satu kegiatan yang melibatkan etika dan nilai moral seseorang. Berbagai ragam krisis moral kini terus menular, merebak dan mewabak dalam masyarakat khasnya dalam kalangan masyarakat India. Isu sosial dapat dikupas kepada beberapa aspek seperti penceraian, penyalahgunaan dadah atau penagihan dadah, masalah kekeluargaan, Feminisme, kecurangan isteri dan suami, disiplin pelajar, kemiskinan, masalah warga emas, masalah pembuangan bayi, masalah kasta, masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hutang, keganasan remaja dan sebagainya. Isu-isu ini menjadi pilihan cerpenis kerana boleh dikatakan isu-isu ini agak popular dalam kalangan masyarakat India di negara ini.

4.2.1 Isu Penceraian

Penceraian didefinisikan sebagai cerai hidup atau perpisahan hidup antara pasangan suami isteri sebagai akibat dari kegagalan mereka menjalankan obligasi peranan masing-masing. Dalam hal ini penceraian dilihat sebagai akhir dari ketidakstabilan perkahwinan yang mana pasangan suami isteri kemudian hidup terpisah dan secara rasmi diakui oleh hukum yang berlaku (Erna, 1999). Penceraian merupakan terputusnya ikatan kekeluargaan kerana salah satu atau kedua-dua pasangan memutuskan untuk saling meninggalkan satu sama lain sehingga mereka berhenti melakukan kewajipannya sebagai suami isteri. Mu.Varatharasanar (2009) dalam bukunya yang berjudul *'Tiruvaḷḷuvar allatu vāḻkai viḷakkam'* menyindir para remaja pada masa kini lebih mengutamakan materialistik berbanding dengan kasih sayang suami isteri yang intim.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu penceraian merupakan akar umbi timbulnya keruntuhan rumah tangga. Masalah ini kian merebak dalam kalangan pengantin muda yang mana penceraian menjadi cara mudah untuk menyelesaikan masalah perkahwinan mereka. Walaupun, isu ini dipandang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serong dalam kalangan masyarakat India, namun perkara ini berleluasa dalam kalangan generasi muda.

Memandangkan isu ini sebagai isu masyarakat yang mampu menerapkan peradaban bangsa, maka cerpenis ingin mengutarakan isu ini melalui cerpen. Cerpen bertajuk 'Nūlām Paṭai' (Permasalahan) oleh K. Punniyavan (*Tamil Nesan,* 1.4.2005) membincangkan masalah yang berlaku di antara sepasang suami isteri. Isterinya Sarala memfailkan kes cerai disebabkan isteri mengesyaki suaminya menjalinkan hubungan sulit dengan wanita lain. Keadaan ini menyebabkan pergaduhan di antara mereka dan suaminya turut memukul isterinya kerana marah. Akhirnya, isteri meninggalkan rumah dengan beberapa barangan dan baju kepunyaannya. Selepas 8 bulan, Sarala pergi ke rumah suaminya semula untuk mengambil baki pakaiannya. Walaupun, isteri ada keinginan untuk berbaik semula dengan suaminya tetapi ego menjadi penghalang selama-lamanya. Keadaan ini dapat digambarkan oleh cerpenis seperti pepatah berikut.

> *' எல்லா ஆம்பளைங்களும் ராமன்கள் அல்ல. சகிச்சுக்கிட்டு வாழக்கத்துக்கோ... நாளாவ நாளாவ சரியாகிடும். கொழந்த குடும்பம்னு வந்திட்டா பொறுப்பு வந்திடும்...'*
>
> 'Bukan semua lelaki jujur dengan isteri. Terimalah hakikat itu… Semuanya akan berubah lama-kelamaan. Suami akan bertanggungjawab apabila ada anak dan keluarga…'
>
> (Punniyavan, K. (1.4.2005). Nūlām Paṭai, *Tamil Nesan,* hlm.14)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu, isu penceraian juga diceritakan oleh cerpenis Padmini Rajamanikkam (*Tamil Nesan*, 29.3.2009) dalam ceritanya yang berjudul 'Piṭivātam' (Kedegilan). Cerpen ini membincangkan isu hubungan suami isteri. Dalam cerpen tersebut, sepasang suami isteri Gopal dan Geetha bercerai apabila perselisihan faham di antara mereka tidak dapat diselesaikan. Selepas bercerai kedua-duanya berkahwin lain tetapi mereka mengalami lebih banyak masalah lagi. Pada masa itu, mereka baru sedar persefahaman amat penting untuk membentuk ikatan suami isteri.

Cerpenis melalui cerpennya juga mengetengahkan bahawa teori Georg Lukacs juga memberi penekanan dengan menyatakan bahawa sastera merupakan refleksi sosial.

Apabila meninjau kedua-dua cerpen di atas, didapati motif cerpenis mengarang cerpen-cerpen yang berkaitan dengan isu-isu penceraian adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat India bahawa jangan melakukan perpecahan. Cerpenis menyeru para pembaca sedar akan kepentingan rumah tangga kerana perkara yang tidak diingini mudah berlaku dalam sesebuah keluarga. Di samping itu, cerpenis juga ingin menasihatkan masyarakat India di Malaysia agar berhati-hati ketika memilih jodoh. Cerpenis juga mengingatkan masyarakat India agar merenung kembali upacara menilai sepuluh kesesuaian yang harus terdapat pada kedua-dua pasangan yang akan berkahwin. Amalan ini merupakan amalan agama Hindu yang masih diamalkan semasa majlis perkahwinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis juga mencadang memilih pasangan yang sesuai dari segi keluarga, kewangan, pekerjaan dan persefahaman hati.

Oleh itu, teori Georg Lukacs yang menyatakan bahawa sastera juga merupakan identiti dan cerminan sosial sesebuah masyarakat adalah benar.

Puisi Tamil dari teks *Konṛai Vēntan* yang dihasilkan oleh pendita Avvaiyaar, yang terbunyi seperti berikut. *'Mūtōr Col Vārtai Amirtam'* yang membawa maksud nasihat orang tua diibaratkan sebagai makanan dewa sangat sesuai kerana bakal pasangan pengantin harus berfikir panjang sebelum mereka melangkah ke alam perkahwinan. Oleh itu, manusia harus menghayati maksud pepatah ini demi menjamin kehidupan berbahagia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, apabila seorang lelaki dan seorang perempuan hidup bersama setelah mengalami proses perkahwinan digelar sebagai suami isteri. Dalam konteks ini, tali perhubungan mereka harus intim dan rapat serta meneruskan perjuangan institusi kekeluargaan dengan jayanya walaupun mereka terpaksa menempuh rintangan dalam kehidupan harian.

Daripada kenyataan di atas dapatlah kita merenungkan bahawa betapa susahnya jika suami isteri bercerai. Tambahan pula keadaan rumah tangga yang bermasalah akan menjadi buah mulut orang ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, cerpenis memprotes kerana isu penceraian memang tidak digalakkan dalam kalangan masyarakat India. Isu tersebut dipandang serong dan sama sekali dipandang keji oleh semua. Pepatah bahasa Tamil '*திருமணம் என்பது ஆயிரம் காலத்துப் பயிர்*' (Tirumaṇam eṉbatu āyiram kālattup payir) yang bermaksud perkahwinan diumpamakan bagai tumbuhan yang disemai dan dijaga serta menuainya yang mengambil masa selama seribu tahun. Perkahwinan bukan seperti yang berlaku pada masa kini bertemu dan berkahwin. Cerpenis juga takut akan isu penceraian ini juga akan menjadi ikutan generasi pada masa kini. Oleh itu, cerpen-cerpen yang menceritakan isu-isu penceraian harus diperbanyakkan. Para penulis hendaklah membawa isu ini kepada pembaca dalam pelbagai bentuk dan rangsangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu, para cendekiawan juga mengatakan bahawa perkataan cerai tidak digunakan pada zaman Cangkam kerana budaya masyarakat ketika itu hanya mengamalkan konsep rumah tangga yang menekankan monogami. Di samping itu, kehidupan zaman C*angam* menyarankan kehidupan wanita itu berpegang teguh kepada perjanjian perkahwinan yang mana pasangan suami isteri tidak akan berputus hubungan walaupun berlakunya perkara-perkara di luar dugaan berlaku. Si isteri juga sanggup mengorbankan diri setelah suaminya meninggal dunia kerana baginya suami adalah seolah-olah dewa kepadanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1
Statistik Penceraian 2010-2013

Tahun	Bilangan Penceraian
2010	41,778
2011	43,137
2012	47,779
2013 (Pertengahan Tahun)	22,165

Sumber : Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat

Disamping itu, pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh kerajaan khususnya Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. Namun kes penceraian masih berterusan sehingga membimbangkan masyarakat. Jadual 4.1 di atas, menunjukkan pada tahun 2010 bilangan kes penceraian adalah 41,778 manakala pada tahun 2011 kes penceraian ini bertambah kepada 43,137. Pada tahun 2012 kes penceraian meningkat lagi kepada 47,779 dan pada tahun 2013 juga dijangka akan bertambah kerana pada pertengahan tahun 2013 angka ini mencecah 22,165 kes penceraian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kadar ini memang amat membimbangkan masyarakat. Oleh yang demikian, cerpenis memprotes bahawa jumlah kes penceraian semakin meningkat dan setiap individu harus memainkan peranan untuk menangani isu ini. Suami isteri harus merenung *Tirukkuṛaḷ* yang berikut kerana mereka membendung martabat keluarga.

'அறன் எனப் பட்டதே இல்வாழ்க்கை அஃதும்
பிறன்பழிப்ப தில்லாயின் நன்று' *(குறள் 49)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

‘Sawab hak khusus utama
Berharumlah kekeluargaan dengan sara ’ (Kuṛṛal: 49)

(Nāmakkal Kavinjar Urai, 2012, hlm. 15)

Thirukkural: ini menyarankan pasangan suami isteri harus sabar dalam kehidupan harian. Para isteri harus sedar bahawa suami adalah segala-gala padanya. Oleh itu, si isteri harus sentiasa melayan suami dan berjasa kepadanya.

Hal ini bersesuaian dengan teori Georg Lukacs iaitu sastera merupakan cerminan masyarakat. Menurutnya, protes sosial yang berkaitan penceraian dalam kalangan masyarakat itu dapat dicerminkan dalam cerpen oleh cerpenis yang mahukan para pembaca menyedari impak negatif yang timbul kelak.

Masyarakat India di Malaysia harus sedar betapa pentingnya hubungan kekeluargaan. Situasi ini akan mewujudkan suasana yang baik dalam sesebuah keluarga. Hubungan kekeluargaan yang akrab mewujudkan keharmoniaan yang berterusan. Keadaan ini akan menghalang pasangan suami isteri melakukan perbuatan penceraian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2. Isu Penyalahgunaan Dadah

Akhir -akhir ini berita mengenai golongan remaja terjebak ke dalam gejala sosial kerap kali terpampang di kaca televisyen mahupun dada akhbar. Pada asalnya, dadah digunakan bagi tujuan menggunakan dalam bidang perubatan. Akan tetapi kini ia menjadi tarikan remaja dan belia yang merupakan tiang negara menyebabkan masa depan mereka hancur.

Usaha untuk mengatasinya telah lama dijalankan. Walau pelbagai cara dilakukan namun, isu ini masih membelenggu kitaran hidup masyarakat di negara kita ibarat ‘duri dalam daging’. Masalah penagihan dadah ini sentiasa menimbulkan polemik dan keresahan dalam kalangan masyarakat mahupun penggubal polisi negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan perangai para belia kini, cerpenis dapat menghasilkan karya cerpen yang menekankan penyalahgunaan dadah. Cerpenis bernama Saraswathy Kanthaiya (*Tamil Nesan*, 16.8.2009) membincangkan isu ini dalam cerpennya yang berjudul *‘Mannippu ’* (Maaf) yang membawa maksud maafkan. Gauri mempunyai sikap suka menolong orang seringkali berkunjung ke rumah warga tua pada masa lapang. Dia telah berkahwin dengan seorang penagih dadah dengan harapan untuk memulihkannya tanpa persetujuan saudaranya. Akhirnya, Gauri berjaya memulihkan suaminya dan hidup gembira di sisi suaminya. Setelah sekian lama, Gauri menerima surat dari abangnya yang menyatakan bahawa anak saudaranya telah menjadi seorang penagih dadah. Gauri dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

suamiya terus bergegas ke rumah saudaranya untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut.

Melalui cerpen ini cerpenis dapat meluahkan perasaan kesedihan ayahnya seperti di bawah.

> *“ என் ஒரே மகன் கண்ணன் ; வயது இருபத்து இரண்டு. அவன் போதைப் பொருளுக்கு அடிமையாகிச் சீர்திருத்தப்பள்ளிக்குப் போவதும் வருவதுமாக இருக்கிறான். ”*
>
> “ Anak lelaki tunggal saya bernama Kannan ; umurnya dua puluh dua tahun. Kini dia menjadi penagih dadah dan seringkali ulang alih dari pusat serenti. ”
>
> (Saraswathy,K. (16.8.2009). *Mannippu, Tamil Nesan*, hlm.9)

Isu yang ditimbulkan melalui cerpen ini adalah perkara yang dikeji oleh saudaranya dijangkiti pula pada anak saudaranya. Iaitu, suami Gauri dan anak saudara Gauri merupakan penagih dadah. Saudara Gauri tidak lagi mahu mengadakan hubungan persaudaraan kerana adiknya mengahwini seorang penagih dadah. Akan tetapi anaknya sendiri terlibat dalam najis dadah dan menjadi penagih dadah.

Motif cerpenis menulis cerpen ini adalah untuk menyeru masyarakat India agar tidak terjerumus ke dalam najis penyalahgunaan dadah yang merupakan musuh utama negara. Dadah juga merupakan racun yang merebak kepada semua orang tanpa mengira kaum, agama, bangsa, jantina dan umur serta status.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, cerpen yang berjudul *'Eḻutāta Oppaṇṭam'* (Perjanjian Tidak Bertulis) oleh Gawri Sarvesan (Tamil Nesan, 17.01.2007) membincangkan isu kehidupan seorang remaja yang telah menjadi penagih dadah dan akhirnya insaf. Robert merupakan seorang budak yang baik. Tetapi disebabkan cara pengendalian yang salah dia berubah menjadi seorang budak jahat. Dia lari dari rumah ke Kuala Lumpur. Di situ dia berkawan dengan Peter. Peter juga merupakan seorang penagih dan mengedar dadah. Robert juga mula membuat jualan dadah. Pada suatu hari Peter telah dilanggar kereta dan mati. Robert hidup seorang diri. Selepas itu, Robert telah berjumpa dengan pengedar dadah yang bernama Rahim. Rahim merupakan seorang yang jahat, tetapi apabila berjumpa dengan Robert, Rahim mendapati bahawa Robert seorang remaja yang baik. Dengan perlahan-lahan Robert mula rasa menyesal dengan kegiatan jahat yang sedang dilakukanya. Dia berazam untuk insaf. Cerpenis menggambarkan keadaannya seperti di bawah.

> *" ஒட்டு உறவு எல்லம் இனி தேவையில்லை என்று தூசி தட்டிவிட்டுக் கோபத்துடன் ஏதோ ஒரு வெறியில் தலைநகருக்கு வந்த அல்பர்ட், வாழ்க்கையை எப்படித் தொடங்குவது என்று தெரியாமல் சில நாள்கள் அங்கும் இங்கும் தவித்துக் கொண்டிருந்த காலம் அது..."*
>
> " Albert yang menolak semua sanak saudara dan berimigeran ke Pusat Bandaraya berfikir untuk bagaimana nak mulakan kehidupan. "
>
> (Gawri,S. (17.01.2007). *Eḻutāta Oppaṇṭam*, *Tamil Nesan*, , hlm. 10)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui cerpen ini, penulis ingin menyampaikan mesej bahawa isu dadah tidak mengecualikan sesiapa pun. Walaupun seseorang penagih ingin berubah kembali, ia amat susah kerana ahli keluarga dan ahli masyarakat tidak mahu menerimanya.

Dalam pada itu, cerpen bertajuk *'Vacantam'* (Musim Bunga) oleh Ku.Sa. Kannan (*Tamil Nesan* 04.02.2006) membincangkan isu pengorbanan seorang isteri. Velu yang merupakan seorang penagih dadah telah dihantar ke pusat serenti oleh isterinya. Isterinya terpaksa melalui pelbagai cabaran untuk membesarkan anak lelakinya Kumar. Dia perlu berbohong kepada majikannya bahawa suaminya telah meninggalkannya. Setelah pulang dari pusat serenti, Velu amat sedih memikirkan dirinya diabaikan oleh keluarganya. Maka pada suatu hari, ketika dia berada di sebuah kedai dia telah bertemu dengan seorang peniaga ternak ayam yang telah menemu-ramah Velu dan manawarkan kerja menjaga premis perniagaannya. Akhirnya, Velu mendapati isterinya yang telah menceritakan hal sebenar kepada majikannya dan mendapatkan pekerjaan untuk Velu.

Isu ini merupakan isu yang kerapkali berlaku dalam kebanyakkan keluarga. Oleh itu, teori Georg Lukacs yang menyatakan bahawa sastera adalah refleksi sosial benar-benar telah ditonjolkan oleh cerpenis melalui cerpennya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“நா வந்து ஒரு வாரமாயிடுச்சு சாரு! வெளியே எங்கோ போகாம வீட்டோடப் படுத்துக் கிடந்தேன். இந்த ஒரு வாரமும் என் பொண்டாட்டியும் மாமியாரும் என்னை ஒரு மனுசனா மதிக்கல. சூடு சொரணையில்லாத மனுசனாட்டம் கிடந்தேன். எவ்வளவு நாளைக்குத்தான் இப்படிக் கிடக்க முடியும். அதான், பொழப்பைத்தேடிக் கிளம்பிட்டேன்.”

“ Sudah seminggu saya berada di sini. Saya tidak keluar ke mana-mana. Selama satu minggu ini isteri dan emak mertua saya tidak peduli dengan keadaan saya. Saya terpaksa menebal muka. Kini saya keluar dari situ untuk menyara hidup. ”

(Kannan,K. (04.02.2006).*Vacantam, Tamil Nesan*, hlm. 16)

Dalam masyarakat India, apabila seseorang itu terlibat dalam kegiatan tidak diingini seperti penagihan dadah, dia akan diberi layanan rapi untuk memulihkannya. Ahli keluarganya akan memaafkan orang yang terlibat dengan harapan dia boleh dipulihkan. Lebih-lebih lagi kalau suami terlibat dengan penagihan dadah maka isteri mengambil berat tentang keselamatan dan kegembiraannya.

Cerpenis mengetengahkan isu ini agar masyarakat India sedar tentang keburukkannya. Tambahan pula cerpenis menyeru masyarakat India agar tidak sesekali mencubanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pujangga Tiruvalluvar menegaskan bahawa elakkan diri dari keburukan atau kejahatan kerana ia adalah lebih dahsyat daripada api. Kuralnya yang ke 202 berbunyi seperti berikut.

"தீயவை தீய பயத்தலால் தீயவை
தீயினும் அஞ்சப் படும்." (குறள் 202)

"Kejahatan melahirkan kejahatan keji,
Kejahatan terdahsyat daripada api." (Kuṛal: 202)

(Nāmakkal Kavinjar Urai, 2012, hlm.46)

Cerpenis melahirkan rasa tidak puas hati terhadap penagih dadah kerana kehidupan masyarakat pada zaman *Cangam* hanya memupuk nilai-nilai murni yang dipandang segan diamalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyair veteran I.Ilavalagu melalui novelnya, *Ilat:ciyap Payanam* (1983) menyatakan para belia harus bekerja keras untuk mengejar impian mereka. Beliau menyatakan demikian melalui watak utama iaitu Maruthan yang merupakan hero zaman 1970-an menjadi tauladan kepada masyarakat.

Cerpenis turut menyindir masyarakat agar kembalikan zaman kegemilangan 30 hingga 50 tahun dahulu yang telah mencipta sejarah dalam pelbagai bidang seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan, sukan, ekonomi dan sebagainya. Sebagai contohnya, Dato R.Arumugam mengharumkan nama Malaysia dalam pasukan bola sepak mewakili negara. Tun Sambanthan dalam arena politik memainkan peranan sebagai Presiden MIC Kebangsaan yang keempat. Di samping itu, Dato David Arumugam sebagai penyanyi terkemuka dan lain lain lagi. .Selain daripada itu, cerpenis juga bimbang dengan kadar penagih dadah semakin meningkat.

Dadah merupakan musuh utama negara. Oleh itu, masyarakat India harus menghindarkan diri daripada terjerumus dalam kancah dadah. Masyarakat India perlu berubah demi mengharumkan nama negara dan bangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2
Statistik Penagih Dadah Di Malaysia Pada Tahun 2012

Negeri	Bilangan Penagih
Kota Kinabalu	1
Kota Bahru	4
Kuantan	7
Kota Tinggi	11
Shah Alam	38
Perlis	101
Kuching	104
Alor Setar	123
Ipoh	183
Seremban	229
Johor Bahru	240
Melaka	258
Pulau Pinang	525
Kuala Lumpur	916
Jumlah	2740

Sumber : Laman Web - www.adk.gov.my

Apabila mengkaji data di atas, didapati ramai ahli masyarakat dari pelbagai lapisan di Malaysia terjerumus ke dalam penagihan dadah. Keadaan ini memang akan membimbangkan semua lapisan masyarakat. Cerpenis berasa isu ini perlu dimaklumkan kepada orang ramai khasnya masyarakat India agar mereka sentiasa berhati-hati untuk tidak menjadi mangsa.

Oleh itu, cerpenis memprotes masyarakat India agar berwaspada dan berhati-hati untuk menangani isu ini. Teori pencerminan Georg Lukacs memang menggambarkan isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat.Rakyat haruslah mengambil langkah proaktif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan drastik demi melahirkan remaja yang berkaliber, cukup syumul dan utopia sebelum padi di tangan menjadi lalang dan ayam disambar.

4.2.3 Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa

Keluarga merupakan institusi kecil yang mewakili masyarakat**.** Ahli-ahli keluarga akan menjadi ahli masyarakat**.** Tambahan pula, institusi keluarga juga diibaratkan sebagai batu-bata dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, kejayaan atau keburukan sesuatu keluarga itu tentunya mencerminkan sesuatu masyarakat. 'Paventhar Baradhidassan' dalam karyanya *'Kuṭumba Viḷakku'* menegaskan kepentingan ahli keluarga untuk seseorang individu yang mewakili masyarakat itu.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Keluarga merupakan institusi yang mempunyai hubungan keturunan antara satu sama lain hasil dari perkahwinan dan melalui pertalian darah (Kamus Dewan, 1986, halaman 528). Keluarga secara amnya didefinisikan sebagai ibu bapa serta anak-anak sebagai satu kumpulan yang tinggal sebumbung melalui proses perkahwinan. Keluarga juga merupakan unit asas sesebuah masyarakat. Salah satu daripada perkara penting dalam kekeluargaan ialah hubungan saling bergantung antara anggotanya. Berdasarkan corak hubungan saling bergantung ini, sistem kekeluargaan berbeza mengikut jenisnya (Rohana Yusof, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, simpulan bahasa dari Bahasa Tamil berbunyi *'நல்லதொரு குடும்பம் பல்கலைக்கழகம்' (Sebuah keluarga yang baik diibaratkan sebagai sebuah Universiti).* Simpulan bahasa ini menitik beratkan kepentingan dan peranan ahli keluarga.

Dalam keluarga masyarakat India, suami merupakan ketua keluarga dan mempunyai tanggungjawab yang lebih. Seseorang suami juga bertanggungjawab ke atas kebajikan rumah tangga, kawalan ke atas anak-anak, mencari nafkah dan lain-lain lagi. Tidak boleh dinafikan juga perasaan cinta dan kasih sayang merupakan unsur penting bagi melahirkan sebuah keluarga bahagia.

Oleh hal demikian, dapatlah disimpulkan bahawa ahli keluarga adalah lebih penting untuk membentuk sebuah keluarga yang harmoni. Oleh itu, setiap ahli dalam sesebuah keluarga memainkan peranan yang dominan dalam pembangunan keluarga tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mencintai keluarga merupakan amalan semulajadi masyarakat India turun-temurun. Kehidupan masyarakat India pada zaman Cangam sehingga kini masih mengutamakan kebahagiaan keluarga. Buku-buku ilmiah dan sastera seperti *'Cilappatikāram'* dan epik *'Rāmāyanā:'* menceritakan kepentingan hubungan kekeluargaan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa masyarakat India tidak asing lagi dalam perkara membentuk sesebuah keluarga yang terdiri dari kasih sayang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu-isu sosial utama yang melibatkan aspek kekeluargaan seperti kasih sayang dan perhubungan antara ahli keluarga, tanggungjawab ahli keluarga, konflik keluarga, ibu bapa ditinggalkan oleh anak dan sebagainya dibicarakan dalam bahagian ini. Selain daripada itu, isu-isu yang berkaitan dengan hubungan persahabatan turut dibincangkan. Cabaran baharu seperti keruntuhan moral dalam kalangan remaja dan belia menjadi isu-isu utama para cerpenis.

Sebagai mengukuhkan penerangan isu kasih sayang, cerpen yang bertajuk *'Tantaiyar Būmi'* (Bumi Ayah) oleh R.Shanmugam (*Tamil Nesan* 04.02.2007) membincangkan isu kasih sayang. Sikap tegas En.Ratnavelu terhadap anaknya menyebabkan Saravanan tidak dapat bergaul rapat dengan ayahnya. Keadaan ini menjadi lebih rumit lagi apabila Saravanan menghilangkan diri selepas kematian ibunya. Setelah 10 tahun, dia menerima khabar yang ayahnya sudah meninggal dunia dan mempunyai seorang anak angkat bernama Arumugam. Saravanan juga mendapat tahu harta pusaka ayahnya telah diwariskan kepadanya dan anak angkatnya tanpa belah bagi. Pada masa itu Saravanan sedar kasih sayang ayahnya. Perasaannya berbunyi seperti di bawah:

> *"என்னப்பா நீதான் அந்த வாத்தியா? இவ்வளவு காலம் இந்தப் பக்கமே தலை வைக்கக்காணோம்... அந்த மனுசன் இருக்கானா செத்துட்டானானுகூட எட்டிப் பார்க்கல... இன்னிக்கு என்னாடான்னா நிலம் சொத்துன்னதும் வந்துட்டியா?"*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *“ Hei! Awakkah cikgu itu? Selama ini awak tak datang ke sini, awak tak peduli tentang orang tua itu, tetapi, hari ini awak datang ke sini untuk mendapatkan tanah miliknya? ”*

(Shanmugam,R. (04.02.2007). *Tantaiyar Būmi, Tamil Nesan*, hlm.10)

Cerpenis meluahkan perasaan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa diabaikan begitu sahaja walaupun ibu bapa berusaha mengorbankan suka-duka untuk membesarkannya sejak kecil. Akan tetapi, anaknya tidak mahu menjaga keluarga dengan memberi pelbagai alasan untuk mengelakkan diri dari tanggunngjawab keluarga. Cerpenis juga menyeru masyarakat India agar dapat menjaga ibu bapa dan keluarga demi kebahagiaan semua pihak.

Dalam pada itu, cerpen yang berjudul *‘Tēṭum Kaṇkaḷ’* (Mata Mencari) oleh K.I.Narayanan (*Tamil Nesan* 2007) membincangkan isu kehidupan sepasang ibu bapa tua yang dahaga kasih sayang dari anak-anaknya. Sinniah dan Paapammah mempunyai empat orang anak. Walaupun mereka tidak berpelajaran tetapi mereka telah bersusah payah untuk memberikan pendidikan yang tinggi untuk anak-anak mereka. Setelah mereka menjadi dewasa dan mendapat pekerjaan yang baik, mereka telah mula mengabaikan ibu bapa mereka yang tua. Dengan memikirkan sikap anak-anaknya Sinniah telah jatuh sakit. Paapammah telah menelefon keempat-empat anaknya. Pada mulanya mereka terkejut. Tetapi selepas itu mereka telah memberi pelbagai dalih dan tidak melawat bapa mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan perasaan yang sedih dan pilu kedua-dua orang tua itu sedang menunggu ketibaan anak-anaknya.

Di samping itu, cerpen yang bertajuk *'Antimat Tēṭalkaḷ'* (Keinginan Masa Tua) oleh Devarajan (*Tamil Nesan*, 23.8.2009) membincangkan tema kasih sayang anak terhadap ibu. Kisah seorang ibu yang tidak mahu tinggal bersama anak – anaknya setelah kematian suaminya. Anak – anaknya mengambil keputusan untuk mencari seorang kawan untuk menemani ibu mereka selama 5 bulan supaya kenangan lalu dapat dilupakan. Keadaan ini telah membawa perubahan positif kepada diri ibu tersebut. Cerpenis meluahkan perasaan seperti berikut:

> *"என்ன பண்றது? மருமகளுங்களே ! 'நானா, இல்ல உங்கம்மாவானு முடிவு பண்ணுங்கனு மகனுங்கிட்ட சொல்ல, பெரிய வீராப்புல வந்து சேர்ந்துட்டியே! "*
>
> *" Apa nak buat? Anak menantu pula memburukkan saya atau emak kepada suami masing-masing. "*

(Devarajan. (23.8.2009). *Antimat Tēṭalkaḷ, Tamil Nesan*, , hlm. 9)

Cerpenis juga tidak ketinggalan untuk mengisahkan masalah yang berlaku dalam keluarga di antara ibu mentua dan anak mentua. Isu ini memang tidak dapat dipisahkan dalam kalangan masyarakat India kerana sejak lama ia menjadi sebati dalam hati masyarakat India. Cerpenis mahukan kedua-dua pihak sedar akan kepentingan keluarga. Sikap ini akan mengurangkan jurang di antara mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis melalui cerpen ini, ingin menyampaikan mesej tentang perangai anak-anak zaman ini yang mengabaikan ibu bapa mereka. Pepatah bahasa Tamil yang berbunyi ‘தந்தை தாய் பேண்’ *(Tantai Tāi Pēṇ)* yang bermaksud kita harus mengambil tahu suka dan duka warga emas.

Perasaan kasih sayang adalah sifat semulajadi manusia yang normal. Perasaan ini merupakan nilai kemanusiaan yang terpuji. Jiwa mulia adalah jiwa yang mencurahkan kasih sayang serta menghormati insan lain. Pujangga Tamil Tiruvalluvar menyatakan bahawa orang yang mempunyai kasih sayang dikatakan manusia yang benar-benar menjalani kehidupan. Sebaliknya mereka yang tiada kasih sayang adalah “bangkai bernyawa”. (Tiruvalluvar : Tirukkuṛal Terjemahan; Pengertian; Pembicaraan, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Perasaan kasih sayang adalah sesuatu yang amat mulia dan asas bagi bermasyarakat. Untuk kehidupan yang harmoni, setiap individu harus disemai dengan perasaan kasih sayang dalam sanubari mereka. Manusia mempunyai saluran yang tersendiri bagi menyalurkan perasaan kasih sayang kepada seseorang.

Konsep kasih sayang ini lebih menonjol dalam karya pengarang iaitu kasih sayang ibu kepada anak, anak dengan ibu bapa, lelaki perempuan, berlainan kaum dan sebagainya. Perasaan kasih sayang sentiasa memberi kebahagiaan. Namun , apabila terlalu mencurahkan kasih sayang dan memanjakan anak ia akan memberikan kesan buruk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai menyokong kenyataan di atas, Jabatan Perangkaan Negara mengeluarkan perangkaan mengenai penghuni pusat warga emas di Malaysia. Negeri Perak mendahului dengan 1339 orang manakala negeri Selangor pula mencatat angka 860 orang dan Pulau Pinang menunjukan angka sebanyak 772 orang. . Johor pula mencatat 680 orang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula mencatat 405 orang penghuni. Negeri Sembilan mencatat rekod 264 orang dan Pahang pula mencatat 233 orang. Kedah pula mencatat angka 133 manakala Melaka mencatat 129 orang penghuni. Sarawak, Perlis dan Sabah masing-masing mencatat 80, 34 dan 27 orang. Tetapi Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan tidak mempunyai penghuni warga emas dan pusat jagaan warga emas.

Isu sosial memang serius dibincangkan di mana-mana sahaja. Remaja masa kini hidup dengan cabaran demi kemajuan dan kemodenan sehingga mereka hidup dengan penuh kebebasan. Kebebasan remaja kini tiada terbatas lagi sehingga berlaku pelbagai masalah sosial dalam kalangan mereka.

Ramai anak muda berhijrah ke kawasan bandar sama ada untuk melanjutkan pelajaran atau mencari pekerjaan. Kejutan budaya yang dialami oleh mereka apabila datang ke bandar mendesak mereka untuk mengubah cara hidup. Lama kelamaan mereka terpengaruh dengan ciri dan nilai kehidupan di bandar. Usia yang muda dan naluri yang inginkan kebebasan dan keseronokan menyebabkan perubahan pada diri mereka berlaku pada kadar yang begitu cepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpen ini amat memenuhi teori Georg Lukacs iaitu isu semasa feminisme yang mencerminkan masyarakat wanita India di negara ini. Cerpenis juga ingin nasib dibela agar mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Cerpenis menyeru masyarakat agar tidak mengabaikan tanggungjawab individu terhadap kebajikan wanita.

4.2.4 Isu Kehidupan Tidak Menentu Hala

Kerapkali juga bila rasa hendak buat sesuatu, kita buat sahaja tanpa kenali sebab dan bagaimana ia membantu maju kehadapan. Melakukan sesuatu tanpa halatuju kerja sia-sia kerana hasil akhir tidak di kenal pasti, seolah-olah kita memandu kereta tanpa haluan atau sebab tertentu. Dengan matlamat kita memastikan setiap tindakan mempunyai makna dan sebab yang berarahkan sesuatu sasaran yang kita mahu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menumpukan fokus merupakan salah satu sebab penting perlukan halatuju. Hidup di dunia dengan pelbagai pilihan dan gangguan. Aktiviti-aktiviti luaran, rakan-rakan di *facebook* dan saluran rancangan televisyen terlampau banyak dapat menjadikan seseorang itu hanyut tanpa fokus dalam merealisasikan keinginannya. Dengan halatuju seseorang akan lebih fokus dan sedar ke mana hala tujunya daripada dibiarkan dengan gangguan-gangguan luaran. Walaupun dengan halatuju, gangguan-gangguan itu tetap ada, sekurang-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurangnya perlu mengarahkan minda ke satu perkara yang hendak dicapai daripada dibiarkan minda asyik dengan gangguan itu.

Jika dilihat dari sudut yang lain, cerpen yang bertajuk *'Calaṉam'* (Ketidaktenteraman Hati) oleh Murugaiya Muthuveeran (*Tamil Nesan* 15.04.2007) membincangkan isu kehidupan yang tidak menentu hala tuju seperti tayangan filem. Puvanesh mengharungi pelbagai cabaran dalam mencari jodoh kehidupannya. Emaknya tidak pernah putus asa mencari jodoh untuk anaknya. Puvanesh pernah mencintai wanita bernama Maha tetapi ditolak olehnya kerana ingin berkahwin dengan lelaki lain yang lebih berada. Akhirnya takdir telah menyebabkan dia berjumpa dengan adik Maha iaitu Charu yang juga enggan berkahwin dengan Puvanesh dengan alasan ingin menjaga kakaknya yang telah ditipu oleh suaminya. Puvanesh merasakan kehidupannya menjadi sama seperti tayangan filem yang dinantikan penghujungnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *" இங்கப் பாருங்க! இனி என் வாழ்க்கையில் குறுக்க வராதீங்க. என்னை நான் எரியூட்டிக் கொள்வேன்" என்ற பதிலோடு ரிசீவரை அனல் பரக்க 'பட்டென' வைத்தாள். "*
>
> " Dengar sini! Jangan campur tangan dalam urusan saya lagi. Saya akan bunuh diri ". Dia lalu meletakkan gagang telefon dengan pantas dan kuat.
>
> (Murugaiya, M. (15.04.2007). *Calaṉam, Tamil Nesan* , hlm 11)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis memprotes bahawa filem-filem Tamil kini menjadi tarikan negatif dalam kalangan masyarakat India kerana mereka terikut-ikut dengan perkara yang ditayangkan. Cerpenis menyindir masyarakat India di negara kita harus peka terhadap keluarga yang mengutamakan kasih sayang, kepercayaan antara satu sama lain dan hubungan erat akan membawa kemajuan kepada sesebuah keluarga. Cerpenis juga berpendapat bahawa masyarakat India harus mengelakkan unsur-unsur filem yang hanya merupakan hobi. Cerpenis juga mengajak masyarakat India memberi keutamaan kepada bidang yang lebih bermanfaat iaitu ekonomi dan politik yang akan membawa kejayaan dalam kehidupan.

Cerpen yang berjudul *'Pāḻ Viṭi'(Jalan ke arah Jahanam)* oleh A.Thevarajan (*Tamil Nesan,* 20.05.2007) membincangkan isu pengaruh drama Tamil dalam kalangan suri rumah. Valliammah merupakan seorang suri rumah. Dia sangat ketagih dengan drama tamil. Komathi merupakan anak kepada Valliammah dan isteri Sangkar. Pada suatu hari semasa Valliammah khusyuk menonton drama, telefon rumahnya berbunyi. Tetapi dia tidak mahu menjawab panggilan tersebut kerana menyangka bahawa kawannya Muniammah yang memanggil. Dia malas untuk melayan Muniammah. Apabila telefon berdering beberapa kali, dia masih enggan menjawab. Untuk mengelak daripada menjawab panggilan, Valliammah menyuruh Komathi untuk putuskan sambungan wayar telefon tersebut. Komathi pun berbuat demikian. Selepas itu Komathi menyatakan bahawa mereka terlupa untuk menghadiri majlis perkahwinan saudaranya. Disebabkan mahu menonton drama dan malas untuk menghadiri majlis perkahwinan itu, mereka berdua telah bercadang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menipu dengan menyatakan bahawa tidak sihat. Pada malam tersebut tiba-tiba ada orang mengetuk pintu rumah Valliammah. Dia terkejut selepas membuka pintu kerana kedua-dua mempelai dan bapanya telah datang kerumah dia. Apabila ditanya, bapa mempelai iaitu saudara Valliammah berkata bahawa dia cuba menghubungi mereka dari pagi, tetapi panggilan tersebut tidak dijawab. Dia telah memberitahu bahawa menantu Valliammah iaitu Sangkar telah terlibat dalam kemalangan dan telah meninggal dunia. Dia cuba hubungi Valliammah untuk memberitahu hal tersebut. Valliammah telah terkejut dan menyesal dengan sikapnya yang ketagihkan drama Tamil.

> *“ வந்திருந்தவர்கள் ஒரு வார்த்தை பேசவில்லை. தொலைக்காட்சி அதன்பாட்டுக்குத் தன் கடமையைச் செய்து கொண்டிருந்தது. பாடல்களின் இசையைத் தவிர வேறெந்த சத்தமும் கேட்கவில்லை... ”*
>
> “ Orang yang datang tidak dihiraukan tanpa berkata sepatah pun. Televisyen sedang berfungsi. Tiada bunyi lain yang kedengaran kecuali muzik. ”
>
> (Thevarajan, A. (20.05.2007). *Pāḷ ViṭI, Tamil Nesan*, hlm.15)

Melalui cerpen ini, penulis ingin menyampaikan mesej bahawa kaum wanita terutamanya suri rumah perlulah mengelakkan sikap menagih terhadap drama Tamil. Sikap itu akan menghancurkan rumah tangga mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu ini merupakan isu yang berlaku hampir pada semua keluarga masyarakat India. Oleh itu, sangat bertepatan dengan teori Georg Lukacs yang menyatakan bahawa sastera adalah refleksi sosial benar dan ini diceritakan oleh cerpenis melalui cerpennya.

4.2.5 Menjaga Maruah Keluarga

Maruah ialah istilah yang digunakan dalam perbincangan kesusilaan, etika dan politik bagi menunjukkan bahawa setiap orang mempunyai hak terhadap rasa hormat dan layanan beretika. Ia merupakan lanjutan daripada konsep zaman kesedaran tentang hak sedia ada dan tak terpisah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis cuba menyedarkan masyarakat India agar sentiasa menjaga nilai moral dengan baik kerana ia akan mencemarkan nama keluarga. Cerpen yang bertajuk *'Aṉṉaṉukkut Teriyumā?'* (Abang Tahukah?) oleh S.Gopalan (*Tamil Nesan* 03.06.2007) membincangkan isu kehidupan wanita. Kisah abang yang amat mengambil berat tentang kehidupan adik perempuannya sehingga sanggup menanti kepulangan adik dari tempat kerja setiap hari. Abang sering menasihati adiknya supaya menjaga maruah dirinya dengan mengambil kira batasan bergaul dengan lelaki lain. Kekangan ini tidak dapat diterima adiknya kerana berfikiran lebih terbuka dan ingin bersosial. Maka dia mengambil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keputusan untuk meninggalkan rumah abangnya untuk mencari pasangan hidup yang ideal.

> *“ ஐயோ! அண்ணா, நாளைக்கு ஒரு கல்யாணம் பண்ண குடும்பப் பொண்ணா வாழனுங்கிற ஆசையிலதாண்ணா நான் இப்படி நடந்துக்க வேண்டியிருக்கு! பேசாம பழகாம எப்படி அண்ணா ஒருத்தரு நமக்குத் தகுந்த ஆளான்னு முடிவு பண்ண முடியுமா? ”*
>
> “ Ayoh! Abang. Saya terpaksa melakukannya kerana suatu hari nanti saya juga akan menjadi bakal pengantin. Bagaimanakah abang kita mengenali peribadi seseorang itu sesuai dengan kita atau tidak tanpa bergaul dan bercakap terlebih dahulu.”

(Gopalan,S. (03.06.2007). *Aṇṇaṉukkut Teriyumā?*, *Tamil Nesan*, hlm. 15)

Masalah mencari tunang dalam kalangan masyarakat India turut menjadi isu penting yang boleh memporak peronda sesuatu keluarga. Cerpenis memaparkan isu ini untuk para remaja masyarakat India sedar akan kepentingan keluarga walaupun hal-ehwal berumah tangga berlaku di antara suami isteri, cerpenis berharap ianya juga turut melibatkan pelbagai pihak.

Kebebasan tanpa didikan agama dan moral akan membahayakan semua orang tanpa mengira umur atau jantina. Agama merupakan senjata ampuh yang membantu mereka menangkis segala anasir yang bersifat negatif. Cerpenis juga berhasrat untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memohon para ibu bapa sentiasa mengawasi aktiviti luar anak-anak mereka bagi menjamin kualiti hidup anak remaja kini. Cerpenis membawa isu ini agar menjadi pedoman kepada generasi baharu yang banyak terpedaya dengan unsur-unsur barat.

Pendita Tiruvalluvar tidak ketinggalan untuk menasihatkan masyarakat India melalui Kuṛal berikut.

“ ஒழுக்கம் விழுப்பம் தரலான் ஒழுக்கம்
உயிரினும் ஓம்பப் படும். ” (குறள் 132)

“ Insan suci dimuliai manusia
Tabiat murni termegah nyawa.” (Kuṛal: 132)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Nāmakkal Kavinjar Urai, 2012, 32)

Kuṛal ini menyatakan bahawa manusia harus mementingkan nilai moral berbanding dengan nyawa mereka.

Anak-anak adalah kurniaan Tuhan kepada ibu bapa. Oleh itu, mereka perlu mengasuh dan menjaga dari sejak kecil lagi. Para ibu bapa berkorban masa, tenaga dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sukaduka demi anak-anak. Oleh itu, anak-anak haruslah membiayai ibu bapa masing-masing demi menunjukkan kasih sayang mereka.

4.2.6 Isu Kepentingan Tali Persaudaraan

Secara konseptualnya, persaudaraan merupakan asas kepada kesatuan manusia dalam sesebuah entiti masyarakat. Citra dan hati budi seseorang itu bukan bergantung kepada bangsa, warna kulit, keturunan, pangkat atau hartanya, tetapi diukur berdasarkan ketinggian budi pekerti yang terpuji. Dalam kerangka persaudaraan ini, interaksi sosial sesama manusia perlu mengikut adab-adab yang telah digariskan oleh setiap agama.

Antara objektif konsep persaudaraan ini adalah bagi memenuhi konsep saling lengkap melengkapi (simbiosis) sesama insan dalam suasana yang harmoni. Kepentingan konsep persaudaraan sangat ditekankan kepada manusia dalam mengimbangi hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia.

Sekiranya manusia menghayati konsep persaudaraan, maka ia akan melahirkan sebuah peradaban manusia yang unggul. Sebagai natijahnya, ia akan membentuk masyarakat yang bersatu padu dan akhirnya akan membentuk bangsa yang kuat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum, peringkat usia, taraf kedudukan, pangkat dan kebolehan ilmu pengetahuan serta pelbagai sistem agama dan kepercayaan. Bagi menjamin dan menjaga keharmonian institusi masyarakat, setiap anggota dalam masyarakat perlu memahami konsep dan peraturan hidup bermasyarakat.

Setiap agama mempunyai prinsip dan acuan tersendiri dalam konteks kemasyarakatan khususnya dalam nilai persaudaraan seperti berikut persaudaraan merupakan keperluan bersama iaitu saling lengkap-melengkapi dan bantu membantu antara satu kaum dengan kaum yang lain, persaudaraan dapat memupuk nilai dan etika pergaulan sesama manusia, persaudaraan merupakan obligasi sosial yang merangkumi kewajipan-kewajipan ringkas yang perlu dilaksanakan, persaudaraan juga merupakan jalinan kemesraan dan kasih sayang dan perpaduan dapat memupuk ke arah pengukuhan perpaduan dan keamanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhirnya, persaudaraan adalah hubungan dan interaksi dengan pihak lain yang melahirkan semangat dan sikap peduli dan solidariti sosial kemanusiaan. Saling memperhatikan, dalam pengertian saling memahami, saling mengerti, saling membantu dan membela terhadap sesama bukannya saling bermusuhan, saling bertengkar, saling menyakiti, ini adalah sikap dan tindakan yang justeru menyalahi erti persaudaraan. Sebuah persudaraan adalah persamaan dan persamaan inilah yang harus mendorong kita untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

saling memperhatikan saling mencintai, saling menolong dan membela antara satu sama dengan yang lain serta tidak menyakiti dan menganiaya antara sesama.

Cerpenis ingin menonjolkan isu persaudaraan dalam cerpen yang bertajuk *'Puṉitamāṉaval'* (Perempuan Mengutamakan Ikatan Persaudaraan) oleh K.S. Kannan (*Tamil Nesan* 28.05.2006) membincangkan isu hubungan kekeluargaan. Kisah seorang pemuda yang bernama Raja yang telah menghadapi pelbagai masalah disebabkan kawan-kawannya. Raja lebih mempercayai kawan-kawannya daripada keluarganya. Raja berasa sangat marah apabila mendapat tahu kawannya ditimpa masalah disebabkan oleh saudara-maranya. Walaupun dinasihati ayahnya, Raja tetap ingin mempertahankan kawannya. Akhirnya Raja telah memukul saudaranya Siva sehingga mati. Raja telah diberkas oleh polis. Kawan-kawannya telah mengabaikannya tetapi saudara-mara dan keluarganya yang telah membebaskannya dengan mengikat jamin. Raja sedar bahawa hubungan kekeluargaan itu adalah lebih penting daripada yang lain-lain.

Melalui cerpen di atas, cerpenis ingin menegaskan bahawa hubungan keluarga adalah lebih penting dari sahabat handainya. Ramai di antara remaja pada masa kini lebih mengutamakan kebajikan kawan-kawan mereka berbanding dengan keluarga tersendiri. Mereka juga sedia mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai ahli keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, cerpen yang bertajuk *'Eṭirpārātatu'* (Tidak Diduga) oleh Neelavannan Thangavelu (*Tamil Nesan* 17.06.2007) membincangkan isu tanggungjawab terhadap keluarga. Kathirvelu anak sulung mempunyai tanggungjawab terhadap adik beradik dan ibu bapanya. Dia amat menyedari tanggungjawab ini. Setelah tamat pengajian dia mendapat pekerjaan sebagai guru di kawasan pendalaman Sabah. Beliau terpaksa mengharungi pelbagai cabaran yang akhirnya menyebabkan beliau berkahwin dengan wanita Iban yang telah menolongnya sewaktu dia hampir lemas di sungai. Kathirvelu sedar bahawa kepercayaan sekeluarga terhadapnya telah dihancurkan dan tindakan ini menyebabkan beliau serba salah untuk bersemuka dengan keluarganya. Hampir 20 tahun telah berlalu dan beliau pulang ke kampungnya. Keadaan telah banyak berubah dan ibu bapanya juga telah meninggal dunia. Sikap serba salah menyelebungi dirinya memikirkan tanggungjawab yang telah diabaikan. Hal ini dapat digambarkan oleh cerpenis melalui petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *" இன்று அம்மாவும் அப்பாவும் முதிர்ந்து மரணத்தைத் தழுவியிருந்தார்கள். பெரிய தம்பி வெளி ஊருக்குச் சென்றுவிட்டானாம். தங்கைகள் திருமணம் செய்து எங்கோ வாழ்கிறார்களாம். காத்திருந்து காத்திருந்து நான் வராமல் போகவே பரிமளாவையும் திருமணம் செய்து கொடுத்துவிட்டார்களாம். தம்பி ஆறுமுகம் வியாதி ஏற்பட்டு இறந்துவிட்டானாம். "*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> " Hari ini emak dan ayah telah meninggal dunia kerana sakit tua. Adik sulung berada di tempat lain. Adik perempuan dua orang pula tinggal di luar setelah berumah tangga. Setelah menunggu lama saya, Parimapun berkahwin. Adik lelaki Arumugam meninggal dunia kerana penyakit."
>
> (Neelavannan,T. (17.06.2007). *Eṭirpārātatu, Tamil Nesan*)

Cerpenis melalui cerpen ini ingin menyampaikan mesej bahawa anak-anak haruslah menjaga keluarga. Mereka tidak patut mementingkan diri sendiri. Mereka juga melupakan ahli keluarga dan ibu bapa yang melahirkan mereka.

Keluarga merupakan suatu institusi yang mempunyai beberapa orang ahli. Institusi tersebut mewakili sesebuah masyarakat. Maju dan mundurnya sesebuah keluarga akan membawa nama buruk kepada masyarakat tersebut. Oleh itu, masyarakat India di Malaysia hendaklah membela nasib keluarga masing-masing melalui mengeratkan hubungan ahli keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.7 Isu Kemandulan

Kemandulan didefinisikan sebagai kegagalan isteri untuk hamil apabila melalui gerbang perkahwinan selepas tempoh setahun dengan melakukan hubungan kelamin dengan kekerapan yang sewajarnya tanpa menggunakan sebarang ubat dan alat pencegah kehamilan. Terdapat dua jenis kemandulan. Kemandulan Primer (kehamilan tidak berlaku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sejak berkahwin) dan kemandulan sekunder (pernah hamil sebelum ini sekurang-kurangnya sekali, kemudian gagal untuk hamil bagi mendapatkan anak yang seterusnya.

Secara statistiknya, 20 hingga 25% kehamilan berlaku selepas sebulan usia perkahwinan. 50% selepas tiga bulan, 75% selepas enam bulan dan lebih 85% isteri akan hamil selepas setahun tempoh perkahwinan. Jadi usaha untuk mendapat rawatan pakar perubatan perlu dilakukan selepas setahun perkahwinan untuk kemandulan primer dan dua tahun perkahwinan untuk kemandulan sekunder.

Perlu juga diingatkan faktor umur sangat penting untuk hamil bagi isteri. Kehamilan merosot sebanyak 50% apabila isteri mencecah umur 35 tahun dan ke atas dan peratusannya menjadi tersangat rendah dan menurun dengan mendadaknya selepas berumur 37 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kegagalan sebilangan besar wanita untuk hamil adalah berikutan kahwin lewat. Dianggarkan 1/3 daripada kemandulan berpunca daripada wanita. 1/3 berpunca daripada lelaki dan 1/3 berpunca daripada kedua-dua pasangan. Jadi, pemeriksaan perubatan perlu dilakukan pada kedua-dua pasangan suami dan isteri.

Cerpenis sangat kecewa dengan masyarakat yang mengutuk dan menghina kaum wanita yang tidak hamil tanpa mengetahui keadaan sebenar secara saintifik. Tanggapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat terhadap wanita yang tidak hamil menimbulkan pelbagai masalah lalu menimbulkan huru-hara dalam keluarga.

Memandangkan hakikat, cerpenis dapat menyuarakan isi hatinya melalui cerpen yang bertajuk *'Paṉpum Payaṉum Atu'* (Kegunaannya) oleh L.Muthu (*Tamil Nesan* , 07.01.2007) pula membincangkan isu sikap untuk memaaf. Segar dan Mathavi sepasang suami isteri tidak dikurniakan anak selama 2 tahun. Setelah pelbagai usaha tidak menampakkan hasil , maka mereka mengambil keputusan untuk menjalankan pemeriksaan perubatan moden. Akhirnya mereka dikurniakan seorang anak lelaki yang dinamakan Karnan. Karnan membesar dengan sikap yang amat berbeza daripada ayahnya. Mathavi berasa ragu dan membuat pemeriksaan gen ke atas anaknya di hospital. Keputusannya mengejutkan kerana didapati sperma yang dimasukkan ke dalam badannya bukan sperma suaminya tetapi sperma lelaki lain. Mathavi amat kecewa dan marah kerana kesuciannya telah dicabul. Suaminya menerangkan bahawa berasaskan teknologi perubatan moden ini, ianya tidak salah langsung. Akhirnya, Mathavi memaafkan suaminya kerana percaya bahawa kesucian hati adalah lebih penting dan dia tidak bersalah dalam hal ini seperti yang diterangkan oleh suaminya.

> *" வறடி-மலடி- இதற்கெல்லாம் ஆண்பாலினால் ஆன வார்த்தைகள்கூட இல்லை. பெண்கள் மட்டுமே குறி வைத்துத் தாக்கும் இந்த வார்த்தைகளிலிருந்து உன்னைக் காப்பாற்ற நான் எடுத்த முடிவுதான் டாக்டரையே உன்னிடம் பேசவிடாமல் ஊமையாக்கியது. இது நம் நலம்."*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “ Mandul- perkataan ini hanya untuk kaum perempuan sahaja. Saya mengambil keputusan untuk menyelamatkan anda dan anda perlu mendiamkan diri. ”
>
> (Muthu,L. (07.01.2007), *Paṉpum Payaṉum Atu, Tamil Nesan* ,)

Masalah mandul merupakan satu masalah yang dipandang serius oleh masyarakat India. Sejak beberapa turun-temurun masalah ini menyelubungi masyarakat India. Masalah ini menjadi isu hangat dalam kalangan wanita India, dan cerpenis amat sedar akan masalah yang akan timbul dalam keluarga atau masyarakat India sehingga wujud isu tersebut.

Isu mandul bukan isu yang baru dalam kalangan masyarakat India. Isu tersebut menimbulkan masalah sejak turun temurun. Namun, masyarakat India harus sedar akan akibatnya yang menyebabkan huru-hara dalam keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.8 Isu Pengorbanan Isteri

Cerpenis juga tidak ketinggalan untuk menghasilkan cerepen yang melibatkan isu pengorbanan seorang isteri. Cerpen yang berjudul *‘Thuṇaivi’* (Isteri) oleh R.S.Illamurugu (*Tamil Nesan*, 29.11.2009) membincangkan isu pengorbanan seorang isteri. Isteri Baskaran merupakan seorang suri rumah yang sangat bertanggungjawab. Setiap hari beliau akan bangun sebelum subuh dan akan menyediakan segala keperluan anak-anaknya. Di samping menjadi isteri yang taat, beliau juga menjaga kedua-dua ibu bapa suaminya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tanpa mengira penat lelah beliau telah berkorban untuk keluarganya. 40 tahun telahpun berlalu, kini En.Baskaran dan isterinya sudah tua. Anak-anak mereka sudah bekerja dan berkeluarga. Kini En.Baskaran sedang mengimbas kembali pengorbanan isterinya.

> *“ வெறும் ‘ஹவுஸ் வைப்’ என்று உணர்வுகளுமற்ற ஒரு வீட்டுக்காரியாக மட்டுமே அவளை மதித்து, அவளுக்கிருந்த குடும்பப் பொறுப்புகளையும் உறவுகளின்மீது அவள் வைத்திருந்த பற்றும் பாசமும் மற்றவர்களுக்காகவே வாழ்ந்த அவள் தியாகமும் என் கண்களுக்கும் கணிப்புக்களுக்கும் தெரியாமலே போனதா? ”*
>
> “ Saya tidak dapat merasai tugasnya sebagai seorang suri rumah yang mengorbankan diri bagi ahli keluarga dengan memberi kasih sayang…”
>
> (Illamurugu,*R.*(29.11.2009). *Thuṇaivi, Tamil Nesan*,)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis telah membawa isu ini dalam cerpen kerana seseorang yang telah mengorbankan masa, wang, tenaga dan sebagainya demi pembangunan dan kesejahteraan keluarga maka pengorbanannya harus dihargai dan diiktiraf oleh ahli keluarga.

Dalam pada itu, cerpen yang berjudul *‘Puriyāta Piriyam Piriyumpōtu Pūriyum’(Kepentingan Hubungan Suami)* oleh N.Jeyabalan Manggai (*Tamil Nesan* Sept.2009) membincangkan isu suami diabaikan oleh seorang isteri. Sivabalan dan Letchumi merupakan pasangan suami isteri yang mempunyai empat orang anak. Sivabalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah bersusah payah untuk membesarkan anak-anak mereka. Apabila sudah pencen anak-anaknya mula mengabaikan Sivabalan. Letchumi pula gila menonton drama bersiri di televisyen. Dia pula tidak memenuhi keperluan suaminya. Apabila ditanya, dia suka meremeh – temehkan segala pengorbanan suaminya. Sivabalan sering mengingatkan kepada Letchumi bahawa, isterinya tidak dapat hidup senang selepas ketiadaannya. Letchumi berkata bahawa suaminya mengarut. Pada suatu pagi, Sivabalan telah meninggal dunia. Letchumi dan anak-anaknya berasa sangat sedih. Selepas beberapa bulan Letchumi menyedari bahawa anak-anaknya mula menjadikannya sebagai orang gaji. Pada waktu itulah dia memahami kebenaran disebalik kata-kata mendiang suaminya. Keinsafan Letchumi pada masa tersebut sudah terlewat…

> *“ என்னதான் பெண்கள் தைரியசாலிகளாக இருந்தாலும் கணவன் இறந்துவிட்டால் பலவீனமாகிப் போய்விடுவது என்பது லெட்சுமியைப் பொறுத்தமட்டில் உண்மையானது. எத்தனை சொந்தங்கள் இருந்தாலும் அது அந்த ஜீவனுக்கு ஈடாகுமா? ”*

> “ Walaupun dikatakan perempuan berani menghadapi cabaran tetapi setelah suami meninggal dunia mereka akan menjadi lemah. Keadaan ini jelas dilihat dalam kehidupan Letchumy. Walaupun mempunyai ramai sanak saudara, kewujudan suami amat penting bagi seseorang perempuan.”

(Jeyabalan Manggai,N. (Sept.2009). *Puriyāta Piriyam Piriyumpōtu Pūriyum, Tamil Nesan*)

Melalui cerpen ini, cerpenis ingin menyampaikan mesej tentang perangai anak-anak zaman ini yang suka mengabaikan ibu bapa yang tua. Selain itu terdapat juga ramai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wanita yang ketagihan dengan drama bersiri sampai mengabaikan tanggungjawab terhadap suami masing-masing.

Isu yang timbul melalui hubungan kekeluargaan tidak dapat dipisahkan dari sesebuah keluarga lagi dalam masyarakat India. Filem Tamil dan drama bersiri juga turut menceritakan tema hubungan kekeluargaan. Maka cerpenis menyeru masyarakat India untuk mengamalkan kehidupan yang sihat melalui memantapkan hubungan kekeluargaan tanpa menimbulkan sebarang perbuatan negatif. Cerpenis ingin menimbul kesedaran bahawa apabila hubungan kekeluargaan terputus maka kebahagiaan keluarga turut terbantut.

Cerpenis dapat menggunakan teori Georg Lukacs yang menyatakan isu ini sebagai suatu cerminan masyarakat. Protes sosial yang berkaitan dengan hubungan kekeluargaan itu dapat direalisasikan dalam cerpen-cerpen Tamil terbitan akhbar harian *Tamil Nesan.*

Institusi kekeluargaan merupakan sebahagian daripada sebuah mayarakat. Setiap individu dalam keluarga harus menjaga maruah keluarga untuk menjaga nama baik keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.9 Isu Feminisme

Feminisme adalah merupakan teori sosial yang menggambarkan kebebasan pihak perempuan daripada penindasan oleh kaum lelaki. Dalam istilah yang mudah, Feminisme merupakan kepercayaan kepada kesamaan sosial, politik dan ekonomi antara kedua-dua jantina. Feminisme juga merupakan sebuah gerakan yang dikendalikan berdasarkan keyakinan bahawa jantina tidak harus menjadi faktor penentu yang membentuk identiti sosial atau hak-hak sosio-politik dan ekonomi seseorang. Di bawah tekanan berterusan untuk mengikut norma-norma kelelakian, ahli-ahli gerakan kewanitaan tidak bersetuju antara satu sama lain tentang persoalan-persoalan punca ketaksamaan, bagaimana kesamaan harus dicapai serta takat jantina dan identiti berdasarkan jantina yang harus dipersoalkan dan dikritik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkataan ‘Feminisme’ berasal dari bahasa Latin iaitu ‘Femina’ yang bermaksud ‘membawa kualiti kepada kaum wanita’. Perkataan ini juga digunakan untuk menunjukkan imej wanita sahaja tetapi kemudian berubah bagi memperjuangkan hak-hak wanita. Manakala, *Kamus Oxford* pula memberi keterangan yang lain iaitu ‘pihak yang memperjuangkan untuk memenuhi kehendak golongan wanita’ (Prema.R., 2005:11).

Pada awal, perkataan ‘*Womanism*’ digunakan sehingga tahun 1889 untuk memperjuangkan hak-hak golongan wanita. Pada tahun 1890, muncul satu perkataan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baharu iaitu ‘Feminisme’ diperkenalkan bagi tujuan yang sama dan tahun 1894 *Kamus Oxford* mencetak perkataan ini. Seorang wanita bernama Ray Strachey mempopularkan perkataan ini.

Pada umumnya feminisma dianggap sebagai satu gerakan yang menentang golongan lelaki. Tujuan sebenar adalah bagi memperjuangkan hak-hak wanita melalui pendidikan serta menyedari kaum wanita. Mereka menentang dengan tegas sekiranya golongan lelaki yang menjadi sebagai batu penghalang kepada tujuan sebenarnya.

Justeru itu, sasterawan barat dan pejuang aliran ini pula memberi pelbagai pandangan tentang ideology ini. Antaranya, Charlotte Buneh mengatakan bahawa Feminisme adalah gerakan yang memahami dan mengikiskan segala masalah yang dihadapi oleh golongan wanita. Dengan ini mereka ingin membawa satu perubahan dalam politik, budaya, ekonomi dan agama di seluruh dunia. Manakala Barbara Smith berpendapat di mana Feminisme akan membebaskan semua golongan wanita tanpa kira usia dan status dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Selain dari ini, Doanna Hawshurst dan Sue Morrow menegaskan sama seperti Barbara Smith di mana gerakan ini mesti bertindak tegas kalau tidak ia akan lenyap begitu sahaja. Teresa Billington menjelaskan Feminisme adalah satu aliran yang tranfermasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gobal dan Rosalint Delmar berkata ia hanya membawa perubahan kedudukan kaum wanita sahaja (Prema.R, 2005:11)

Menurut Salleh Yapaar, femenisma sebagai satu fenomena yang meliputi pemikiran atau fahaman dan praktis atau amalan interdisiplinari berasaskan pengalaman wanita.

Pada zaman Veda dan zaman Sangam pula terdapat golongan wanita terlibat dalam penulisan seperti golongan lelaki di mana membantu dalam perkembangan kesusasteraan Tamil umpamanya Auvaiyaar, Velliputhiyaar, Parimakalir dan sebagainya menyumbangkan tenaga pada zaman tersebut. *'Aka Nānūṛu dan Puṛa Nānūṛu '* menjadi bukti kepada penerangan di atas. Isu femanisma ini memang disebut dalam cerita-cerita Tamil *'Purāṇam'* dan epik-epik seperti '*Mahābāratā, Rāmāyanā dan Cilapatikāram'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada awal abad ke 20, pihak British membawa masuk orang-orang India ke Malaya untuk memajukan sektor perladangan. Etnik Tamil adalah paling ramai jika berbading dengan bangsa lain yang berhijrah ke sini. Golongan wanita Tamil turut mengikuti suaminya sebagai tenaga pekerja di sektor tersebut dan majoritinya merupakan wanita berunsur tradisi yang tidak berpendidikan. Oleh itu, kaum wanita Tamil terikat dengan adat, budaya dan agamanya. Mereka ini tidak menentang dasar patriaki dan setia kepada suaminya. Selepas Tanthai Periyaar (E.V. Ramasamy) melawat dan memberi ceramah di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaya tentang maruah diri pada tahun 1929, mencelik mata kaum wanita dan mula menyedari kepentingan pembebasan wanita.

Selepas negara mencapai kemerdekaan dasar pendidikan negara telah mengukir suatu corak yang baharu dalam kalangan wanita Tamil. Pendidikan telah membuka laluan kepada golongan wanita Tamil bagi menceburi dalam segala aspek iaitu sosial, ekonomi dan politik. Kini, bukan sahaja golongan wanita memimpin pentadbiran urusan rumah tangga malah menjadi tokoh memimpin negara dan bangsa.

Dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan* terdapat protes sosial yang menggambarkan perjuangan wanita Feminisme. Cerpen-cerpen ini berusaha untuk memberi kesedaran kepada gologan wanita India di mana mereka perlu meningkatkan perubahan fikiran untuk bebas dari golongan lelaki dan mencatat sejarah yang mengatakan wanita boleh. Memang tidak boleh dinafikan iaitu kaum wanita kini sudah berupaya menyumbangkan tenaga mereka dalam sektor pembangunan masyarakat dan negara.

Perkara ini dapat dicerminkan oleh cerpenis Murugaya Muthuveeeran dalam cerpennya yang bertajuk *'Puyalukkup Pin'* (Selepas Ribut Taufan), (*Tamil Nesan* 15.06.2008) membincangkan isu wanita yang memperjuangkan hak wanita. Saravanan berimpian untuk memberikan adik perempuannya kehidupan yang selesa selepas kematian kedua-dua ibu bapanya.Tetapi impiannya berkecai apabila maruah adiknya telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dicabul oleh lelaki yang tidak dikenali. Beberapa kali lelaki yang mencabul kehormatan adiknya cuba untuk meminta maaf dan ingin berkahwin dengannya.Namun dia menolak keinginannya dan bertekad hidup berdikari dengan anak dalam kandungannya. Perasaan Feminisme wanita dalam cerpen ini dapat disebut seperti berikut.

> *“ தன்னைப்போல் எத்தனை பெண்களின் பாவத்தை இவன் கொட்டிக் கொண்டிருப்பான்! வேண்டாம்... பொறக்கப்போகும் என் பிள்ளையோட நான் நிம்மதியாக வாழ்ந்துட்டுப் போறேன்...”*
>
> “ Dia telah membinasakan kehidupan wanita lain seperti saya! Tak mahu. Saya akan hidup gembira dengan anak saya yang saya akan lahirkan. ”
>
> (Murugaya,M. (15.06.2008). *Puyalukkup Pin, Tamil Nesan*, hlm.9)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis ingin mengutarakan protes sosial yang berkaitan dengan Feminisme melalui cerpen ini. Cerpenis juga ingin membangkitkan semangat kaum wanita agar mereka terus berjuang untuk mendapatkan hak mereka. Di sampig itu, cerpenis juga menggesa kaum wanita membalas dendam kaum lelaki yang menganggap kaum perempuan sebagai alat permainan mereka yang hanya menjadi kepuasan nafsu semata-matanya.

Dalam pada itu, cerpen yang bertajuk *‘Iravuc Cūriyan’* (Matahari Malam) oleh Santhiagu (*Tamil Nesan*, 25.7.2010) pula membincangkan isu perubahan hati seorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ayah. Kisah seorang ayah yang sering memarahi anak perempuannya kerana berfikiran bahawa anaknya membawa nasib yang malang. Selepas sekian lama, ayahnya telah berubah fikiran dan lebih menyayangi anak perempuannya. Perubahan fikiran ayahnya menyebabkan hati ibunya lebih lega. Situasi tersebut dapat digambarkan seperti berikut:

> *“ஆண்கள் எது வேண்டுமானாலும் பேசலாம். பெண்கள் அடங்கிக் கிடக்கணும். எத்தனை பாரதி வந்தாலும் இப்படிப்பட்ட சென்மங்களைத் திருத்த முடியாது.”*
>
> “ Lelaki boleh cakap apa sahaja. Perempuan perlulah berdiam diri. Mereka tetap seperti ini dan tidak boleh diubah selama-lamanya. ”

(Santhiagu. (25.7.2010). *Iravuc Cūriyan, Tamil Nesan*,)

Pemikiran kaum lelaki tentang kaum wanita sejak dahulu dibelenggu dengan isu penuh negatif atau dipandang serong. Mereka menganggap bahawa anak perempuan yang dilahirkan tidak akan dapat bakal suami yang baik.

Di samping itu, cerpen bertajuk *‘Putitai Pūtta Uṛavu’* (Perhubungan Baru) oleh Selvi (*Tamil Nesan, 5.9.2010)* membincangkan isu kehidupan yang memberi kebahagiaan. Divya mendapat nama buruk apabila jodoh yang bakal dikahwininya meninggal dunia sebelum perkahwinan. Adik kepada jodohnya Siva ingin berkahwin dengannya tetapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditolak oleh Divya. Akhirnya , Divya bersetuju setelah keluarganya mengemukakan hajat mereka.

Dalam cerpen ini pula, cerpenis ingin memaparkan masalah kaum wanita harus membendung segala rintangan yang mereka hadapi tanpa bantuan sesiapa pun. Cerpenis melalui cerpen ini meminta kaum wanita terimalah kehendak keluarga agar mereka tidak terbiar dalam masyarakat.

Di samping itu, cerpen yang berjudul *'Katavai Mūṭu Kāṛṛu Varātu'(tutup pintu, angin tak masuk)* oleh R.S, Illamurugu (*Tamil Nesan*, 09.05.2010) membincangkan isu berpakaian sopan demi menjaga maruah diri. Arunthati merupakan anak seorang jutawan. Dia juga merupakan seorang gadis jelita menawan. Arunthati suka berpakaian menjolok mata di tempat kerja dan juga di tempat-tempat lain. Walaupun telah ditegur oleh ramai tetapi dia tidak mahu mendengar teguran-teguran tersebut. Pada suatu hari Arunthati telah diculik oleh sekumpulan penjahat dan telah diseksa dengan teruk. Selepas melarikan diri dari tempat mereka Arunthati telah insaf dan bertekad untuk berpakaian dan berkelakuan sopan.

> *" இது வரைக்கும் ஒன்றும் ஆகல... இனி மேலும் ஆவாம இருக்கணும்னா நாங்க சொல்ற மாதிரி நடந்துக்கணும்.. போலிஸ் அது இதுனு நீங்கக் காட்டிக் கொடுத்தா... உன் மகள ஒழிச்சிடுவோம். "*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “ Sehingga kini masih belum berlaku apa-apa. Sila ikut arahan saya sekiranya tidak mahu berlaku apa-apa. Sekiranya, diadukan kepada polis, kami akan membunuh anak anda. ”
>
> (Illamurugu,R. (09.05.2010). *Katavai Mūṭu Kāṛṛu Varātu, Tamil Nesan*)

Melalui cerpen ini, penulis ingin menyampaikan mesej bahawa setiap wanita perlu berpakaian sopan tanpa mengira darjat. Jika tidak, ia akan membawa padah kepada mereka.

Dalam pada itu, cerpen yang bertajuk *‘Mella Tirantatu Katavu’* (Pintu Buka Perlahan) oleh P.Sumeethan (*Tamil Nesan* 18.03.2006) membincangkan isu toleransi asas hubungan kekeluargaan yang baik. Murali risau dengan keadaan kakaknya yang mempunyai emosi yang kurang stabil. Murali amat khuatir keadaan ini akan mengundang masalah selepas dia berkahwin. Perkara ini telah menjadi realiti apabila berlaku perselisihan faham antara Murali, isteri dan kakaknya. Perkara ini akhirnya dapat diselesaikan dengan aman apabila kakaknya sedar kesilapan dirinya.

> *“ பொறுமையிலும் ஓர் எல்லை உண்டுனு சொல்வாங்க. நீங்க என்னைவிட... பாவம் மாமா! அவரு ரொம்பவும் தங்கமானவரு. அவரைப்போய் உதறித் தள்ளிவிட்டு வாழா வெட்டியா இங்கு வந்து ஏன் என் உயிரை வாங்குறீங்க!... ”*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “ Kesabaranpun ada batasannya. Pakcik seorang yang sangat baik. Kenapa datang ke sini menggangu saya? ”
>
> (Sumeethan,P. (18.03.2006). *Mella Tirantatu Katavu, Tamil Nesan*, hlm 16)

Melalui cerpen ini, cerpenis menegaskan kepentingan ahli keluarga saling memahami antara satu sama lain. Perselisihan faham akan membawa kerunsingan keluarga. Perempuan harus sedar bahawa mereka merupakan tiang bagi sesebuah keluarga. Oleh itu, mereka hendaklah sabar walaupun masalah besar timbul dalam keluarga yang mereka menjadi menantu. Kesabaran perempuan ini akan membawa kebahagiaan dalam keluarga. Cerpenis ingin menegaskan bahawa perempuan masyarakat India harus teliti menjalankan urusan dalam keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaum perempuan tidak perlu menuntut hak mereka dalam keluarga dan masyarakat. Hal ini kerana mereka diberi keutamaan dalam semua bidang tanpa mengira jantina. Apabila mereka akur dan menjalankan tugas, sesebuah keluarga atau masyarakat tersebut akan meyanjung tinggi jasa mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.10 Isu Kecurangan Suami Isteri

Pada zaman feudal Eropah, kaum wanita tidak memiliki tempat dalam masyarakat. Wanita dianggap sebagai sumber godaan dan kejahatan. Keadaan ini mula berubah dan kaum wanita mendapat inspirasi untuk bangkit memperjuangkan hak-hak mereka. Kaum wanita mulai menuntut persamaan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Masyarakat India memandang tinggi akan pengorbanan kaum wanita sejak dahulu lagi. Dalam tamadun Tamil, sejak zaman *cangkam*, kaum wanita dihormati tetapi tidak diberi taraf yang sama dengan kaum lelaki. Seseorang wanita yang bersifat segan, pemalu, keremajaan dan sipu-sipu digambarkan sebagai wanita sopan. Mereka juga mesti memiliki sifat rendah diri serta dikehendaki bersifat pasif. Gadis-gadis yang sebegini dianggap sebagai isteri yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam karya agung *Tirukkuṛaḷ*, konsep wanita bersifat di atas turut dibicarakan oleh Tiruvalluvar. Menurut beliau kaum wanita harus disanjung tinggi dan dihormati. Kaum lelaki akan mencapai kejayaan sekiranya wanita diberi tempat yang tinggi dalam keluarga Tokoh bahasa Tamil *Tiruvaḷḷuar* dalam Kuṛaḷnya yang ke 59 menyatakan bahawa seseorang lelaki (suami) tidak boleh berdiri megah seperti singa di hadapan musuh sekiranya dia tidak mempunyai isteri yang setia kepada suami. Kuṛaḷ tersebut adalah seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“ புகழ்புரிந்த இல்இலோர்க்கு இல்லை இகழ்வார்முன்
ஏறுபோல் பீடு நடை. ” (குறள் 59)

“ Suami tidak beristeri juita
Tidak terdaya semegah singa. ” (Kuṛaḷ 59)

` (Tirukkuṛaḷ Mānāṭu Malar,2010)

Namun, pada zaman ini sebilangan besar kaum wanita sudah berpelajaraan, rasional, tidak terlalu berharap akan kaum lelaki dan mereka bebas setanding kaum lelaki. Terdapat juga yang mementingkan kebendaan, bebas daripada ikatan tradisi serta terpengaruh dengan kebudayaan barat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Protes sosial kecurangan isteri boleh digolongkan dalam kategori perbuatan yang tidak mematuhi adat dan melanggar tatasusila budaya masyarakat India dan agama Hindu. Perbuatan yang dimaksudkan ini adalah mengadakan hubungan sulit dengan suami perempuan lain dan sebaliknya yang sama sekali dilarang dalam masyarakat India. Padahnya adalah dipulaukan oleh ahli keluarga dan ahli masyarakat.

Walaupun pelbagai sebab disebut oleh mangsa seperti nafsu yang tidak dapat dikawal kerana suaminya terlalu sibuk dengan kerja-kerja harian dan tidak melayannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

namun perkara ini dipandang serius oleh masyarakat India. Budaya masyarakat India ialah *'ஒருவனுக்கு ஒருத்தி' (Oruvanukku Oruththi)* yang membawa maksud hanya seorang isteri bagi seorang suami dan sebaliknya. Cerpenis ingin membongkar isu ini agar masyarakat India menyedar akan kesan yang akan dialaminya. Budaya ini telah pun dinyatakan dalam epik *'Ramayana'* dan *'Cilapathikaram'*.

Dalam pada itu, cerpen yang bertajuk *'Tāykkup Piṉ Tāramā'* (Isteri Selepas Ibu?) oleh M.K Narayanan (*Tamil Nesan* 25.06.2006) membincangkan isu pengorbanan seorang ibu. Mahaletchumy, ibu kepada Manikkam sentiasa mendoakan kebahagiaan anak sekeluarganya. Tetapi, apabila dia mengetahui menantunya ada hubungan sulit dengan lelaki lain maka dia telah bertindak drastik dengan bunuh diri. Menantunya melakukan helah untuk menghantarnya ke pusat penjagaan orang tua kerana takut rahsianya akan terdedah. Apabila cucu Mahaletchumy yang kurang upaya dituduh membunuh , maka siasatan penuh membongkar rahsia sebenar di sebalik insiden ini. Akhirnya, Manikkam mengetahui perwatakan sebenar isterinya.

> *" பிள்ளைகளை வளர்த்தெடுக்க தங்களுடைய இளமையையே பறிகொடுத்த அம்மா அப்பா, முதுமைப் பருவத்திலே தள்ளாடி நிக்கிறப்ப நேத்து வந்த ஒருத்திக்காக, நேத்து வந்த ஒருத்தனுக்காக அதே அம்மா அப்பாவை அனாதைகள் சாலைக்கு அனுப்ப நினைக்கிற உங்கள போன்றவர்களுக்கு அறிவு வரனுங்கிறத்துக்குத்தான் இதைச் சொல்ல வந்தேன்."*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “ Pengorbanan ibu bapa tiada batasnya dalam menyara kamu. Akan tetapi, anak-anak kamu tidak mahu menjaga ibu bapa. Mereka menghantar ibu bapanya ke pusat jagaan warga emas. Kamu harus sedar tentang hal itu. ”
>
> (Narayanan,*M.K.* (25.06.2006), *Tāykkup Piṉ Tāramā, Tamil Nesan*)

Pujangga *Tiruvaḷḷuvar* dalam Kuṛaḷnya,

“ஒழுக்கத்தின் எய்துவர் மேன்மை இழுக்கத்தின்
எய்துவர் எய்தாப் பழி.” (குறள் 137)

“Baik kelakuan dihormati insani
Tanpanya menimpa kehinaan keji. ” (Kuṛal: 137)

(Nāmakkal Kavinjar Urai, 2012, hlm. 33)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menegaskan bahawa seseorang yang berdisiplin atau mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi mereka akan dihormati oleh orang ramai.

Melalui cerpen ini, cerpenis ingin menyampaikan mesej bahawa kaum lelaki juga melakukan dosa kepada isteri. Sikap ini harus dikikis demi keluarga bahagia dan menjadi seorang manusia yang sangat berguna kepada masyarakat dan negara.

Bagi mengatasi isu ini**,** agama merupakan benteng yang kuat untuk menahan seseorang daripada melakukan perbuatan yang tidak baik dan dikeji ini. Apa yang berlaku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekarang ialah disebabkan kurangnya pengetahuan agama, iman di dalam diri menjadi kosong. Agama bukan sahaja berperanan mengajar cara hidup tetapi juga menyemai adab yang harus dipatuhi oleh seseorang.

Menurut teori Georg Lukacs perkara yang sama berlaku dalam kalangan masyarakat India. Maka cerpenis menyampaikan mesej kepada masyarakat India agar hidup berpandukan budaya.

Di samping itu, cerpen yang berjudul *'Pārtta Kaṇkaḷil Iraṇṭu' (Dua mata melihat)* oleh S.M.Arumugam *(Tamil Nesan* 30.08.2009) membincangkan isu menipu. Cerpen ini mengesahkan isu seorang wanita ditipu oleh seorang lelaki. Menurut penulis, wanita ini telah ditinggalkan oleh suaminya dua tahun yang lepas. Demi anak, wanita tersebut hidup berdikari. Setiap hujung minggu wanita tersebut akan membaca surat khabar untuk mengetahui keadaan suaminya yang curang. Pada suatu hari wanita tersebut terbaca suatu kad perkahwinan, tertera nama mempelai adalah serupa dengan nama suaminya. Tanpa melengahkan masa lagi, wanita tersebut terus menelefon keluarga tersebut. Apabila disiasat, wanita tersebut dapat tahu bahawa lelaki tersebut merupakan suaminya yang meninggalkan dua tahun yang lepas. Keluarga perempuan itu berasa bersyukur kerana telah mengetahui kebenaran ini sebelum berkahwin. Pada hari perkahwinan semua orang telah menunggu untuk mempelai dan tunangnya. Masa telah berlalu. Tetapi mereka tidak muncul di dewan perkahwinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *“ஒரு பெண்ணோடு தொடர்புகொண்டு வாழ்வை ஆரம்பித்து ஒரு குழந்தைக்கும் தந்தையாகிவிட்டு இப்பொழுது இவளுக்குத் தெரியாமலேயே மற்றொரு புதிய பெண்ணுடன் புதிய வாழ்க்கையைத் தொடர நினைப்பவன் நிச்சயம் உத்தமசீலனாக தொடர்ந்து இருக்க முடியாதுதானே!.”*
>
> “ Telah berkahwin dengan seorang perempuan dan dia mempunyai seorang anak sekarang. Kini, tanpa pengetahuannya awak mempunyai hubungan sulit dengan perempuan lain. Awak memang tidak boleh dipercayai. ”

*(*Arumugam,S.M. (30.08.2009). *Pārtta Kaṇkaḷil Iraṇṭu*, *Tamil Nesan*, hlm 9)

Melalui cerpen ini, penulis ingin menyampaikan mesej tentang perangai kaum lelaki yang suka menipu kaum wanita. Jadi wanita perlu sentiasa berhati-hati semasa memilih bakal suaminya. Jangan terpedaya dengan kata-kata lelaki yang sudah berkeluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis juga menonjolkan protesnya terhadap isu kecurangan. Cerpen yang bertajuk *‘Maṉamāṛram’* (Perubahan Hati) oleh C.Subathradevi *(Tamil Nesan,* 11.7.2010) membincangkan isu kehidupan wanita selepas berkahwin. Madhuri yang berubah sikap selepas kahwin dan lebih memfokuskan dirinya mencari kekayaan, tidak disenangi suaminya. Suaminya menjalin hubungan sulit dengan perempuan lain. Bila perkara ini diketahui, ia tidak dapat diubah kerana nasi telah menjadi bubur. Emosinya dapat digambarkan oleh cerpenis seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *“சொந்த மனைவி மேலே காய்ச்சலோடு படுத்திருக்கிறாள். அது குறித்து அக்கறை இல்லை. போய் விட்டான். மனம் வேறு இடத்தில் லயமாகிவிட்டது.”*
>
> “Dia tak peduli isterinya yang sedang demam. Dia hanya terus berjalan keluar. Dia jatuh cinta dengan perempuan lain.”
>
> *(*Subathradevi,C. (11.7.2010). *Maṉamāṟṟam, Tamil Nesan,*)

Cerpen yang berjudul *‘Karai Kāṇa Muṭiyāta Tōṇikaḷ’ (Perahu YangTidak Sampai Ke Tebing)* oleh K.S.Kannan (*Tamil Nesan* 24.10.2010) membincangkan isu Kelakuan tidak bermoral akan membawa padah. Suresh dan Vimala merupakan pasangan suami isteri. Suresh telah dihantar ke Jepun oleh syarikatnya atas urusan rasmi. Selepas pulang dari Jepun Vimala mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam kelakukan suaminya. Dia tidak lagi bermesra dengan Vimala. Apabila ditanya sebab, Suresh telah bergaduh dengan isterinya Vimala dan terus pergi kerumah ibunya. Vimala pula telah pergi ke rumah bapanya. Kedua-dua ibu bapa mereka berasa sangat sedih atas perpisahan anak-anaknya. Ibu Suresh telah memberi nasihat kepadanya. Tetapi, Suresh tidak mahu bersatu dengan isterinya. Pada suatu hari kawan Vimala iaitu Tiagu telah datang melawat Vimala. Vimala telah bercerita masalah keluarga kepada Tiagu. Tiagu bertekad untuk menyatukan mereka. Dia telah pergi ke rumah Suresh dan telah bertanya punca disebalik kelakuanya yang pelik. Suresh telah menjelaskan perkara sebenar iaitu semasa Suresh berada di Jepun dia mengadakan hubungan dengan seorang wanita dan itu menyebabkan Suresh dijangkiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyakit Human Immunodefficiency Virus (HIV). Tiagu terkejut mendengar perkara tersebut. Sekarang dia tidak tahu bagaimana hendak memberitahu kebenaran ini kepada Vimala.

> *"என்னைப் பிடிச்சிருக்கிற இந்நோய் என்னாலேயே அழிஞ்சி போகட்டுமென்று தனிமையிலே வாழ்ந்த நான் விமலாவுக்கும் பிள்ளைகளுக்கும் செய்ய வேண்டியவற்றை முறைப்படி செய்து முடித்தேன்..."*
>
> "Penyakit yang menjangkiti saya ini cukuplah setakat saya sahaja yang menderita. Saya akan hidup sendirian. Saya telah menyediakan segalanya yang diperlukan oleh Vimala dan anak-anak."

(Kannan,K. (24.10.2010). *Karai Kāṇa Muṭiyāta Tōṇikaḷ, Tamil Nesan*, hlm. 9)

Melalui cerpen ini, cerpenis ingin menyampaikan mesej bahawa kelakuan yang tidak bermoral akan membawa padah kepada masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nafsu bermakna keinginan, kecenderungan atau dorongan hati yang kuat. Perkataan hawa nafsu dikaitkan dengan dorongan hati yang kuat untuk melakukan perkara yang tidak baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis yang amat prihatin dengan tema dan isu yang berkaitan dengan perasaan nafsu dalam kalangan suami isteri telah membicarakan isu ini dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*.

Pujanga Barathiyar menyatakan bahawa kepentingan moral adalah sama bagi kedua-dua jantina. Oleh itu, semua harus menjalankan peranan masing-masing demi mewujudkan keluarga yang harmoni.

4.2.11 Isu Disiplin Pelajar

Disiplin boleh ditakrifkan sebagai garis panduan hidup seseorang dalam kehidupan harian. Disiplin juga berkait rapat dengan kepercayaan agama. Orang yang berdisiplin akan berjaya dalam kehidupan. Malah orang yang tidak berdisiplin akan kalah dalam kehidupan harian. Orang kenamaan mahupun pemimpin yang disegani di negara kita telah melalui peraturan- peraturan agar mereka boleh berdisiplin untuk berjaya dalam kehidupan. Ketetapan masa, menghormati orang yang lebih tua, menjaga kebersihan diri dan kawasan sekitar, mengamalkan sikap jujur, kasih sayang, tidak berkelakuan merosakkan harta benda awam, tidak mengambil bahagian dalam lumba haram, sentiasa bersopan dan sebagainya adalah nilai-nilai yang menjadikan seseorang itu berdisiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gangsterisme adalah salah laku yang sudah lama wujud dalam kalangan masyarakat India dan masih berterusan hingga kini. Keadaan bertambah serius apabila didapati ia semakin merebak dalam kalangan para pelajar sekolah menengah. Antara masalah sosial pelajar yang serius ialah seks bebas dan jenayah seksual, dadah, merokok dan lari dari rumah, ponteng sekolah, mencuri dan menyamun, samseng dan gangsterisme, memeras ugut, black metal dan menonton filem lucah. Peningkatannya kelihatan serius dengan kemajuan dan pembangunan negara.

Secara evolusi kumpulan ini menjadi satu kumpulan gangster yang sering kali melakukan tindakan-tindakan ganas yang bercorak anti sosial. Ikatan yang pada mulanya tidak sehaluan bertukar menjadi lebih erat ditambah sangat setia kawan atau kukuh serta mengamalkan tradisi kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis ingin mengemukakan protesnya melalui cerpen yang bertajuk *'Kīṛal'* (Cakaran) oleh K.J. Narayanan (*Tamil Nesan 12.1.2005*) membincangkan isu cabaran untuk membentuk generasi pelajar yang bertanggungjawab. Ravibalan seorang guru yang amat prihatin terhadap kecemerlangan anak muridnya. Sikap pelajar yang tidak berdisiplin menjadi cabaran yang besar kepada kesemua guru di sekolah itu. Maka dengan nasihat dan tindakan yang bijak, beliau dapat mengubah hala tuju anak murid ke arah kebaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

“ நண்பர்களே! நேற்று நீங்கள் ஆசிரியர் ரவியிடம் நடந்துகொண்ட முறை தவறானது என நான் நினைக்கிறேன். அவர் நமது மாணவர் சமுதாயத்துக்கு நல்ல ஆலோசனைகளைத்தானே கூறினார். அவரைப் போய்க் கிண்டல் செய்யலாமா?

“ Hai, Sahabat handai! Kelakuan anda semua terhadap cikgu Ravi semalam saya fikir salah. Beliau hanya memberi nasihat untuk kemajuan pelajar. Tak patut kamu memperli beliau. ”

(Narayanan,K. (*12.1.2005*). *Kīṛal, Tamil Nesan)*

Cerpenis mengetengahkan masalah gangsterisme melalui watak ‘Abang’. Matlamat beliau mengetengahkan masalah ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya golongan belia India supaya tidak mudah terpedaya dengan aktiviti gangsterisme. Memetik laporan akhbar bertarikh 22 Mac 2009, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator T. Murugiah berkata, terdapat kira-kira 100,000 orang, majoritinya belia India terlibat dalam kegiatan gangsterisme.

Isu belia India terlibat dalam kegiatan gangsterisme hangat diperkatakan ekoran kejadian tragis yang menimpa jutawan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya dan tiga yang lain. Kematian keempat-empat mangsa itu dikaitkan dengan gangster India yang dikepalai oleh seorang peguam bergelar datuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengulas isu tersebut, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia Sivamurugan Pandian berkata, faktor ekonomi dan sosial dikenal pasti menjadi punca utama belia India banyak terlibat dalam kegiatan gangsterisme. Menurutnya, kebanyakkan belia India yang terlibat dalam kegiatan gangster berasal dari keluarga pekerja ladang yang tahap ekonominya rendah. Katanya, mereka lahir dan membesar di kawasan ladang yang serba serbi kekurangan dan apabila tamat persekolahan menengah, mereka keluar ke pekan atau bandar untuk mencari pekerjaan. Apabila keluar dari kelompok ladang, tidak ada satu sistem sokongan sosial dan ekonomi yang boleh memastikan kehidupan mereka di luar kawasan ladang terjamin. Oleh kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai pelajaran tinggi, ia menyukarkan mereka untuk memperoleh pekerjaan. Ianya sekali gus membuatkan mereka mudah terjebak ke dalam kegiatan gangster untuk menjamin kehidupan di luar ladang. Dr.Sivamurugan menegaskan, jika kerajaan mahu mengatasi masalah ini yang melibatkan belia India, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mengatasi masalah sosial dan ekonomi masyarakat India.

Menurutnya lagi, kedudukan ekonomi yang rendah inilah yang memaksa belia India mudah terjebak dengan kegiatan samseng. Beliau menganggap masalah gangsterisme dalam kalangan belia India hari ini begitu kronik dan berada pada tahap yang membimbangkan. Pendapat beliau dapat dibuktikan melalui rajah di bawah kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penglibatan kaum India dalam gangsterisme adalah tinggi berbanding dengan kaum-kaum lain.

Jadual 4.3
Ahli Kongsi Gelap Di Malaysia Mengikut Kaum

Kaum	Penduduk (%)	Jumlah Kes	Kes (%)
India	7.5	28, 926	71.75
Cina	26	6214	15.41
Melayu	64	1928	4.78
Suku Kaum Sarawak, Sabah	2.5	3245	8.04
Jumlah	100	40313	100

(Sumber: *Malaysia Nanban* , 2014)

Kebanyakkan kes gangsterisme melibatkan kecederaan yang serius dan boleh mengakibatkan kematian, kerosakkan harta benda awam dan sebagainya. Kes-kes mengenai gangsterisme ini peratus tertingginya adalah melibatkan golongan remaja. Di Kuala Lumpur sekumpulan remaja berusia 16 hingga 17 tahun yang tercicir daripada persekolahan telah menubuhkan kumpulan samun. Kumpulan tersebut bergerak selepas jam 12 malam hingga awal pagi dengan menggunakan motosikal dan membuat tinjauan di sesuatu kawasan perumahan dan tempat awam sebelum meragut mangsa terutama mereka yang berjalan bersendirian di tempat sunyi (*Harian Metro*, 9 Mac 2002).

Hasil analisis cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan*, mendapati bahawa cerpenis dapat mengetengahkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat India dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cerpen beliau. Bukti yang dikemukan menunjukkan masalah ini bukan rekaan penulis semata-mata tetapi ia merupakan cerminan kehidupan masyarakat yang sebenar. Menyedari hakikat ini, cerpenis mengetengahkan masalah disiplin pelajar dalam cerpen. Cerpenis mahukan masalah ini mendapat perhatian ramai pihak dan tindakan sewajarnya segera diambil demi menyelamatkan belia-belia India daripada terus menjadi mangsa.

Sebagai menyokong penerangan di atas, cerpen yang berjudul *'Uḷḷum Veḷiyum'* oleh K.Pakiam (*Tamil Nesan,* 11.02.2009) membincangkan isu pengaruh negatif dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Kumar berasal dari keluarga sederhana. Ibu bapanya Kumar sangat mementingkan ajaran agama kepada anak-anak mereka. Mereka juga mementingkan pelajaran anak-anak. Kumar merupakan seorang pelajar yang baik. Apabila dia menjejaki kaki di sekolah menengah segalanya berubah. Kumar telah dipaksa oleh kawan-kawannya untuk menghisap rokok dan seterusnya menagih dadah. Apabila hal ini diketahui ibu bapa kumar, mereka berasa sangat sedih dan mengambil keputusan untuk menghantar kumar ke pusat pemulihan. Kumar telah berjaya insaf di pusat pemulihan. Selepas keluar dari situ, kumar telah meneruskan pelajarannya. Ibu bapa dan guru-guru telah membantu dia. Dia telah berjaya dalam pelajaran. Kini kumar sedang bekerja di sebuah pejabat dan sedang menjaga ibu bapa dan adik-beradiknya.

> *"வீட்டுக்குள்ள 'நல்ல பிள்ளையா' நடமாடுற பல இளைஞர்களே வெளிப்புற நடவடிக்கைகள் அதற்கு நேர்மாறா அறியாமல் பெற்றோர் ஏமாந்து போகின்றனர் என்கிற உண்மை என் மனத்தை உறுத்தவே செய்தது... "*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> “ Para ibu bapa tertipu dengan perangai anak-anak mereka yang tidak jujur. Tingkahlaku mereka mengganggu perasaan saya. ”

(Pakiam,K. (11.02.2009). *Uḷḷum Veḷiyum, Tamil Nesan,* hlm.16)

Melalui cerpen ini, penulis ingin menyampaikan mesej tentang fenomena yang sedang berlaku dalam kalangan remaja-remaja kita. Isu ini mula menular apabila mereka menjejak kaki di sekolah menengah, mereka dipengaruhi oleh gejala-gejala negatif sama ada oleh rakan sebayanya ataupun dipengaruhi oleh media massa yang kian menjadi daya tarikan para pelajar.

Menurut Reynold & Jonus (2001) tumpuan sekolah hanya terhad kepada memperbaiki tingkahlaku pelajar berunsur salah semata-mata. Sekolah mengetatkan peraturan pelajar. Sekolah juga sentiasa meningkatkan kawalan pelajar tetapi mereka tidak menilai dan mengubah polisi dan keadaan sekolah ataupun tidak mempersoal amalan sendiri dan tidak mahu berubah. Oleh itu, para pelajar pada masa kini lebih menumpukkan perhatian mereka terhadap perkara-perkara yang tidak berfaedah. Keadaan ini menyebabkan mereka mula melanggar disiplin sekolah.

Cerpenis cuba memprotes bahawa ibu bapa dan masyarakat harus mengambil berat tentang disiplin anak-anak mereka demi melahirkan generasi yang baik dan gigih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disiplin akan membawa kejayaan kepada seseorang. Oleh itu, pelajar harus mengubah diri demi melahirkan generasi yang berkaliber.

4.2.12. Isu Kasta

Kasta merupakan satu sistem yang diwujudkan oleh sesetengah ahli kumpulan untuk menyara hidup antara mereka. Pada mulanya kumpulan-kumpulan ini bergerak secara bersama seolah-olah seperti pergerakan kesatuan sekerja. Tahap awal kumpulan-kumpulan kasta tidak melibatkan pemeringkatan taraf manusia. Semua kumpulan dianggap setaraf dan mereka harus bekerjasama demi kepentingan bersama. Lama-kelamaan faktor kekayaan, kuasa, ilmu yang dimiliki, pengaruh politik dan lain-lain lagi telah mewujudkan perbezaan taraf sosial antara kumpulan-kumpulan kasta ini. Pemeringkatan taraf ini dikekalkan turun-temurun dengan mengamalkan pengasingan sosial dalam hal-hal makanan, minuman, perkahwinan dan sebagainya. Keadaan ini semakin ketara sehingga wujudnya satu golongan kasta yang dianggap sebagai golongan yang tidak boleh disentuh. Situasi ini lebih merumitkan perhubungan sesama manusia yang serius dalam kalangan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis telah menyentuh isu kasta dalam sebuah cerpen yang berjudul '*eḻumpukkūṭu*' (Tulang) yang dihasilkan oleh cerpenis Sai Beer Mohammad (*Tamil Nesan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1.2006). Kaliyan watak utama dalam cerpen, merupakan seorang pekerja di Ladang Malakof, Tasik- Gelugur, Pulau Pinang. Dia adalah orang yang berkasta rendah. Dia tidak dilayan dengan baik kerana kastanya. Setelah dia meninggal dunia, dia diberi penghormatan untuk dikebumikan di tapak perkuburan orang berkasta tinggi kerana Kaliyan adalah orang yang paling lama tinggal di ladang tersebut. Oleh kerana, Kaliyan seorang berkasta rendah, kerani dan mandur di ladang itu telah menggali kubur dan memindahkannya ke kubur orang kasta rendah.

Cerpen di atas menyatakan bahawa kasta adalah salah satu penyakit yang tidak boleh diubati. Isu kasta menyelubungi kaum India sejak turun temurun. Cerpenis menceritakan isu kasta melalui mayat yang dikebumikan dalam kubur orang yang berkasta tinggi. Reaksi mayat berkasta rendah adalah seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *“ நான் சாதாரண ஒரு பால்வெட்டுத் தொழிலாளி. நான் சாதியால் ஒதுக்கப்பட்டவள்... ஒதுக்கப்பட்டவள். என் பெயர் கலியன். ”*
>
> “ Saya hanya seorang penoreh getah. Saya diketepikan kerana saya merupakan orang yang berkasta rendah.Nama saya Kaliyan.”
>
> (Sai Beer Mohammad, (*1.1.2006*). *e̲lumpukkūṭu, Tamil Nesan, hlm.11)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kasta ‘Pariah’ dikatakan golongan yang rendah tarafnya dalam sistem kasta. Golongan ini sering dihina dan dibuli dengan pelbagai cara. Mereka tidak boleh bersosial bersama kasta tinggi dan tidak boleh disentuh.

Walaupun amalan sistem kasta ini didasari oleh fahaman kitab agama Hindu, cerpenis masih memprotes amalan sistem kasta dalam masyarakat. Hal ini kerana beliau merasakan ataupun memang wujud unsur-unsur penindasan manusia yang ekstrim dalam sistem kasta. Amalan ini pula amat bercanggah dengan nilai kemanusiaan.

Menyedari hakikat ini cerpenis memprotes amalan kasta dengan mendedahkan kesengsaraan yang dialami oleh golongan yang dianggap kasta rendah. Beliau juga menyeru masyarakat tidak lagi mengamalkan sistem kasta yang amat bercanggah dengan nilai-nilai kemanusiaan. Beliau mengemukakan protes terhadap amalan kasta ini kerana pemeringkatan manusia dalam amalan kasta merupakan satu bentuk penghinaan terhadap insan. Selain itu, amalan sistem kasta yang diwujudkan oleh masyarakat Ariya amat bertentangan dengan fahaman mazhab Saiva agama Hindu yang melihat semua manusia adalah sama di sisi Tuhan.

Kasta merupakan suatu ciri yang memisahkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Ciri yang keji ini haruslah dikikis untuk mengelakkan perpecahan dalam kalangan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.13 Isu Keganasan Remaja

Gejala keganasan remaja ialah satu keadaan yang begitu membimbangkan dan kebanyakkan masalah sampingan yang muncul akibat daripada gejala ini. Gejala ini telah menular dalam kalangan remaja yang baharu keluar dari sekolah apabila tamatnya tingkatan lima. Keadaan ini amat menakutkan pelbagai pihak kerana remaja merupakan aset yang berharga kepada negara. Pelbagai faktor yang menyebabkan keganasan remaja ini semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat, antaranya ialah pengaruh rakan sebaya, kurangnya didikan agama, kegagalan ibubapa memantau anak-anak, kurangnya sumbangan masyarakat terhadap pembangunan remaja dan lain-lain lagi.

Tambahan pula, memang tidak boleh dinafikan bahawa remaja pada masa kini, kurang mempunyai pegangan agama yang kukuh menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan gejala keganasan. Sepatutnya, remaja berperanan sebagai penyelamat kepada rakan-rakan yang sudah terlanjur, tetapi malangnya mereka pula yang terpengaruh oleh ajakan rakan-rakan yang telah rosak akhlak. Ilmu agama yang dimiliki sepatutnya dijadikan benteng daripada melakukan perkara-perkara yang negatif.

Memandangkan keadaan remaja kini semakin serius, cerpenis tidak ketinggalan untuk menghasilkan cerpen yang mengandungi isu keganasan remaja. Cerpen yang berjudul *'Pāṭti'(Nenek)* oleh V.M.Arjunan (*Tamil Nesan* 27.12.2009) membincangkan isu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keganasan remaja yang membunuh seorang wanita tua. Nenek Ramayie tinggal di Seremban. Beliau mempunyai 5 orang anak. Selepas suaminya meninggal dunia, dia seorang diri telah menyara dan mengahwinkan anak-anaknya. Walaupun anak-anak dia banyak kali meminta nenek Ramayie untuk tinggal bersamanya, tetapi beliau enggan berbuat demikian kerana beliau sangat sayang dengan rumah peninggalan suaminya. Nenek Ramayie juga sedang membantu jirannya Revathi untuk menjaga kedua-dua anaknya. Pada suatu hari sekumpulan remaja telah datang ke kawasan perumahan nenek Ramayie. Mereka telah membuat hurhara di situ. Selepas tidak dapat tahan dengan perangai mereka nenek Ramayie telah menegur perbuatan mereka. Malangnya, pada keesokan harinya mereka telah membunuh nenek Ramayie.

> *“மறுநாள் பத்திரிகையில் முதல் பக்கத்தில் ‘மனித மிருகங்களின் கொடிய செயலால் வல்லுறவுக்கு ஆளான பாட்டி கொடுமையாகக் கொலை செய்யப்பட்டார்’ எனும் செய்தி மனித நேயத்திற்கு விடப்பட்ட ஒரு சவாலாக அமைந்தது.”*
>
> “Pada keesokkan harinya,muka depan akhbar memaparkan berita yang bertajuk nenek dibunuh oleh manusia berjiwa binatang dengan gagguan seksual.”
>
> (Arjunan,V. (27.12.2009). *Pāṭti, Tamil Nesan*, hlm.10)

Melalui cerpen ini, cerpenis ingin menyampaikan mesej tentang perangai remaja zaman ini sangat jahat. Oleh itu, perlu berhati-hati semasa bercakap dengan mereka. Hanya pihak polis yang boleh kendalikan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, cerpen yang berjudul *'Maṇamāṉavaḷā Avaḷ'* (Dia Perempuan Sudah Berumahtangga?) oleh S.Vilvamalar (*Tamil Nesan*, 14.02.2010) membincangkan isu siasat dahulu sebelum mengambil keputusan. Sivananthan berasal dari keluarga yang miskin. Dengan usaha yang gigih, beliau telah berjaya dalam pendidikan dan telah menjadi seorang polis. Pada suatu ketika, beliau telah jatuh hati dengan wanita yang bernama Malini. Tetapi, pada suatu hari semasa Sivananthan pergi ke kuil, seorang wanita tua telah memberitahu kepada Sivananthan bahawa bakal isterinya merupakan seorang yang telah pun berkahwin. Sivananthan berasa sangat sedih dan geram tanpa menyiasat hal sebenar. Beliau terus berhenti berhubung dengan Malini. Tetapi, Malini tidak berputus asa dan telah memberitahu hal sebenar kepada Sivananthan. Menurutnya, semasa Malini bekerja di bandar dan beliau sering dikacau oleh kaum lelaki. Demi menjaga maruah dan keselamatan, Malini telah berpura-pura sebagai seorang yang sudah berkahwin. Sivananthan telah memahami keadaan dan kebenaran dari Malini dan akhirnya telah berkahwin dengan Malini.

> *"பெண்கள் ஏமாந்து போவதெல்லாம் ஆண்கள் 'கல்யாணம்' என்ற பிரயோகத்தை ஏற்படுத்தி அவர்கள் மடக்க முயலும் சாமார்த்தியம்தான்! எனவே, பெண்கள் ஆண்களின் தொணதொணப்பு இன்றி வாழவேண்டும் என்றால் கல்யாணம் என்ற போர்வைக்குள் ஒளிந்துகொள்வதுதான் உகந்தவழி. "*
>
> "Perempuan mudah mengalah dengan lelaki apabila mereka menggunakan perkataan 'kahwin' dengan kaum perempuan. Jikalau perempuan ingin bebas dari gangguan kaum lelaki mereka hendaklah berpura-pura dengan mengatakan mereka sudah berumah tangga. "
>
> (Vilvamalar,S. (14.02.2010). *Maṇamāṉavaḷā Avaḷ, Tamil Nesan*,)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui cerpen ini, penulis ingin menyampaikan mesej bahawa masyarakat khasnya kaum wanita harus berhati-hati dengan kaum lelaki kerana pada zaman moden ini masih tidak dapat hidup dengan selamat kerana sering diganggu oleh kaum adam walaupun perempuan tersebut sudah berumah tangga.

Sikap mengambil keputusan secara drastik memang membawa pelbagai perkara tidak diingini dalam keluarga seperti perselisihan faham, perpisahan, pergaduhan dan lain-lain jenis keganasan dalam rumah tangga. Isu ini juga telah diceritakan dalam Epik *'Chilappathikaram'* di mana watak utama Kovalan dan watak sampingan Mathavi berpisah kerana syaki mengesyaki antara satu sama lain.

Cerpenis memprotes kerana isu keganasan remaja berada ditahap yang amat membimbangkan. Oleh itu, cerpeis memohon para remaja agar tidak menceburi dalam gejala yang tidak berfaedah ini. Justeru itu, remaja merupakan pewaris mutlak yang akan mengambil alih pucuk pimpinan negara. Jika ia sudah dicemari dengan gejala-gejala negatif apakah bentuk mausia yang akan menjadi pewaris tampuk kepimpinan negara di masa hadapan. Kerana mereka hendak hala tujukan negara ini kerana jika siap perhitungan negara boleh tergadai. Itulah kesan yang paling serius jika masalah ini tidak ditangani.

Perbuatan keganasan dalam kalagan remaja amat membimbangkan. Perkara ini hendaklah dibendung dari akar umbi sebelum ia menular ke dalam masyarakat. Remaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

India harus mengelakkan diri dari terjerumus perbuatan keji ini demi mengharumkan nama masyarakat, bangsa dan negara.

4.2.14 Isu Pembuangan Bayi

Selain dari itu, isu pembuangan bayi juga turut menjadi isu hangat dalam akhbar *Tamil Nesan*. Isu pembuangan bayi biasanya melibatkan golongan remaja yang bertindak secara terburu-buru ketika mengambil tindakan. Apabila akhbar-akhbar perdana negara sering memaparkan kejadian ini dalam dada akhbar mereka dengan begitu meluas tanpa segan-silu. Hal ini bukan sahaja menyusahkan pelbagai pihak malah imej negara kita turut tercabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemelut ini berlaku lantaran kurangnya didikan agama, keruntuhan institusi kekeluargaan, sikap masyarakat yang suka menghukum, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan itu, cerpenis melalui cerpen yang berjudul *'Kolaikkāri'(pembunuh)* oleh Thendrali Tamilzhanban (*Tamil Nesan* 10.10.2009) membincangkan isu pembuangan bayi. Bairavi dan Rahthai adalah adik beradik. Bairavi sedang bekerja dan Rathai pula sedang belajar di Universiti. Pada cuti semester yang pertama Rathai telah balik ke kampung. Di situ, Bairavi berasa sangsi dengan kelakuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rathai yang sering berbual dalam telefon. Apabila ditanya, Rathai menjawab bahawa dia sedang bercakap dengan kawan perempuannya yang tinggal berseorangan di rumah. Selepas cuti semester tamat Rathai telah balik ke kampus. Selepas dua bulan, Bairavi telah menerima panggilan telefon dari kawan Rathai di kampus. Dia minta Bairavi untuk segera pergi ke kampus dan berjumpa dengan Bairavi yang berkelakuan pelik. Bairavi bersama tunangnya dengan segera telah bergegas ke tempat adiknya. Di situ, Bairavi telah berada dalam keadaan yang seakan-akan kurang siuman. Apabila disiasat, Bairavi dapat tahu bahawa Rathai telah melahirkan seorang anak hasil hubungan dengan teman lelakinya. Dia juga cuba untuk membunuh anak tersebut kerana takut. Selepas meneliti keadaan, Bairavi telah menasihatkan Rathai dan menghalang dia daripada membunuh bayi tersebut.

“இப்போ எல்லாம் விளங்கிவிட்டது. கண்டதும் காதல் கொண்டு உடனே காணாத இன்பமெல்லாம் கண்டு வயிற்றில் ‘கரு’ என்றால் கசந்துவிட்டதோ காதல்? ... பிறந்த குழந்தையைத் தூக்கியெறியத் துணிந்தவள் ஒரு கொலைக்காரிதான்.”

“Sekarang semuanya sudah faham. Seronok bercinta apabila bertemu tetapi ianya pahit setelah mengandung.Perempuan yang berani membuang bayi adalah seorang pembunuh. ”

(Thendrali,T. (10.10.2009). *Kolaikkāri, Tamil Nesan*, hlm.10)

Melalui cerpen ini, penulis ingin menyampaikan mesej tentang perangai remaja zaman ini yang kurang bermoral dan melahirkan anak diluar nikah. Selain itu mereka juga berani untuk membuang ataupun membunuh bayi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, Pergerakan Puteri United Malays National Organisation (UMNO) mahu kerajaan mengambil tindakan lebih tegas terhadap individu yang melakukan jenayah membuang bayi. Ketuanya, Mas Ermiety Samsuddin berkata, ekoran isu pembuangan bayi yang makin menjadi serius, kerajaan perlu merangka satu hukuman lebih berat bagi menghukum pesalah yang melakukan pembuangan bayi. Tambahan pula, Ahli Dewan Undangan Negara, Senator Datuk Dr Johari Mat, jangan hanya fokus kepada protes sosial itu yang melibatkan kemasyarakatan juga perlu diambil kira demi memulihara kesejahteraan rakyat.

Pembuangan bayi adalah satu perbuatan yang dipandang serong dan dilarang oleh agama. Para remaja yang tidak memikirkan masa depan harus bertindak bijak untuk mengurangkan isu ini berlanjutan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Protes Sosial Berkaitan Dengan Ekonomi

Masalah sosial yang berkaitan dengan ekonomi merupakan masalah yang wujud akibat kekurangan sumber ekonomi. Kekurangan sumber pendapatan dan kegagalan dalam menguasai peluang-peluang ekonomi seperti peluang pekerjaan dan peluang perniagaan menjadi punca utama wujud masalah-masalah sosial berkaitan dengan faktor ekonomi. Antara masalah yang dibincangkan di bawah kategori ini adalah masalah kemiskinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah tanggapan negatif dan sumbangan ahli keluarga dalam pertumbuhan ekonomi keluarga.

4.3.1. Tekad Untuk Maju

Setiap insan yang lahir di dunia ini, pasti ada hasrat untuk maju dalam kehidupan. Sekiranya masyarakat berniat untuk maju dan kehidupan mereka harus mempunyai suatu tujuan kea rah tersebut. Adakalanya, mereka akan berasa teruje untuk mencapai sesuatu tetapi menghadapi kesusahan untuk mencapainya. Apabila tidak merancang dengan betul, hasrat tersebut tidak akan berhasil dan lama kelamaan ketenangan beransur kurang hari demi hari. Oleh itu, berfikir sebelum bertindak dan bertindaklah sekiranya sudah terfikir dengan betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpen bertajuk *'Māṟram' (perubahan)* oleh Murugesu (*Tamil Nesan* 14.11.2010) membincangkan isu tekad untuk maju dalam hidup. Suren dan Uma menghadapi pelbagai masalah dari segi ekonomi selepas berkahwin dan mempunyai anak. Ini menyebabkan pertelingkahan antara mereka. Akhirnya Suren mendapat iktibar setelah mendengar kisah seorang perempuan yang mengharungi pelbagai cabaran untuk berjaya dalam hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *“இன்னைக்கு அதே பெண்ணை எனக்குள் ஒரு மாற்றத்தை ஏற்படுத்தியவளா பார்க்கிறேன். இனி என் வாழ்க்கையில் என்னை வருத்திச் செய்யும் தொழிலாக இருந்தாலும் அதச் செஞ்சு என் குடும்பத்தப் பாதுகாப்பேன். ”*
>
> “Hari ini saya nampak perempuan yang sama melakukan perubahan dalam kehidupan saya. Selepas ini saya akan berkerja keras dan menjaga keluarga saya walaupun kerja saya berat… ”

(Murugesu. (14.11.2010). *Māṟṟam, Tamil Nesan*, hlm.5)

Walaupun terdapat segolongan orang India yang datang memiliki kemahiran dalam bidang perdagangan, namun mereka tidak dapat membina diri menjadi pengusaha yang berpotensi dalam bidang perniagaan. Misalnya, golongan ‘*Ceṭṭiyār*’ datang ke Malaya sebagai peminjam wang dan tidak mempunyai aktiviti lain. Jadi wang yang dipinjamkan itu digunakan oleh orang Cina sehingga menjadi golongan pedagang yang paling berjaya (Brij.V.Lal:156).

Perasaan merendah diri menyebabkan kaum India tidak mampu bersuara dalam hal-hal menuntut hak. Perkara ini terus menjadi budaya kaum India sehingga terlepas peluang-peluang dalam bidang ekonomi. Kurang tanggungjawab keluarga, kurang kehormatan diri, ketagihan arak dan kurang kerjasama merupakan antara ciri-ciri masyarakat India yang dikenal pasti menjadi punca kegagalan masyarakat India dalam meningkatkan status ekonomi (Jagathasan, 1996:52).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akan tetapi cerpen yang bertajuk '*Aṉpu Makaṉ'*(anak kesayangan) oleh Habib Muhammad (*Tamil Nesan* 27.05.2007) membincangkan isu usaha untuk meningkatkan ekuiti. Suntharam dibesarkan oleh emaknya setelah kematian ayahnya. Suntharam bekerja bersama ibunya dalam masa menunggu keputusan peperiksaannya. Walaupun keputusannya baik untuk meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi tetapi hasratnya telah diketepikan kerana dia tidak sanggup melihat kesusahan emaknya. Maka dia telah bertungkus lumus dan menggunakan segala kemahiran dan pengetahuan yang ada untuk membuka kedai tekstil. Dia telah berjaya memenuhi impiannya untuk mengurangkan beban ibunya.

> *"ஒரு நாள் முதலாளியிடம் சொன்னேன். என் அம்மாவும் சேலை துணிமணிகள் விற்பார். அவரிடம் வாடிக்கையாளர்கள் சேலை துணிமணிகள் வாங்கும்படி கேட்பார்கள். இங்கேயே எடுத்து விற்கலாமே என்று நான் சொன்னேன். அதற்கு முதலாளியும் சம்மதித்து ஊக்கமும் கொடுத்தார்."*
>
> "Suatu hari saya memberi tahu ketua majikan saya. Emak saya juga menjual sari dan kain-kain. Pelanggan selalu bertanya tentang sari dan kain-kain. Saya mencadangkan beliau membeli sari dari emak saya. Beliaupun setuju... "

(Habib Muhammad. (27.05.2007). *Aṉpu Makaṉ, Tamil Nesan*)

Melalui cerpen ini cerpenis dapat memberi keyakinan kepada masyarakat agar boleh maju dalam ekonomi sekiranya ada usaha di samping sikap bekerja keras. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada itu, cerpenis menyeru masyarakat India mengikis tanggapan negatif terhadap kebolehan diri sendiri dan mengajak menceburi sektor-sektor ekonomi yang membawa pendapatan yang lumayan. Cerpenis juga berjaya mendedahkan antara punca utama yang membawa kepada kegagalan masyarakat India dalam bidang perniagaan dan pekerjaan.

Melalui karya ini juga cerpenis berusaha mengungkapkan suka duka kehidupan masyarakat India. Persoalan sosial iaitu tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat India menjadi karya sastera menjadi cerminan kehidupan masyarakat.

Masyarakat India di Malaysia hendaklah mengambil iktibar untuk terus berusaha dalam bidang ekonomi. Mereka harus bertanding dengan kaum lain untuk menguasai bidang ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2. Keresahan Hati Si Pemiutang

Disamping itu, cerpenis turut membicarakan keresahan yang dialami oleh seseorang apabila dia meminjam wang daripada orang lain. Pepatah '*கடன் பட்டார் நெஞ்சம் போல் கலங்கினான் இலங்கை வேந்தன்' (Katan Pattar Nhenjam Pol Kalanginan Ilangkai Venhthan)* membawa maksud raja Sri Lanka merana seperti peminjam wang memang amat sesuai untuk menggambarkan situasi dan perasaan seseorang yang meminjam wang dari orang lain. Dia harus memulangkan wang tersebut seperti yang dijanjinya. Kadang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kala orang yang meminjam wang itu, tidak mengharapkan faedah atau bunga. Tetapi, ada orang yang sangat mengharapkan faedah yang berlipat ganda dengan wang yang mereka pinjam. Hal ini tentu akan menyusahkan seseorang yang meminjam wang. Walaupun, sekali sahaja kita menghulurkan tangan untuk meminjam ini akan menjadi tabiat dan sifat ini akan mengancam ketenteraman hati. Apabila seseorang yang telah meminjam wang tidak dapat memulangkan hutang tersebut seperti yang dijanjikan, maka dia diugut, dipukul dan diseksa seperti binatang. Malah, keluarga juga turut mengalami nasib yang buruk seperti ketua keluarga itu.

Dalam cerpen yang bertajuk *'Kaṭaṉ Paṭṭār Neñcam Pōl'* (Keresahan Seorang Pemiutang) oleh V. Muniyan (*Tamil Nesan*, 25.02.2006) membincangkan isu keresahan hati peminjam. Samikannu yang merupakan pemilik rumah menghadapi pelbagai masalah apabila kebanyakkan penyewa tidak menjelaskan duit sewa. Kesan yang diterima adalah keadaan rumah yang kotor dan imej yang turut tercemar. Perumalsamy yang amat dipercayai juga turut menipu Samikannu dan menghilangkan diri di samping melibatkannya dengan pelbagai masalah lain.

> *" அடப் போயா நீ வேற ஆத்திரத்தைக் கிளப்பிக்கிட்டு. என் வீட்ல ஒருத்தன் ஆறு மாசமா சேவா கொடுக்காம உட்கார்ந்துகிட்டுச் சவால் பேசிக்கிட்டு இருக்கான்... "*
>
> " Hei, cukuplah. Kau pula menimbulkan kemarahan saya lagi. saya marah lagi. Di rumah saya seorang remaja tanpa membayar sewa selama enam bulan… "
>
> (Muniyan,V. (25.02.2006). *Kaṭaṉ Paṭṭār Neñcam Pōl, Tamil Nesan*, hlm.16)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis ingin menyindir masyarakat India yang mempunyai sikap yang ditunjukkan dalam cerpen di atas. Orang yang meminjam wang atau menyewa tempat orang harusnya membayar balik hutang tersebut. Akan tetapi, keadaan sebalik dan menimbulkan kesusahan kepada pemiliknya. Cerpenis juga bertanya adakah sikap ini menunjukkan kehidupan seorang manusia.

Cerpen ini juga menonjolkan betapa sedihnya kehidupan seseorang apabila orang yang menyewa tidak membayar sewa secara teratur. Dengan itu, seseorang itu harus menjaga status ekonominya dengan pendapatan dan perbelanjaan. Melalui cerpen ini, cerpenis membawa isu, penyewa harus menyedari kesulitan yang akan dialami oleh seseorang jikalau tidak membayar sewa bulanan untuk beberapa bulan. Dalam cerpen ini orang memberi sewa berasa kecewa namun tidak bertindak secara melampau mengancam penyewa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpenis memprotes bahawa seseorang itu harus sedar akan kewajipannya untuk membayar sewa bulanan atau wang yang dipinjamnya dengan adil. Seperti peribahasa Tamil, '*விரலுக்குத் தக்க வீக்கம்'(Viralukkut Takka Vīkkam)* yang membawa maksud kita hendaklah mengurus perbelanjaan harian sekadar dengan pendapatan. Apabila perbelanjaan melebihi pendapatan, maka mereka akan terdesak untuk meminjam wang daripada orang lain atau menangguhkan bayaran sewa bulanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat tidak seharusnya mengamalkan sikap tidak berjimat cermat. Masyarakat hendaklah pandai mengagihkan wang atau gaji yang diterima itu agar tidak memboros.

Oleh yang demikian, cerpenis menyeru masyarakat agar menyerahkan sewa bulanan sekiranya menyewa rumah atau bilik dengan sesiapa supaya penyewa dapat hidup dengan senang-lenang. Cerpenis juga mengingatkan masyarakat agar berjimat cermat untuk menikmati kehidupan harian tanpa hutang. Seperti yang dikatakan dalam Thirukkural: yang ke 247, tanpa kekayaan, kehidupan di dunia ini tidak terjamin dan tanpa keimanan alam akhirat tidak terjamin. Thirukkural: tersebut adalah seperti berikut.

‘அருளில்லார்க்கு அவ்வுலகம் இல்லை பொருளில்லார்க்கு
இவ்வுலகம் இல்லாகி யாங்கு.’ (குறள் 247)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

‘Tanpa kasihan tiada dunia
Tanpa kekayaan tiada buana.’ (Kuṛal: 247)

(Nāmakkal Kavinjar Urai,2012, hlm. 55)

Hutang adalah suatu sikap yang boleh menyebabkan seseorang itu berasa malu. Keadaan ini akan membantutkan perkembangan ekonomi. Begitu juga orang yang meminjam wang hendaklah memulangkannya seperti yang dijanji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Isu Kemiskinan

Kemiskinan secara umumnya merujuk kepada satu keadaan di mana seseorang itu kekurangan bahan-bahan keperluan hidup. Dalam masyarakat moden, kemiskinan biasanya disamai dengan masalah kekurangan wang. Kemiskinan juga akan menyebabkan seseorang itu kekurangan atau tiada makanan, pakaian dan kediaman. (Internet)

Cerpenis juga tidak ketinggalan untuk menghasilkan cerita yang membincangkan isu kemiskinan yang sudah sebati dengan masyarakat India di negara ini. Cerpenis Manivannan M. dalam cerpennya yang bertajuk *" Āḻ kaṭal "* (Laut Dalam), (*Tamil Nesan,* 1.1.2006) mengutarakan keperitan akibat kemiskinan. Isu ini sangat popular dalam kalangan masyarakat India di negara ini. Yusof dan Fatimah adalah suami isteri yang mempunyai tiga orang anak. Yusof bekerja sebagai seorang nelayan manakala isterinya adalah suri rumah. Kehidupan mereka berlalu seperti kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Kewujudan situasi ini adalah kerana Yusof tidak akan turun ke laut ketika musim tengkujuh. Apabila dia tidak dapat menangkap ikan, dia tidaklah dapat wang untuk menyara keluarganya. Suatu masa, hujan turun dengan lebat tanpa berhenti selama seminggu. Akibatnya, Yusof tidak dapat turun ke laut. Tetapi, anak-anaknya menangis dalam kelaparan. Tanpa berfikir panjang Yusof sanggup berkorban demi anak-anaknya yang merana kerana lapar. Dia turun ke laut laut tanpa memberitahu isterinya. Nasibnya malang kerana dia menjadi mangsa kepada laut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cerpen di atas merupakan sebuah cerita yang memaparkan isu kemiskinan. Cerpenis dapat menggambarkan betapa susahnya sekiranya tiada wang. Cerpen ini menyedarkan para pembaca agar mengamalkan sikap berjimat cermat atau memilih pekerjaan yang tetap.

Kemiskinan adalah suatu faktor masyarakat India di Malaysia tidak maju dalam kehidupan mereka. Mereka hendaklah berusaha di samping mengamalkan sikap berjimat cermat.

4.4 **Protes Sosial Berkaitan Dengan Faktor Politik**

Sastera dan politik adalah dua hal yang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya bersangkut paut dan saling bergantung. Apa yang berlaku dalam politik seperti pertentangan ideologi, perebutan dan penyelewengan kuasa akan memberi bahan untuk diolah oleh pengarang dalam bentuk realiti kreatif. Dalam hal ini Wiratmo Soekito (1992:22) menegaskan bahawa perkembangan yang berlaku dalam politik akan mempengaruhi perkembangan yang berlaku dalam bidang kesusasteraan. Lantaran itu sesebuah karya sastera sering kali diwarnai oleh latar belakang politik seperti pertentangan ideologi, perebutan dan penyelewengan kuasa dan lain-lain pergolakan politik sesebuah negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Politik merupakan suatu ciri yang terpenting dalam kehidupan manusia. Namun, cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* tidak atau kurangnya terdapat protes sosial yang berkaitan bidang politik. Keadaan ini wujud mungkin kerana aktiviti politik masyarakat India di negara ini tidak begitu menggalakkan. Natijahnya, Politik masyarakat India di negara ini hanya disertai oleh orang yang tidak berpendidikan Tamil. Di samping itu, bilangan ahli politik dan bilangan pemimpin serta bilangan parti politik juga sangat kurang. Tambahan pula, masyarakat Tamil juga banyak mengalami masalah sosial yang menarik perhatian para penulis cerpen.

Malaysian Indian Congress (MIC) sebagai sebuah parti politik yang ditubuhkan pada 1946 mempunyai sejarah dan pengalaman yang berpanjangan, meletakkan MIC sebagai sebuah parti politik yang kukuh dan berjiwa bangsa. Secara amnya, struktur parti dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu Jawatankuasa Kerja pusat, Badan-badan Perhubungan Negeri, Kongres Bahagian dan Kongres Cawangan.

MIC telah dan sedang berkhidmat untuk masyarakat India di negara ini melalui pelbagai program yang melibatkan bidang sosial, ekonomi, politik dan pendidikan. Koperasi Suria Malaysia Berhad, Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) adalah antara program yang berkaitan dengan ekonomi. Manakala, Sekolah Tamil, Sumbagan Pendidikan (MIED), Kop Didik dan Universiti AIMST serta Kumpulan Wang Biasiswa Tan Sri Manickavasagam adalah berkaitan dengan bidang pendidikan. Di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

samping itu, Yayasan Strategik Sosial, Yayasan Pemulihan Sosial, Program *My Future* dan program-program kebudayaan dan kesenian adalah berkaitan dengan bidang sosial.

MIC hampir setiap tahun mengemukakan resolusinya dalam perhimpunan agong MIC. Resolusinya adalah seperti berikut. Tranformasi Ekonomi Masyarakat India, Penstrukturan Semula Penglibatan Di Sektor Perkhidmatan Awam, Tranformasi Pendidikan Tamil dan Latihan Kemahiran Dan Pembangunan Usahawan.

Penglibatan MIC dengan Barisan Nasional dan MCA menghasilkan pola pentadbiran politik yang stabil. Oleh itu, para cerpenis tidak mahu menimbulkan masalah terhadap pemimpin MIC yang memberi kerjasama dalam pentadbiran kerajaan. (Laporan Tahunan 2012/2013, Perhimpunan MIC Yang Ke-67, Kuala Lumpur)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1. Isu Sumbangan Pendidikan MIC

Cerpen yang berjudul *'Ōṭai Oṉṟu Natiyākiṟatu'* oleh B.Sumiethan (*Tamil Nesan*, 21.02.2010) membincangkan tema Kuasa Maha Ehsa. Aarthi merupakan anak kepada Punniyamoorthi. Pada suatu hari Punniyaamoorthi telah pergi ke rumah majikannya. Disitu, tuan majikannya telah menghina Punniyamoorthi dengan teruk. Ini menyebabkan Aarthi berasa sangat marah dan sedih. Apabila disiasat, didapati bahawa bapa Aarthi iaitu Punniyamoorthi merupakan seorang yang sangat kaya pada suatu ketika dulu. Disebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sikapnya yang boros dan angkuh beliau kehilangan segala hartanya. Walaupun tuan majikan menghina Punniyamoorthi tetapi beliau tetap sabar dan senyap. Tiba-tiba beliau menerima satu panggilan telefon. Dalam panggilan tersebut telah diberitahu bahawa permohonan pinjaman pendidikan perubatan Aarthi telah diluluskan. Mereka berdua berasa sangat gembira. Mereka telah memahami kuasa Maha Ehsa yang sering membantu hambanya. Keinginan Aarthi untuk menjadi seorang doktor telah dipenuhi.

> *“ உங்க மகப் படிப்புக்கு நீங்க எம்.ஐ.இ.டி. மூலமா விண்ணப்பம் செய்திருந்த லோன் பாசாயிடுச்சு. அதற்கான கடிதமும் தங்களுக்கு அனுப்பியாச்சு. அடுத்தவாரம் டத்தோ ஸ்ரீ அவர்களே நேரடியா கொடுப்பாங்க...”*
>
> “ Pinjaman Pendidikan MIED yang tuan memohon untuk pendidikan anak tuan telah diluluskan. Surat juga telah dihantar kepada anda. Minggu depan Dato Seri S.Samy Vellu akan menyampaikannya. ”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Sumiethan,B. (21.02.2010). *Ōṭai Oṉṟu Natiyākiṟatu, Tamil Nesan*, hlm.10)

Melalui cerpen ini, penulis ingin menyampaikan mesej bahawa parti politik MIC yang menjadi parti komponen Barisan Nasional membantu masyarakat India di negara ini. Pihak parti dapat menolong bukan sahaja ahlinya malah masyarakat India amnya dalam pelbagai isu seperti kemiskinan, pendidikan, kebajikan dan sebagainya.

Akan tetapi, Cerpen yang berjudul ‘*Mankaiyark karasi*’ (Mangkaiyarkarasi), (*Tamil Nesan*, 5.2.2006) yang dikaryakan oleh Pu.Arunasalam membincangkan isu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah yang dihadapi oleh usahawan industri kecil. Wanita yang bernama Mangkaiyarkarasi adalah seorang penjaja. Dia menjalankan kedai runcit kecil. Kedainya hanya sebuah pondok kecil dan boleh dikatakan sebagai warung. Di sekeliling warung itu Mangai meletak payung besar untuk mengelak kepanasan matahari. Pada suatu hari tiba-tiba pihak berkuasa tempatan telah merobohkan kedai runcitnya dan kedai-kedai di sekitar kawasan tersebut. Ponnaiyah yang merupakan seorang penulis membantu Mangai menulis surat aduan kepada Yang Berhormat Menteri Besar. Mereka dalam suratnya menyatakan bahawa sejak negara menerima kemerdekaan mereka menyokong penuh parti pemerintah Barisan Nasional. Tetapi pihak kerajaan gagal untuk membela nasib mereka. Sepasukan pengusaha industri yang diketuai oleh Ponnaiyah bertolak ke Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan Menteri Besar. Beliau berjanji akan mengambil tindakan secepat mungkin. Luahan hati Mangai dapat dipetik oleh cerpenis seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *“அந்தக் காலம் முதல் இன்று வரை பாரிசானை ஆதரித்து வருகின்றோம். சுதந்திர நாட்டில் எங்களைப் போன்று ஏழ்மை நிலையிலுள்ளவர்கள் வாழ்க்கையை உயர்த்துவதற்குப் பதிலாக எங்கள் பொருளை அழித்து நாசமாக்க இவர்களுக்கு யார் அதிகாரம் வழங்கியது? ”*

> “Sejak negara merdeka kami tetap setia kepada Barisan Nasional. Tetapi kami ditindas oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Siapakah yang memberi kuasa kepada mereka?”

(Arunalasam,P. (5.2.2006). *Mankaiyark karasi, Tamil Nesan,* hlm.11)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MIC merupakan parti ketiga besar setelah UMNO dan MCA. Masing-masing mempunyai ahlinya yang ramai. MIC hendaklah terus berjuang dan membantu masyarakat India dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, social dan sebagainya.

4.5 Isu Pendidikan

Pendidikan merupakan faktor utama dalam pembentukkan peribadi manusia. Pendidikan sangat berperanan dalam membentuk baik atau buruknya peribadi manusia menurut ukuran normatif. Menyedari akan hal tersebut, cerpenis lantang membincangkan masalah-masalah pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat India dalam cerpen beliau. Antara masalah yang dibincangkan dalam kategori ini adalah masalah keciciran dan masalah peluang pendidikan tinggi. Hal ini kerana cerpenis merasakan sistem pendidikan yang baik diharapkan akan muncul generasi penerus bangsa yang berkualiti dan mampu menyesuaikan diri untuk hidup bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Pendidikan ialah aktiviti perkembangan dan penyuburan pemikiran serta kuasa-kuasa semulajadi melalui pembelajaran yang sudah dirancang, meliputi pendidikan formal dan pendidikan bukan formal (Najeemah Md. Yusof, 2006: 1). Pendidikan menjadi manifestasi utama sesuatu masyarakat. Didikan melalui bahasa ibunda dan ajaran agama serta moral akan menentukan hala tuju seseorang manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu ini dapat dicerminkan oleh Mejar A.Munusamy (*Tamil Nesan,* 5.7.2009) dalam cerpennya yang bertajuk *'Cakkara Nāṛkāli'* (Kerusi Beroda) membincangkan isu pengorbanan abang demi kesejahteraan adiknya. Kannan berusaha dengan cekal untuk mendapatkan gred yang baik dalam UPSR untuk hadiah ganjaran RM500 yang boleh membantunya membelikan kerusi roda untuk adiknya. Akhirnya, hasratnya tercapai dan dia juga berjaya mendapat bantuan pendidikan daripada ahli politik tersebut. Kedua-dua adik –beradik berjaya dalam pelajaran dan mendapat pekerjaan yang baik. Kini Kannan berusaha untuk mencari jodoh yang baik untuk adiknya.

> *"மீனாவின் சக்கர நாற்காலியை மனத்தில் வைத்துப் படித்தேன். அதற்காகத் தொலைக்காட்சிப் பக்கமே நான் போவதில்லை. வெளியே நண்பர்களோடு விளையாடவும் மாட்டேன். எனது கவனமெல்லாம் கல்வியில்தான் இருந்தது..."*
>
> "Saya belajar dengan fikiran akan kerusi beroda Meena. Sebab itu saya tidak menonton televisyen lagi. Saya juga tidak keluar untuk bermain dengan kawan-kawan. Fikiran saya tetap terhadap pelajaran saya…"
>
> (Munusamy,A. (5.7.2009). *Cakkara Nāṛkāli, Tamil Nesan,*)

Cerpenis mengutamakan isu pendidikan dalam kalangan masyarakat India. Cerpenis meminta masyarakat India memberi kepentingan kepada bidang pendidikan anak-anak mereka. Kepentingan pendidikan dapat diceritakan dalam cerpen ini di mana abang bersedia untuk mengorbankan kemajuannya demi pencapaian pelajaran adiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, cerpen yang bertajuk *'Ikkarai Paccai'(Tebing Ini Lebih Hijau)* oleh Kasturi Subramaniam (*Tamil Nesan* 26.7.2009) membincangkan isu menghargai profesion dan tidak mudah mengalah. Janaki gagal Bahasa Melayu dalam SPM disebabkan masalah percintaan pada usia muda. Ayahnya memberi motivasi supaya dia mengulang ujian SPM Bahasa Melayu. Akhirnya dengan usahanya, dia telah berjaya mendapat Diploma dalam bidang kejururawatan. Tetapi sewaktu praktikal dia menghadapi kerumitan dan dia ingin berputus asa tetapi emaknya telah memberi nasihat. Akhirnya, dia berjaya mendapat pujian dari orang ramai.

"நான் ஒன் நல்லதுக்குத்தான் உன்னைக் கோபிக்கிறேன். நீ நல்லா வரணும்னுதாண்டி நானும் ஆசைப்படுறேன். இந்தக் கோர்சைக் கொஞ்சம் கஷ்டப்பட்டு முடிச்சிடுமா. நர்சுனு சொன்னாலாவது நல்ல இடத்திலிருந்து வரன் வரும் "

"Saya marah kerana ingat akan masa depan anda. Saya mahu anda berjaya. Habiskan kursus ini walaupun susah. Mungkin boleh dapat naik pelamin sekiranya dikatakan anda seorang jururawat…"

(Kasturi,S. (26.7.2009). *Ikkarai Paccai,'Tamil Nesan*)

Melalui cerpen ini, cerpenis memprotes bahawa masyarakat India tidak mudah berputus asa. Mereka hendaklah bertungkus lumus untuk mendapatkan pencapaian dalam pelajaran. Cerpenis menekankan akan kepentingan pelajaran pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada waktu yang sama, cerpen yang bertajuk *'Ilaṭciyap Peṇ' (Perempuan Bercita-cita Tinggi)* oleh Seeniamma Thangavelu (*Tamil Nesan* 18.06.2006) membincangkan isu usaha amat perlu dalam apa jua keadaan untuk mencapai kejayaan dalam hidup. Komathi yang kehilangan suaminya hidup sebatang kara dengan anaknya tidak mendapat bantuan keluarga mertuanya. Ibu bapanya juga meninggal dunia dalam suatu kemalangan. Namun dia meneruskan hidupnya dengan bantuan seorang penjual bunga yang memberi kerja di kedainya. Akhirnya, beliau berjaya membesarkan anak-anaknya dengan baik. Anak-anakya memegang jawatan profesional dan dihormati dalam kalangan masyarakat. Setelah sekian lama, keluarga mertuanya sedar akan kesilapan mereka dan meminta maaf daripada Komathi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *"கேடில் விழுச்செல்வம் கல்வி ஒருவருக்கு*
> *மாடல்ல மற்றை யவை? "*
> *என்ற குறளோடு கல்வியின் சிறப்பையும் அவசியத்தையும் கதை கதையாகச் சொல்வாள். அவர்களும் கல்வியின் முக்கியத்துவத்தை அறிந்து நன்றாகப் படித்தார்கள்... "*
>
> " Menceritakan cerita-cerita yang menyeru supaya belajar bersungguh-sungguh. Merekapun rajin belajar kerana sedar akan kepentingan pelajaran…"

(Seeniamma,*T.* (18.06.2006). *Ilaṭciyap Peṇ*, *Tamil Nesan*, hlm.16)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui cerpen di atas, motif cerpenis menonjolkan isu pendidikan adalah untuk menyedarkan masyarakat India agar bertindak serius terhadap pelajaran anak-anak mereka.

Cerpenis juga memprotes bahawa masyarakat India harus peka terhadap masa depan anak-anak mereka terjamin melalui pendidikan walaupun mereka menimpa pelbagai rintangan.

Dianggarkan 20% buruh di ladang adalah buta huruf. Pelajar-pelajar dari ladang yang gagal dalam peperiksaan SRP dan SPM tidak lagi meneruskan pelajaran (Janakey Raman, 2011:220).

Sebelum mengakhiri wacana ini, jelaslah bahawa isu kecicirán dalam kalangan kanak-kanak India di ladang yang diketengahkan oleh cerpenis dalam cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan* adalah sesuatu benar. Cerpenis dapat mengetengahkan masalah ini dalam cerpennya dengan baik kerana pengetahuan tentang realiti yang sedia wujud di luar kesusasteraan.

Motif utama cerpenis mengetengahkan isu kecicirán dalam cerpen ini ialah untuk mendedahkan masalah kecicirán yang dihadapi oleh kanak-kanak masyarakat India di ladang. Cerpenis berasa pendedahan ini penting kerana masalah kecicirán dalam masyarakat India pada tahap kritikal pada ketika itu. Fenomena ini memerlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelesaian segera untuk mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar-pelajar India yang semakin serius pada ketika itu. Selain itu, cerpenis juga bermaksud untuk memberi kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada masyarakat India khususnya pekerja ladang. Selain itu cerpenis juga bermaksud untuk mendedahkan faktor-faktor yang menjadi punca utama masalah keciciran dalam kalangan pelajar India. Masalah keciciran dalam kalangan pelajar India di ladang wujud bukan kerana tiada minat dalam pelajaran tetapi ada faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka tercicir.

Selain daripada itu, cerpenis juga mengecam tindakan segelintir masyarakat India yang mempunyai tanggapan yang negatif terhadap bangsanya sendiri. Segelintir masyarakat India khususnya golongan kelas atasan (warga peniaga yang berjaya, orang berpendidikan tinggi dan orang berkasta tinggi) selalu memandang rendah dan mempunyai tanggapan negatif terhadap orang India kelas bawahan (buruh kasar, orang tidak berpendidikan dan kasta rendah). Golongan kelas atasan ini menganggap masyarakat India dari kelas bawahan tidak memiliki akal fikiran yang cerdik, selalu terlibat dengan masalah sosial, tiada penghormatan diri dan mudah beremosi. Adat di negara ini adalah golongan atasan sering melemparkan tanggapan negatif dan menidakkan peluang untuk meningkatkan status mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menyedari hakikat ini cerpenis menyeru masyarakat India dan bangsa lain kikis tanggapan negatif terhadap orang India untuk menjamin kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat India di negara ini.

Apabila berlakunya kemelesetan ekonomi dalam tahun-tahun 1930-an, berpuluh ribu buruh yang dibawa masuk dari negara China dan India untuk bekerja di lombong-lombong timah dan ladang-ladang getah telah dibuang kerja. Walaupun ramai dari mereka telah dihantar pulang ke negara masing-masing namun ada di antaranya yang telah berpindah ke bandar-bandar terutamanya Kuala Lumpur. Mereka telah pindah ke kawasan pinggir bandar dan memulakan kawasan-kawasan setinggan. Walaupun pada masa itu pihak pemerintah kolonial telah mula memberi perhatian kepada masalah setinggan tetapi ia tidak mempunyai polisi tertentu terhadap masalah setinggan (Kamala Devi, 1991/92:10).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam masalah ini, cerpenis mengemukakan protes terhadap pihak pengurusan ladang yang gagal menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak buruh di ladang. Pendidikan merupakan asas kepada pembangunan insan dari segi rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial. Apabila pendidikan awal di peringkat sekolah rendah dinafikan, maka tidak akan wujud modal insan yang berkualiti pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakkan sekolah-sekolah rendah Tamil pada ketika itu yang terletak di ladang tidak mempunyai struktur bangunan yang baik. Kemudahan pendidikan seperti buku teks, bahan bantu mengajar, kemudahan meja dan kerusi juga tidak cukup. Selain itu, guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Tamil juga bukan daripada guru yang terlatih. Kelemahan ketara yang terdapat di sekolah Tamil seperti di atas merupakan antara punca berlaku keciciran dalam kalangan pelajar-pelajar di ladang (Janakey Raman, 2011:75).

Jadual 4.4
Peratus Pelajar Mengikut Kaum Yang Mendapat Tempat Di 20 Ipta Pada Sesi 2011/2012

KAUM	JUMLAH	%
Bumi	29838	72.3
Cina	9,457	22.9
India	1511	3.7
Lain-lain	461	1.1
Jumlah	41267	100

(Sumber: *Oppitten Olamitten,* 2011:257)

Pada sesi 2011/2012 hanya 3.7 % iaitu 1511 pelajar India sahaja ditawarkan peluang untuk meneruskan pengajian di IPTA. Ini menunjukkan penurunan hampir 50% pelajar-pelajar India yang mendapat di IPTA dalam tempoh masa 15 tahun.

Pada 23-02-2009 telah berlangsung satu mesyuarat kabinet khas bagi membincangkan masalah-malasah masyarakat India. Mesyuarat khas tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipengurusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu Dato Seri Najib Tun Razak. Beberapa rancangan khas untuk mengatasi masalah yang dihadapi masyarakat India telah dipersetujui dalam mesyuarat tersebut. Isu peluang pemberian tajaan kerajaan kepada pelajar India yang mendapat keputusan cemerlang dalam SPM juga juga dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Dalam mesyuarat tersebut Dato Seri Najib Tun Razak bersetuju memberi tajaan kerajaan untuk melanjutkan pelajaran kepada semua pelajar India yang mendapat keputusan 9A dalam SPM (*Tamil Nesan*, 24-2-2009).

Pada tahun 2009 daripada 2000 pelajar yang mendapat tajaan JPA hanya 171 pelajar India yang mendapat tawaran tersebut. Tetapi pada hakikat sebenar terdapat ramai lagi pelajar India yang mendapat keputusan cemerlang tidak mendapat tajaan tersebut. Keadaan ini amat bertentangan dengan apa yang dijanjikan oleh Dato Seri Najib Tun Razak dalam mesyuarat khas pada 23-02-2009. Apabila masalah ini dirujuk kepada JPA, JPA pula memberi penjelasan bahawa walaupun pemberian tajaan JPA mengikut sistem merit terdapat juga kuota mengikut kaum dalam pemilihan tajaan JPA. Oleh itu, mereka tidak boleh memberikan tajaan tersebut kepada semua pelajar yang mendapat 9A dalam SPM (Thiruvengadam, 2001:36). Sumber JPA menyatakan bahawa seseorang pelajar dipilih untuk tajaan berdasarkan atas kelayakan akademik sebanyak 20%, kuota kaum sebanyak 60%, pelajar Sabah dan Sarawak, seramai 10% dan pelajar miskin seramai 10%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu pendidikan tinggi dan keciciran pelajar yang ditimbulkan oleh cerpenis adalah benar kerana ia menjadi isu bagi para cerpenis. Menurut cerpenis, isu tersebut harus diselesaikan secepat mungkin untuk menjamin masa depan seseorang pelajar.

Menurut pujanga bahasa Tamil Thiruvalluar, beliau menegaskan bahawa pendidikan adalah paling utama dan tidak akan musnah bagi seseorang yang lahir di dunia ini. Beliau menyatakan kenyataan ini melalui Kuṛal berikut.

“கேடில் விழுச்செல்வம் கல்வி ஒருவற்கு
மாடல்ல மற்றை யவை.” (குறள் 400)

“Ilmu khazanah kekal sempurna
Harta lain tidak berharga.” (Kuṛal: 400)

(Nāmakkal Kavinjar Urai, 2012, hlm. 85)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan adalah sinar kehidupan seseorang. Orang yang berpendidikan tinggi akan hidup bahagia. Oleh itu, masyarakat India di Malaysia hendaklah bertungkus-lumus mendapatkan pendidikan agar masa depan mereka lebih cerah.

4.6 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini telah memberikan satu gambaran yang menyeluruh tentang isu-isu sosial, ekonomi dan politik serta pendidikan yang terdapat dalam cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan.* Perbincangan telah dimulakan dengan mengenal pasti pelbagai masalah sosial, ekonomi dan politik serta pendidikan yang menjadi bual bicara utama dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan.* Perbincangan seterusnya telah menjurus kepada objektif kajian kedua iaitu mengkaji motif pengarang menggunakan isu-isu sosial, ekonomi dan politik serta pendidikan masyarakat yang meranapkan peradaban bangsa sebagai isu utama dalam cerpen dan diakhiri dengan mengenal pasti protes sosial yang dikemukakan oleh cerpenis.

Dapatan kajian bagi objektif kajian pertama mendapati, cerpen-cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan* merupakan cerpen-cerpen yang membicarakan masalah rakyat. Cerpen-cerpen para cerpenis bersifat mencerminkan masalah rakyat seperti mana yang ditegaskan oleh Georg Lukacs dalam teori sosiologi melalui model pencerminan. Pada hakikatnya, persoalan yang diungkapkan dalam karya harus menyentuh tentang sosial, ekonomi dan politik serta pendidikan dalam masyarakat secara langsung. Karya-karya tersebut harus menyentuh hal-hal berkaitan dengan kehidupan. Maka, boleh membuat kesimpulan bahawa cerpen-cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan* adalah refleksi sosial yang telah berjaya memaparkan masalah sosial, ekonomi dan politik serta pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penghuraian bahagian kedua pula menampakkan objektif cerpenis mengetengahkan masalah-malasah sosial sebagai isu perbincangan utama dalam cerpen. Motif isu - isu yang diketengahkan oleh cerpenis dalam cerpen dengan keadaan sebenar dapat diperjelaskan dengan bukti-bukti yang kukuh yang diperolehi daripada sumber-sumber seperti surat khabar, buku dan internet.

Seterusnya, kajian ini diakhiri dengan mendedahkan protes-protes yang dikemukakan oleh cerpenis terhadap perlakuan masyarakat. Cerpenis mengemukakan protes ini dengan tujuan untuk menyeru rakyat menidakkan ataupun menolak sepenuhnya perlakuan-perlakuan manusia yang tidak bertanggungjawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Bab kesimpulan ini membincangkan objektif kajian mengenai protes sosial yang terdapat dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan.* Hal ini bermakna pengkaji akan menjelaskan segala hasil penemuan iaitu isu-isu sosial, ekonomi, politik dan pendidikan yang terdapat dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Selepas itu, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan mengenai isu-isu yang dikaji yang terdapat dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan.* Sehubungan itu, pengkaji juga akan berkongsi idea, pendapat atau cadangan untuk memantapkan lagi kajian-kajian terhadap masyarakat India pada masa-masa akan datang. Di samping itu, cadangan-cadangan yang disampaikan oleh pengkaji juga bertujuan untuk membuka ruang kepada para bakal pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas pengkaji menjalankan kajian terhadap protes sosial yang berkaitan dengan isu-isu sosial, ekonomi, politik dan pendidikan yang terkandung dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*, pengkaji telah menemui gambaran kehidupan sebenar masyarakat India di negara ini.

5.1 Penemuan

Pengkaji dapat menemui pelbagai isu yang berkaitan bidang sosial, ekonomi, politik dan pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat. Para cerpenis dapat mencungkil isu-isu tersebut melalui cerpen yang menjadi ejen penyebar secara mudah dan cepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.1 Sosial

Pengkaji dapat menemui protes sosial yang dihadapi oleh masyarakat yang berkaitan dengan aspek sosial adalah seperti masalah penceraian, masalah penyalahgunaan dadah, masalah keluarga, masalah disiplin pelajar, keganasan remaja, masalah kasta, masalah kecurangan suami isteri, masalah pembuangan bayi, masalah kemandulan dan masalah berkaitan wanita. Seterusnya pengkaji juga membincang motif cerpenis mengutarakan isu-isu ini dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Akhir sekali, pengkaji juga menggambarkan protes sosial yang dikemukakan oleh cerpenis melalui cerpen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan kini era globalisasi, maka banyak perkara berlaku dalam sekelip mata sahaja. Dalam pada itu, ada peristiwa –peristiwa yang mencabar adat dan pegangan hidup sesuatu masyarakat. Keadaan ini akan menjadi faktor utama kepada generasi pada masa kini yang sangat tertarik dengan fenomena-fenomena baharu tanpa berfikir panjang kepada agama, moral, dan nilai. Protes sosial inilah yang menjadi cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh masyarakat dalam zaman moden ini. Dengan demikian, para penulis membawa perkara-perkara ini dalam cerpen-cerpen mereka sebagai protes sosial yang berkaitan aspek sosial.

Seterusnya, protes sosial yang berkaitan kekeluargaan telah menjadi isu asas kebanyakan cerpen terbitan akhbar harian *Tamil Nesan.* Mendirikan rumah tangga dan membesarkan anak-anak merupakan sebahagian daripada kurniaan Tuhan. Tambahan pula, orang tua di rumah mestilah dihormati. Suami pula berperanan penting sebagai ketua keluarga dan dibantu oleh isteri dalam membuat segala keputusan untuk hidup bahagia. Tanggungjawab setiap individu dalam keluarga juga amat penting dalam sesebuah keluarga. Anak perlu menjaga ibu bapa setelah mereka menjangkau usia tua. Suami perlulah bertanggung jawab terhadap isteri dan anak-anak. Isu ini telah dibincangkan oleh cerpenis dalam cerpen bertajuk *‘Tantaiyar Būmi’, ‘Antimat Tēṭalkaḷ’, ‘Pācamum Nēcamum*’, *‘Maṉamāṛṛam’ ,* dan sebagainya. Cerpenis dapat mengetengahkan isu-isu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keluarga melalui cerpen-cerpen ini dan membangkitkan semangat tanggung jawab individu dalam sesebuah keluarga.

Selain dari itu, isu penyalahgunaan dadah juga dipaparkan oleh cerpenis agar masyarakat India di negara ini tidak terjerumus ke dalam musuh utama negara tersebut. Isu ini dihasilkan oleh penulis Saraswathy Kanthaiya dalam cerpennya *'Maṉnipu '*. Cerpen yang berjudul *'Eḻutāta Oppaṇṭam'* oleh Gawri Sarvesan juga menyentuh isu ini. Cerpenis mengharapkan para pembaca harus sedar betapa padahnya penyalahgunaan dadah.

Keruntuhan moral akibat pengaruh luar serta kurangnya pegangan hidup kepada adat ketimuran juga telah banyak digunakan sebagai isu dalam cerpen Tamil terbitan akhbar harian *Tamil Nesan*. Kebebasan sosial kini berleluasa dan perkara ini tidak digalakkan dalam masyarakat India. Sebagai contohnya, cerpen yang bertajuk *'Puyalukkup Piṉ', 'Katavai Mūṭu Kāṛṛu Varātu', 'Tāykkup Piṉ Tāramā' 'Pārtta Kaṇkaḷ Iraṇṭu'* dan lain-lain menonjolkan isu-isu sosial.

Para pemuda-pemudi serta remaja wanita ditegah daripada bergaul dengan lelaki. Isu gangsterisme juga tergolong dalam masalah sosial. Walaupun, pada tahun 1970-an, masalah ini dipandang serius tetapi kini ia menjadi kelaziman hidup kerana telah menjadi amalan hidup segolongan remaja yang hanyut ikut arus pembangunan. Kehadiran internet

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang disalahgunakan juga banyak mempengaruhi remaja yang turut mengancam kehidupan mereka. setelah berkawan dengan seorang remaja terperangkap dengan kancah dadah pula menceritakan tentang pemuda-pemuda yang tidak bertanggung jawab.

Isu kasta merupakan masalah sosial yang sudah lama wujud dalam kalangan masyarakat India. Amalan kasta ini menjadi tradisi dalam kehidupan sebahagian besar masyarakat India di negara ini. Cerpenis mengetengahkan isu ini melalui watak 'Kaliyan' yang merupakan seorang dari kasta rendah dalam cerpen '*Eḻumpukkūṭu'*. Hal ini menyebabkan unsur-unsur penghinaan, diskriminasi dan pencabulan hak manusia dalam sistem kasta. Oleh itu, cerpenis menyeru masyarakat India supaya tidak menggalakkan lagi sistem ini kerana tidak akan mendapat sebarang faedah selain kemunduran dalam arus pembangunan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1
Jumlah Isu-isu Sosial Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Tamil Nesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek	Protes sosial
Sosial	1. Penceraian 2. Penyalahgunaan dadah 3. Ketagihan filem 4. Maruah keluarga 5. Kepentingan ikatan persaudaraan 6. Kemandulan 7. Feminisme 8. Masalah disiplin pelajar 9. Kasta 10. Keganasan remaja 11. Pembuangan bayi 12. Tanggugjawab anak terhadap ibu bapa 13. Tanggugjawab menantu terhadap ibu mertuah 14. Kepentingan hubungan suami 15. Kecurangan isteri

Jadual diatas menunjukan jumlah isu-isu sosial yang terdapat dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Terdapat 15 protes sosial dari cerpen-cerpen yang dikaji. Cerpen-cerpen tersebut telah menghuraikan protes sosial seperti penceraian, penyalahgunaan dadah, ketagihan filem, maruah keluarga, kepentingan ikatan persaudaraan, kemandulan, feminisme dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.2. Ekonomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji meneruskan perbincangan dengan hasil penemuan aspek ekonomi. Masalah kemiskinan, masalah hutang dan masalah ekuiti merupakan isu-isu yang berkaitan aspek ekonomi daripada hasil kajian. Seterusnya pengkaji juga membincangkan pendirian cerpenis mengutarakan isu-isu ini dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Akhir sekali, pengkaji juga menggambarkan protes sosial yang dikemukakan oleh cerpenis melalui cerpen.

Jadual 5.2
Jumlah Isu-isu Ekonomi Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Tamil Nesan.

Aspek	Protes sosial
Ekonomi	1. Kemiskinan 2. Usaha meningkatkan ekuiti 3. Keresahan hati pemiutang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.2 di atas menunjukkan jumlah protes sosial dari aspek ekonomi yang terdapat dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Cerpen-cerpen tersebut menceritakan protes sosial yang berkaitan tentang kemiskinan, usaha meningkatkan ekuiti dan keresahan hati pemiutang.

5.1.3 Politik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini diteruskan dengan penemuan protes sosial yang berkaitan aspek politik. Masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar untuk melanjutkan pelajaran dan masalah yang dihadapi oleh pengusaha industri kecil adalah antara protes sosial yang dipaparkan dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Seterusnya pengkaji juga membincang motif cerpenis mengutarakan isu-isu ini dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Akhir sekali, pengkaji juga menggambarkan protes sosial yang dikemukakan oleh cerpenis melalui cerpen.

Walau bagaimanapun, isu ekonomi dan politik kurang diberi perhatian dalam cerpen Tamil terbitan akhbar Tamil Nesan. Keadaan ini mungkin kerana politik masyarakat Tamil di Malaysia adalah agak terhad. Sebaliknya, mereka lebih mengutamakan masalah sosial yang semakin mengancam masyarakat Tamil yang perlu diberi perhatian yang serius. Namun, cerpen yang bertajuk '*Ōṭai Oṉṟu Natiyākiṛatu*' (Kegemilangan) oleh B.Sumiethan membicarakan tentang bantuan yang diterima melalui M.I.E.D. oleh MIC.

Jadual 5.3
Jumlah Isu-Isu Politik Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Tamil Nesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek	Protes sosial
Politik	1. Masalah kewangan pendidikan 2. Masalah uasahawan industri kecil

Jadual 5.3 di atas menunjukkan jumlah protes sosial dari aspek politik yang terdapat dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Akhbar tersebut telah menyiarkan 2 buah cerpen yang berkaitan politik. Antaranya ialah masalah kewangan pendidikan dan masalah usahawan idustri kecil.

5.1.4. Pendidikan

Akhir sekali, cerpenis membincang hasil dapatan dari aspek pendidikan. Keutamaan pendidikan, perasaan tidak mudah kalah dan berusaha untuk mendapatkan pendidikan merupakan antara isu-isu yang berkaitan aspek pendidikan yang dibicarakan dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Seterusnya pengkaji juga membincang motif cerpenis mengutarakan isu-isu ini dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Akhir sekali, pengkaji juga menggambarkan protes sosial yang dikemukakan oleh cerpenis melalui cerpen.

Isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan turut menjadi isu utama cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan.* Cerpen yang bertajuk *'Cakkara Nāṛkāli'* oleh Mejar A.Munusamy mengisahkan isu kepentingan pendidkan bagi seseorang. Cerpen *'Ikkarai Paccai'* oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kasturi Subramaniam membincangkan isu menghargai profesion dan tidak mengalah walaupun mendapat keputusan yang kurang memuaskan. Cerpen *'Ilaṭciyap Pen'* oleh Seeniamma Thangavelu pula membicarakan isu kekangan dalam menghadapi pendidikan anak.

Sebilangan besar cerpen yang terkandung dalam akhbar *Tamil Nesan* memberi gambaran bahawa masyarakat India yang mana sebilangan besar pernah dan sedang mengalami cengkaman oleh pelbagai masalah. Contohnya, isu penceraian, isu akibat kemandulan, masalah kemiskinan, masalah keluarga dan sebagainya.

Di bawah kategori ekonomi cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* membincangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat India. Antaranya ialah masalah kewangan, pekerjaan dan masalah hutang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesengsaraan dan kesukaran serta keseksaan yang dihadapi oleh masyarakat India di turut menjadi topik perbincangan utama cerpenis dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Isu kemiskinan, isu usaha meningkatkan ekuiti dan isu hutang dibincangkan di bawah aspek ekonomi. Usaha yang dilakukan oleh masyarakat India untuk meningkatkan ekuiti kaum India dapat disampaikan melalui watak Suntharam dalam cerpen '*Anpu Makan*' yang membawa maksud anak kesayangan. Ketiga-tiga isu yang dibincangkan dalam aspek ekonomi berjaya mencerminkan kesempitan dan kesulitan yang dihadapi oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat India akibat masalah kewangan. Masalah kemiskinan ini menjadi punca kepada kebannyakkan maslah yang lain terhadap masyarakat India.

Di bawah aspek pendidikan pula, masalah yang dibincangkan oleh cerpenis adalah masalah kekangan kewangan dan akibatnya ahli keluarga terpaksa mengorbankan masa, tenaga dan wang untuk kejayaan adik Kannan. Hal ini diberi perhatian oleh cerpenis dengan harapan kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya. Cerpen ini disudahi dengan watak Kannan juga dibantu oleh parti politik MIC dari segi kewangan untuk berjaya dalam pendidikan.

Selain daripada itu, sikap menghargai profesion dan tidak mudah mengalah juga diberi perhatian oleh cerpenis. Kerumitan dan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar India dalam melanjutkan pendidikan dibincangkan dalam cerpen '*Ikkaraip Pachai*'. Watak Janaki tidak mudah mengalah untuk terus belajar setelah emaknya berjanji akan menyokong dan mendorongnya untuk berjaya dalam pelajaran. Melalui cerpen ini, cerpenis berusaha untuk meningkatkan kesedaran tentang pendidikan dalam kalangan masyarakat India.

Di samping itu, si ibu Komathi yang tidak berputus asa untuk berkorban diri demi kemajuan anaknya walaupun dia merupakan seorang balu. Dia sanggup bekerja di sebuah kedai bunga. Cerpenis menyeru masyarakat agar berkorban masa, tenaga dan wang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap pendidikan anak kerana anak-anak merupakan eset negara yang bakal menerajui pentadbiran kerajaan.

Daripada analisis di atas, boleh merumuskan bahawa cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* membincangkan pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Hal ini menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab cerpenis dalam memperjuangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* berjaya mencerminkan realiti kehidupan manusia yang terselindung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.4
Isu-isu Pendidikan Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Tamil Nesan.

Aspek	Protes sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan	1. Pendidikan menjamin masa depan 2. Tidak mudah mengalah 3. Usaha-usaha belajar

Jadual di atas menunjukkan jumlah protes sosial dari aspek pendidikan yang terdapat dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*. Cerpen-cerpen tersebut menceritakan protes sosial yang berkaitan tentang pendidikan menjamin masa depan, tidak mudah mengalah dan usaha-usaha belajar.

5.1.5. Analisis Motif Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Tamil Nesan.*

Mengkaji motif cerpenis mengetengahkan protes sosial dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* dengan kehidupan sebenar masyarakat India merupakan analisis yang mengupas kesahihan protes sosial yang diutarakan oleh cerpenis. Protes sosial yang terdapat dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* dibincangkan sebagai bahan bukti untuk menyokong isu-isu yang diketengahkan oleh cerpenis disokong dengan bukti-bukti yang dikupas daripada pelbagai sumber.

Setiap isu yang dibincangkan dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* bukan sekadar rekaan semata-mata untuk menghiburkan para pembaca malah ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan sebenar masyarakat India di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu-isu sosial yang melibatkan masalah penceraian, penyalahgunaan dadah, ketagihan filem, maruah keluarga, ikatan tali persaudaraan, kemandulan, Feminisme, masalah disiplin pelajar, kasta, keganasan remaja, masalah pembuangan bayi, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa, tanggungjawab menantu terhadap ibu mertua dan kepentingan hubungan suami serta kecurangan suami isteri adalah isu-isu yang mencerminkan kehidupan sebenar masyarakat India di negara ini.

Oleh itu, para cerpenis mempunyai tanggungjawab mereka sebagai pencetus pemikiran masyarakat untuk mencungkil kelemahan masyarakat dan membuat penambah baikan dalam kalangan mereka. Sekiranya, cerpenis tidak menghasilkan cerpen-cerpen yang berkaitan sesuatu isu, maka boleh dikatakan masyarakat akan ketinggalan zaman untuk mencapai sesuatu dalam kehidupan. Rajah di bawah menunjukkan analisis motif cerpenis menghasilkan cerpen mereka untuk bacaan umum.

Jadual 5.5
Analisis Motif Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Tamil Nesan.

Motif	Aspek / Isu - isu semasa	Bilangan cerpen	Jumlah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Meningkatkan kesedaran	Sosial : 1. Penceraian 2. Penyalahgunaan dadah 3. Ketagihan filem 4. Masalah pembuangan bayi 5. Maruah keluarga	2 3 2 1 1	9
Menyindir	Sosial : 1. Keganasan remaja 2. Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa 3. Tanggungjawab menantu terhadap ibu mertua 4. Kepentingan hubungan suami 5. Kasta	2 3 1 1 1	8
Amanat	Sosial : Disiplin pelajar	2	2
Memaparkan masalah	Sosial : 1. Kemandulan 2. Feminisme	1 3	
	Ekonomi : 1. Kemiskinan 2. Usaha meningkatkan ekuiti 3. Keresahan hati pemiutang	1 1 1	7
Membangkitkan semangat	Politik : 1. Masalah kewangan pendidikan 2. Masalah uasahawan idustri kecil	1 1	2

Dalam analisis di atas, didapati bahawa sembilan protes sosial adalah dihasilkan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat. Motif untuk menyindir masyarakat juga menarik perhatian para cerpenis. Selain daripada itu, motif untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memaparkan masalah kepada masyarakat adalah tujuh kes. Manakala, motif untuk amanat dan motif untuk membangkitkan semangat adalah dua masing-masing.

Isu-isu sosial yang hangat diperkatakan oleh masyarakat kini ialah isu penceraian. Seperti yang dinyatakan dalam bab-bab terdahulu masyarakat memang lalai dalam isu tersebut. Maka timbulah masalah pertambahan kes penceraian. Di samping itu, masalah disiplin pelajar pada masa kini sangat mencabar. Oleh itu, para cerpenis bermotif untuk menyedarkan betapa pentingya disiplin kepada seseorang pelajar yang sedang berada di bangku sekolah. Dalam pada itu, cerpenis juga ingin menyindir masyarakat agar hidup berbahagia tanpa persilisihan faham dalam kalangan keluarga. Hal ini akan mencetuskan perkara-perkara yang tidak diingini. Isu kemandulan dalam kalangan pasangan suami isteri kini menjadi misteri kerana faktor kesihatan dan faktor persekitaran dan sebagainya. Tetapi, pandangan umum masyarakat terhadap isu ini adalah berlainan dengan keadaan sebenar iaitu menyalahkan kaum isteri. Oleh yang demikian, para cerpenis ingin mengorak langkah ke arah membasmi penyakit ini yang semakin menular dalam kalangan masyarakat. Begitu juga, dengan isu-isu pendidikan di mana cerpenis mendorong para pembaca memberi keutamaan kepada isu pendidikan yang akan menjamin masa depan mereka.

5.1.6. Analisis Protes Sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Protes sosial merupakan pernyataan yang bernadakan penentangan terhadap sebarang atau gagasan yang boleh merugikan anggota dalam kehidupan masyarakat. Penempatan protes sosial dalam karya sastera memerlukan daya kreativiti yang tinggi. Cerpenis boleh melahirkan sikap dan pandangan terhadap sesuatu isu melalui pengucapan bersifat analisis sosial.

Cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* yang dianalisis dalam kajian ini bukan setakat hanya memaparkan isu yang dihadapi oleh masyarakat malah membuat protes terhadap faktor-faktor yang menjadi asas kepada isu-isu tersebut. Berikut adalah jadual yang menunjukkan analisis protes terhadap protes sosial dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.6
Analisis Protes Sosial Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Tamil Nesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	Isu-isu Sosial	Protes
1.	Penceraian	Protes terhadap masyarakat
2.	Penyalahgunaan dadah	Protes terhadap masyarakat
3.	Ketagihan Filem	Protes terhadap masyarakat
4.	Maruah Keluarga	Protes terhadap ahli keluarga
5.	Ikatan Tali Persaudaraan	Protes terhadap ahli keluarga
6.	Kemandulan	Protes terhadap ahli keluarga dan masyarakat
7.	Feminisme	Protes terhadap wanita
8.	Masalah Disiplin Pelajar	Protes terhadap pelajar dan guru
9.	Kasta	Protes terhadap masyarakat
10.	Keganasan remaja	Protes terhadap masyarakat dan keluarga
11.	Isu Pembuangan bayi	Protes terhadap ahli keluarga dan masyarakat
12.	Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa	Protes terhadap ahli keluarga
13.	Tanggungjawab menantu terhadap ibu mertua	Protes terhadap ahli keluarga dan masyarakat
14.	Kepentingan hubungan suami	Protes terhadap wanita sudah kahwin
15.	Kecurangan suami isteri	Protes terhadap individu yang tidak mementingkan moral
16.	Kemiskinan	Protes terhadap masyarakat dan kerajaan
17.	Usaha Untuk Meningkatkan Ekuiti	Protes terhadap kerajaan
18.	Keresahan Hati Pemiutang	Protes terhadap ahli keluarga
19.	Bantuan Kewangan MIC	Protes terhadap kerajaan
20.	Masalah Usahawan Industri Kecil	Protes terhadap kerajaan
21.	Kepentingan pendidikan	Protes terhadap masyarakat
22.	Tidak mudah mengalah	Protes terhadap individu yang tidak bertanggungjawab
23.	Usaha-usaha belajar	Protes terhadap ahli keluarga, masyarakat dan kerajaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual di atas menunjukkan cerpenis telah menunjukkan protes sosial terhadap masyarakat, ahli keluarga, kerajaan dan individu.

Tujuan utama pengolahan protes sosial dalam cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan adalah* untuk mendedahkan unsur-unsur tidak baik yang dilakukan oleh masyarakat. Cerpenis melahirkan protes masing-masing terhadap pelbagai permasalahan yang berlaku dalam masyarakat India di Malaysia. Cerpen-cerpen ini lahir hasil dari protes cerpenis terhadap beberapa kepincangan sosial, ekonomi, politik dan pendidikan dalam kalangan masyarakat India di negara ini.

Protes yang dikemukakan oleh cerpenis menjurus kepada individu dan organisasi-organisasi yang melakukan diskriminasi dan penindasan terhadap golongan lemah. Kepincangan yang berlaku telah mendorong cerpenis untuk melahirkan rasa marah, sakit hati dan protes mereka dalam bentuk realiti kreatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* adalah satu himpunan rakaman sejarah masyarakat India di negara ini yang disampaikan oleh cerpenis dalam bentuk realiti kreatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Cadangan Kajian Selanjutnya

Tajuk-tajuk yang dicadangkan untuk kajian masa depan adalah untuk membolehkan seseorang pengkaji menumpukan skop kajian secara teliti dan mendalam dalam bidang-bidang yang di cadangkan. Cadangan ini akan memudahkan pengkaji pada masa akan datang bagi mendapatkan satu kajian yang luas dan menyeluruh serta meliputi semua aspek kajiannya serta dan dapat mencari penyelesaian yang sewajarnya.

Masalah sosial merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan daripada berlaku dalam masyarakat hari ini. Setiap hari kita dapat melihat di kaca televisyen dan surat khabar pendedahan mengenai pelbagai kegiatan jenayah yang berlaku dalam masyarakat. Masalah jenayah dan salah laku yang berlaku dalam masyarakat menarik perhatian awam dan menjadi bahan perbahasan politik semasa. Orang awam berada dalam keadaan khuatir dan gelisah terhadap bahaya dan kesan salah laku sosial dalam masyarakat serba moden yang mengutamakan individualism dan materialism dalam kehidupan mereka. Masalah sosial boleh diklasifikasikan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian bagi keadaan yang menimbulkan kesulitan kepada sesebuah masyarakat. Masalah sosial sering dikaitkan dengan keadaan tertentu seperti kemiskinan, kebuluran, jenayah dan fenomena sosiobudaya yang menghalang masyarakat daripada mengecapi potensi maksima mereka dan ketidakseimbangan dalam masyarakat sehingga unit tersebut mengklasifikasikan individu sebagai devian. Tingkah laku devian merujuk kepada aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mengambil tempat dalam masyarakat serta tindakan atau perbuatan melanggar norma-norma yang wujud dalam masyarakat, komuniti dan organisasi bagi tempoh tertentu. Berdasarkan penjelasan di atas, masalah sosial dapatlah ditafsirkan sebagai keadaan yang tidak digemari oleh orang ramai dan perlu dibasmi, diselesai atau diperbaiki melalui tindakan bersama oleh anggota-anggota masyarakat. Oleh itu, masalah sosial dilihat mempunyai dua unsure utama iaitu tingkah laku yang menentang atau menyimpang dan norma-norma masyarakat.

Kebelakangan ini terlalu banyak diperkatakan isu yang berkaitan dengan masalah sosial dalam kalangan masyarakat India. Pelbagai andaian, hujah, cadangan, program dan aktiviti bagi menangani masalah sosial ini diutarakan. Perlakuan sosial yang negatif dalam bentuk devian sosial tidak seharusnya menjadi satu petunjuk ke atas kelemahan masyarakat India untuk membudayakan pembangunan secara positif yang berteraskan prinsip dan nilai-nilai murni kemanusiaan. Perbincangan mengenai keruntuhan akh`lak masyarakat India adalah berkisar isu remaja. Justeru, strategi mengatasi masalah seharusnya ditumpukan pada golongan remaja ini. Berikut merupakan beberapa saranan yang sesuai bagi masyarakat India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Kesimpulan

Para cerpenis telah mengutarakan segala pemikiran mereka menerusi penulisan mereka agar ia menjadi panduan kepada generasi akan datang supaya berwaspada serta hidup bermoral demi hidup sejahtera. Juga menjadi ingatan kepada ibu bapa supaya sentiasa mengawasi anak-anak mereka agar memilih jalan yang benar.

Cerpenis telah mengutarakan pelbagai isu yang terdapat dalam masyarakat India melalui cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam akhbar *Tamil Nesan.* Masalah dalam masyarakat India setiap hari kian bertambah dan merunsingkan. Para cerpenis merupakan ejen yang bertanggungjawab terhadap kehidupan masyarakat. Objektif utama cerpenis adalah untuk menonjolkan masalah tersebut dalam kehidupan mereka. Tambahan pula, cerpenis inginkan para pembaca serba sedikit dapat memahami dan mencari penyelesaian bagi masalah yang dihadapi demi mengurangkan masalah dalam kalangan masyarakat. Cerpen mereka bukan sekadar untuk dibaca dan mengisi masa lapang malah menjadi renungan dan panduan kepada masyarakat itu sendiri. Penggunaan Teori Gerog Luckas yang menyatakan sastera atau cerpen mencerminkan kehidupan masyarakat amat tepat. Para cerpenis berjaya menyampaikan mesej melalui teori ini.

Justeru itu, cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* membicarakan protes sosial yang berkaitan dengan sosial, ekonomi dan politik memang mencerminkan kisah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlaku dalam masyarakat India sehingga hari ini walaupun zaman sudah berubah seperti yang dikatakan oleh Georg Lukacs yang merupakan pencetus teori ini.

Cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* boleh dikategorikan dalam aliran semasa kerana hasil karya mereka mencerminkan protes sosial yang menjadi intipati masyarakat India di negara ini. Para cerpenis cuba untuk menggambarkan realiti masyarakat India dalam hasil penulisan mereka dengan menyatakan permasalahan berkaitan kepincangan masyarakat seperti masalah keluarga, kerutuhan moral, masalah pendidikan dan sebagainya. Cerpenis tidak hanya berperanan menghasilkan cerpen tetapi berperanan sebagai membetulkan kelemahan masyarakat serta kepincangan masyarakat. Tujuan cerpen ini diterbitkan adalah untuk memberi kesedaran kepada para pembaca untuk mengikis gejala negatif yang dipaparkan kepada mereka menerusi sumber karya cerpen ini. Jelasnya, cerpen realisme banyak mengandungi protes sosial dan suara lantang pengarang.

Para cerpenis memilih protes sosial dengan mengambil kira perkara-perkara yang berlaku pada suatu ketika dahulu yang menjadi topik hangat dalam masyarakat seperti isu-isu sosial, politik , ekonomi dan nilai moral. Di samping itu, adakalanya cerpenis yang berjiwa masyarakat sendiri ingin mendedahkan isu-isu ini untuk makluman orang awam. Contohnya isu-isu pendidikan. Tambahan pula, cerpenis juga ingin mengkritik golongan tertentu yang terperangkap dalam krisis hidup sedemikian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Ali Wahab. (2009). *Perkembangan cerpen Melayu: dari cerita moyang ke dewan sastera.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdulroya Panaemalae. (2004). *Analisis imej Melayu dalam cerpen Malaysia dan Thailand (1970-1985).* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Akhbar Tamil, Malaysia *Nanban*, (2014). Kuala Lumpur.

Akilan. (2002). *Kathai kalai*. Chennai: Dhagam Publication.

Ali Ahmad. (1994). *Asas menganalisis cereka*. Kuala Lumpur: DBP.

Ammini Ayau. (2012). *Kajian tema cerpen penulis-penulis Tamil negeri Johor 1950-(2010)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Annadurai Murugoiah. (2010). *Cerpen-cerpen 'Peravai kathaikal 1986-2000: Satu kajian tema.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Anwar Ridhuan. (1976). *Di sekitar pemikiran kesusasteraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arjunan,V. (27.12.2009). Pāṭṭi, *Tamil Nesan,* hlm.10, Kuala Lumpur.

Arumugam,S.M. (30.08.2009). Pārtta Kaṇkaḷil Iraṇṭu, *Tamil Nesan*, hlm. 9, Kuala Lumpur.

Arunalasam, P. (5.2.2006). Mankaiyark karasi, *Tamil Nesan*, hlm.11, Kuala Lumpur.

Balu, S. (2008). *Cerpen karya puspaleelavathy (Paavai): Satu kajian tema*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Baharuddin Zainal, (1988). *Kritikan & kesusasteraan : Konsep dan pendekatan sastera*. Kuala Lumpur: DBP.

Baakiyaletchumi. (2012) *Balamuruganin Sirukathaikal Vali Malaysia Tamilargalin Valkai*. Tanjavoor: Universiti Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Baskaran, N. (1995). *Cerpen Tamil Malaysia 1930-1945*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Bawani,S. (2010). *'Pal-a Etthikal Anbarasanin Sirukathai Padaippu Thiran'.* Tanjavoor : Universiti Tamil

Chris. (2004). Identity and culture. London: Open University Press.

David Forgacs. (1988). *Teori kesusasteraan Marxis: Teori kesusasteraan moden. Terjemahan Mokhtar Ahmad*. Kuala Lumpur: DBP.

Devarajan. (23.8.2009). Antimat Tēṭalkaḷ, *Tamil Nesan,* hlm. 9, Kuala Lumpur.

Gawri, S. (17.01.2007). Eḷutāta Oppanṭam, *Tamil Nesan,* hlm. 10, Kuala Lumpur.

Gopalan, S. (03.06.2007). Aṉṉaṉukkut Teriyumā?, *Tamil Nesan,* hlm. 15, Kuala Lumpur.

Habib Muhammad. (27.05.2007). Aṉpu Makaṉ, *Tamil Nesan,* Kuala Lumpur.

Hashim Bin Awang. (1972). *Cerpen-cerpen Melayu sebelum perang dunia kedua: Satu analisa tema dan struktur.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ilangkumaran, S. (2009). *Kedudukan wanita dalam karya-karya kreatif M.A.Ilanchelvan.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Illamurugu,R. (09.05.2010). Katavai Mūṭu Kāṛṛu Varātu, *Tamil Nesan,* Kuala Lumpur.

Illamurugu,R.(29.11.2009). Thuṇaivi, *Tamil Nesan,* Kuala Lumpur.

.Iḷavaḷaku. (1983). *Ilaṭciyap Payaṇam.* Seremban.

Indra Chitty. T (2013). *Cite In Right*. Tanjung Malim : UPSI

Janakey Raman Manickam. (2011). *The Malaysian Indian Dilemma*. Kuala Lumpur: Divyam Marketing.

Jesuthas, N. (2010). *Cerpen karya M.Shanmugasiva: Satu kajian tema dan struktur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Jeyabalan Manggai,N. (Sept.2009). Puriyāta Piriyam Piriyumpōtu Pūriyum, *Tamil Nesan,* hlm. 12, Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kalaivani Palaney. (2011). *Kajian protes sosial dalam cerpen Tamil*. Terbitan akhbar Malaysia Nanban. Tesis Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kalai Venthan. (2008). *Va Muniayanin Sirukathai Padaippu Thiran.* Tanjavoor: Universiti Tamil.

Kannan, K. (04.02.2006).Vacantam, *Tamil Nesan*, hlm. 16, Kuala Lumpur.

Kannan,K. (24.10.2010). Karai Kāṇa Muṭiyāta Tōṇikaḷ, *Tamil Nesan*, hlm. 9, Kuala Lumpur.

Kasturi,S. (26.7.2009). Ikkarai Paccai, *Tamil Nesan*, Kuala Lumpur.

Krishanan, M. (1989). *Cerpen Tamil Dan Melayu (1957-1970): Satu Kajian Perbandingan Tema Dan Struktur* pada 1989. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kumarasamy,T. (2011). *Isu- isu sosial dalam Novel-novel Tamil Malaysia sekitar 1990.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kunaseelan, S. (2010). *Tema dan persoalan dalam cerpen karya M.A.Ilanchelvan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ko.Elilmuthu. (2002). *Kathai pirantha kathai*. Chennai: Vijaya Publication.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laporan tahunan 2012/2013 Perhimpunan Agung MIC ke- 67, Kuala Lumpur.

Letchumi,M. (1991). *Ilakiya Arumbugal.Kuala Lumpur:Universiti Malaya.*

Majalah Thirukkural Maanaadu 2010. Kuala Lumpur.

Mana Sikana. (1988). *Teori dan pendekatan kritikan sastera moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Mana Sikana. (2013). *Koleksi Teori Sastera*. Serdang: Pustaka karya.

Maniyarasan,M. (2007). *Kata Pinjaman Bahasa Melayu Dalam Bahasa Tamil Di Malaysia: Satu Kajian Semantik Dalam Antologi Cerpen (pe:ra waik kata kaL: 1986-2004),* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mannar Mannan. (1984/85). *Jalan ke puncak dan therupuluthi: Satu kajian bandingan cerpen Melayu dan cerpen Tamil Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (1999). *Key concepts in Usman Awang's short stories: Devoloping a critical tradition.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Sahib. (2009). *Pemaparan isu-isu sosial dalam puis-puisi Tamil Malaysia selepas kemerdekaan.*

Muniyan, V. (25.02.2006). Kaṭaṉ Paṭṭār Neñcam Pōl, *Tamil Nesan*, hlm.16, Kuala Lumpur.

Munusamy,A. (5.7.2009). Cakkara Nāṛkāli, *Tamil Nesan*, Kuala Lumpur.

Murugaiya, M. (15.04.2007). Calaṉam, *Tamil Nesan* , hlm.11, Kuala Lumpur.

Murugaiya,M. (15.06.2008). Puyalukkup Pin, *Tamil Nesan*, hlm.9, Kuala Lumpur.

Murugesu. (14.11.2010). Māṟram, *Tamil Nesan*, hlm.5, Kuala Lumpur.

Muthu,L. (07.01.2007), Paṉpum Payaṉum Atu, *Tamil Nesan,* Kuala Lumpur.

Namakkal Kavinjar. (2012). *Nāmakkal Kavinjar Urai* . Chennai: Sāratha Patipakam.

Narayanan, K. (12.1.2005). Kīṛal, *Tamil Nesan,* Kuala Lumpur.

Narayanan, M.K. (25.06.2006), Tāykkup Piṉ Tāramā, *Tamil Nesan,* Kuala Lumpur.

Neelavannan, T. (17.06.2007). Eṭirpārātatu, *Tamil Nesan*, Kuala Lumpur.

Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod.* Perak.UPSI.

Iḷavaḻaku, I. (1983). *Ilaṭciyap Payaṇam.* Seremban.

Pakiam,K. (11.02.2009). Uḷḷum Veḷiyum, *Tamil Nesan*, hlm.16, Kuala Lumpur.

Premavathi, N. (2004). *Stereotaip Watak Wanita Dalam Cerpen Bahasa Tamil.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Punniyavan, K. (1.4.2005). Nūlām Paṭai, *Tamil Nesan*, hlm.14, Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puthumaip Pithan,(2002). *Kathai Pirantha Kathai*. Tamil Puthagalayam. Chennai: Tamilnadu.

Ramaiyah,M.(1976).*Maleciyat Tamil Ilakkiya Varalaru*.Salem Puthagalayam. Tamilnadu.

Ramesh Kumar. (2008). *Ko Punniavaanin Sirukathai Thiran.* Tanjaavoor: Universiti Tamil.

Ramli Isin. (1997). *Novel Melayu mutakhir: Tema & persoalan karya.* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Ravindran,M. (2012). *Penggambaran Citra Wanita Dalam Cerpen Tamil Malaysia, 1970-2010: Satu Kajian Berasaskan Teori Arketaipal.*Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sabapathy, V. (1996). *Malaysian Tamil Novels Before Indipendence.*Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sagar Narayanan. (2009). *Satu kajian tentang corak pemikiran sosial masyarakat India terpapar dalam novel Tamil Malaysia (1957-1987).* Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Sai Beer Mohammad, (1.1.2006). eḻumpukkūṭu, *Tamil Nesan,* hlm.11, Kuala Lumpur.

Santhiagu. (25.7.2010). Iravuc Cūriyan, *Tamil Nesan,* Kuala Lumpur.

Saraswathy,K. (16.8.2009). Ma̲nnippu, *Tamil Nesan,* hlm.9, Kuala Lumpur.

Saravanan,V. (2010). *Citra Identiti Budaya Masyarakat India : Satu pembicaraan Cerpen Melayu karya cerpenis India.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Seeniamma, T. (18.06.2006). Ilaṭciyap Peṇ, *Tamil Nesan*, hlm.16, Kuala Lumpur.

Segaran,M. (2011). *Kajian Tema Karya-karya V.Munian.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Shanmugam, R. (04.02.2007). Tantaiyar Būmi, *Tamil Nesan*, hlm.10, Kuala Lumpur.

Subathradevi,C. (11.7.2010). Maṉamāṛram, *Tamil Nesan,* Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Subramaniam, N. (1978). *Penggambaran masyarakat Malaysia di dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia dan perkembangan cerpen Tamil Malaysia selepas merdeka*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Subramaniam, N. (1980). *A critical study of Malaysian short stories*.Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sumeethan, P. (18.03.2006). Mella Tirantatu Katavu, *Tamil Nesan*, hlm.16, Kuala Lumpur.

Sumiethan,B. (21.02.2010). Ōṭai Oṉṟu Natiyākiṛatu, *Tamil Nesan*, hlm.10, Kuala Lumpur.

Supardi Djoko Damono. (1978). *Sosiologi sastera : Sebuah penghantar ringkas*. Jakarta: Pusat Pembinaan & Pengembangan Bahasa.

Thayala Shankker,R. (2004). *'Ta:imaikku Oru Thavam : Satu Kajian Feminisme'*. Tanjavoor: Universiti Tamil

Thendrali,T. (10.10.2009). Kolaikkāri, *Tamil Nesan*, hlm.10, Kuala Lumpur.

Thevarajan, A. (20.05.2007). Pāḻ Viṭi, *Tamil Nesan*, hlm.15, Kuala Lumpur.

Thiruvengadam, A. (2011). Oppitten Olamitten, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Umar Junus. (1986). *Sosiologi sastera: Persoalan teori dan metode*. Kuala Lumpur: DBP.

Umadevi Brabaharan. (2007). *Protes sosial dalam cerpen Tamil Malaysia dari Tahun 1990-2006*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ungku Maimunah Mohd.Tahir. (2006). *Pemahaman dan penerapan sosiologi sastera dalam sastera Melayu moden*. Bangi: UKM.

Veeramohan. (2007). *Pemaparan unsur Ramayana dan Mahabharata dalam cerpen Tamil Malaysia (1957-1987).* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Vilvamalar,S. (14.02.2010).Manamaṉavaḷā Avaḷ, *Tamil Nesan*, Kuala Lumpur.

Yusof, Najeemah Md. ((2006). *Konsep Pendidikan*. Pahang: PTS Professional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi